

**PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGAL KEDUA  
MESYUARAT KEDUA**

---

---

<b>Bil. 12</b>	<b>Selasa</b>	<b>24 Jun 2014</b>
----------------	---------------	--------------------

---

**K A N D U N G A N**

<b>JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN</b>	(Halaman	1)
<b>RANG UNDANG-UNDANG:</b>		
Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2014) 2014)	(Halaman	22)
Rang Undang-undang Yayasan Guru Tun Hussein Onn 2014	(Halaman	72)

**MALAYSIA**  
**DEWAN NEGARA**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS**  
**PENGGAL KEDUA**  
**MESYUARAT KEDUA**

Selasa, 24 Jun 2014

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Dato' Adam bin Abdul Hamid** minta Menteri Pendidikan menyatakan, secara terperinci langkah-langkah yang dirancang bagi membendung warga asing masuk ke Malaysia menggunakan visa pelajar tetapi apabila sampai ke sini, melakukan kegiatan tidak bermoral seperti melakukan jenayah, penipuan, pelacuran, penyeludupan dadah dan lain-lain. Nyatakan bilangan kes sebenar penyalahgunaan visa pelajar seperti ini.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin]:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Adam atas soalan yang berkaitan dengan pemantauan pelajar asing di Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setiap permohonan pas pelajar antarabangsa secara keseluruhannya akan melalui dua saringan seperti berikut:

- (i) sebelum memasuki negara, kelulusan visa dengan rujukan *Visa Approval Letter* (VAL), dengan izin, iaitu saringan akademik oleh *Education Malaysia Global Services* (EMGS), dengan izin, saringan keselamatan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan saringan Imigresen oleh Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dan;
- (ii) Selepas memasuki negara, kelulusan pengeluaran *sticker pass* akan diusahakan iaitu saringan kesihatan dan *bio security* EMGS.

Proses saringan sebelum memasuki negara dilaksanakan untuk mengurangkan risiko atau membanteras kemasukan pelajar-pelajar yang mempunyai tujuan bukan untuk belajar atau melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti yang menyalahi undang-undang. Saringan tersebut juga berupaya untuk mengesan pelajar-pelajar yang mempunyai rekod-rekod jenayah atau yang menyalahi undang-undang di dalam dan luar negara. Proses saringan selepas memasuki negara pula ialah penambahbaikan dalam proses terdahulu di mana pelajar-pelajar boleh menggunakan ujian saringan kesihatan dari negara asal atau sebelum memasuki negara. Melalui proses ini juga, pelajar-pelajar yang telah mendapat visa dan memasuki negara tetapi didapati berisiko penyakit berjangkit, tidak akan mendapat kelulusan pengeluaran *sticker pass* dan perlu meninggalkan negara ini.

Selain daripada itu, setiap pelajar perlu mencapai tahap prestasi minimum CPGA 2.0 dan menghadiri kelas sekurang-kurangnya 80% untuk diluluskan pembaharuan pas. Pelaksanaan EMGS

adalah berdasarkan pencegahan atau *preventive*, dengan izin, di mana segala permohonan secara individu dan berkelompok untuk institusi boleh dipantau untuk tujuan penguatkuasaan. Walau bagaimanapun, sekiranya pelajar-pelajar didapati terlibat dalam aktiviti-aktiviti yang menyalahi undang-undang setelah memasuki Malaysia dan mendapat *sticker pass*, ia akan tertakluk kepada *standard of procedure* (SOP) agensi penguatkuasaan seperti PDRM, Kementerian Dalam Negeri (KDN), JIM dan lain-lain. Selain itu, PDRM dan JIM boleh mengambil tindakan secara terus kepada institut pengajian tinggi (IPT) sekiranya didapati cuai dalam proses mengurus dan memantau pelajar-pelajar antarabangsa yang berdaftar di IPT tersebut.

Selain itu, Kementerian Pendidikan Malaysia melalui Bahagian Penguatkuasaan dan Inspektorat turut melaksanakan pemantauan pengurusan pelajar antarabangsa di institut pengajian tinggi swasta (IPTS) secara bersepadu. Bersama agensi kawal selia yang lain seperti JIM dan PDRM dalam usaha membendung kehadiran pelajar antarabangsa yang bermasalah. Semua IPTS yang diberi kelulusan untuk mengambil pelajar antarabangsa oleh KDN diwajibkan mengemukakan laporan pengurusan pelajar antarabangsa setiap suku tahun kepada Kementerian Pendidikan Malaysia.

Pemantauan dan penyeliaan ke atas pelajar antarabangsa di IPTS merupakan program yang dijalankan secara berterusan oleh pihak KPM. Berdasarkan statistik yang diterima daripada PDRM, seramai 32 pelajar antarabangsa yang terlibat dalam kes jenayah pada tahun 2013 dan seramai 1,390 pelajar antarabangsa ditangkap melibatkan kesalahan tinggal lebih masa dan melanggar syarat pemberian pas pelajar oleh Jabatan Imigresen Malaysia. Sekian, terima kasih.

#### ■1010

**Dato' Adam bin Abdul Hamid:** Tuan Yang di-Pertua, ada dua soalan tambahan saya. Pertama, saya ingin bertanya keberkesanan sistem EMGS ini. Kedua, boleh tidak Yang Berhormat Menteri menyatakan secara terperinci warga mana di kalangan pelajar-pelajar asing ini yang selalu melakukan kegiatan sama ada tidak bermoral ataupun menyalahi undang-undang negara kita? Terima kasih.

**Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin:** Terima kasih Yang Berhormat Senator atas dua soalan. Soalan yang pertama ada berkaitan dengan keberkesanan EMGS. Memang kita sudah kesan bahawa peranan yang dimainkan oleh EMGS mendatangkan faedah atau kesan yang positif kerana berdasarkan analisa bilangan kemasukan pelajar antarabangsa bagi tempoh tiga tahun terkini, secara keseluruhannya jumlah bilangan permohonan pas pelajar antarabangsa yang diluluskan oleh Jabatan Imigresen Malaysia adalah seramai 30,241 orang iaitu pada tahun 2011; pada tahun 2012 seramai 31,583 orang; dan pada tahun 2013 seramai 30,770 orang sudah memohon.

Visa pelajar antarabangsa antara tahun 2011 hingga tahun 2013 kita boleh melihat bahawa jumlah permohonan yang tidak berjaya makin kurang. Untuk tahun 2011, kita boleh melihat bahawa 9,290 orang tidak dapat permohonan yang diluluskan. Untuk tahun 2012, seramai 11,859 orang tidak dapat permohonan yang berjaya dan pada tahun 2013 seramai hanya 983 orang yang tidak dapat kelulusan untuk mendapat mereka punya permohonan. Ini sudah membawa satu implikasi bahawa jumlah bilangan permohonan yang ditolak berkurangan dengan ketara pada tahun 2013 iaitu 3% berbanding dengan 23% hingga 27% pada tahun 2011 dan tahun 2012.

Ini sudah membuktikan bahawa peranan EMGS dalam menyaring dan memproses permohonan adalah berkesan. EMGS telah berjaya mengenal pasti pelajar-pelajar yang benar-benar berminat dan tulen untuk meneruskan pengajian di Malaysia. Pada masa yang sama, jumlah permohonan yang masuk dan tidak memenuhi syarat-syarat kelulusan telah menurun.

Sebagai satu langkah untuk menambahbaikkan pemantauan pengurusan pelajar antarabangsa di IPTS, pada 26 Jun iaitu hari Khamis, I-Card akan dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pendidikan Malaysia. Jadi saya minta Ahli-ahli Yang Berhormat untuk *watch out*, dengan izin, ambil perhatian tentang langkah ini yang akan diambil untuk terus mempertingkatkan lagi pemantauan pengurusan pelajar antarabangsa di IPTS.

Jawapan untuk soalan yang kedua ada berkaitan dengan pelajar mengikut negara yang sudah melanggar peraturan. Di sini saya bagi data yang berkaitan dengan perangkaan kesalahan melibatkan pas pelajar yang kita boleh kesan mengikut Akta Imigresen seperti mana berikut:

Negara	Bil. Pelajar Lelaki (orang)	Bil. Pelajar Perempuan (orang)
Bangladesh	9	5
<i>Cambodia</i>	0	1
Filipina	0	3
India	9	5
Indonesia	9	20
Iran	10	7
<i>Myanmar</i>	2	1
Nepal	4	3
Nigeria	141	18
Pakistan	8	2
<i>People Republic of China</i>	74	41
Sri Lanka	2	2
Thailand	1	0
Vietnam	12	1
Lain-lain	105	70
<b>Jumlah</b>	<b>386</b>	<b>184</b>

Sekian, terima kasih.

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ada beberapa kemusykilan saya setelah mendengar jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi. Pertama, tentang bila beliau mengatakan bahawa bilangan yang tidak berjaya makin berkurang. Adakah ini kerana yang memohon itu sudah cukup syarat atau kita menjadi lebih *lenient*? Saya rasa dengan undang-undang semakin ketat, tentu sahaja bilangan yang tidak berjaya itu akan bertambah tetapi sekarang makin berkurang. Adakah ini kerana *leniency* kita, dengan izin, atau kerana memang yang memohon itu memang telah memenuhi syarat?

Selain itu, saya juga ingin hendak bertanya tentang syarat kelayakan akademik minimum yang disebut tadi katanya CGPA 2.0. Saya hendak tahu, ada tidak dilakukan pemantauan yang lebih teliti terhadap CGPA? Ini kerana tidak mustahil jika CGPA itu dengan izin, di *inflated*, umpamanya 1.8

dinaikkan menjadi 2.0. Jadi saya rasa perkara-perkara seperti ini perlu diambil perhatian supaya kita jangan menjadi mangsa manipulasi kolej-kolej tertentu yang hendak mengaut keuntungan daripada pelajar-pelajar dari luar negeri ini.

Selain itu, mengenai pelajar-pelajar dari Nigeria yang ternyata paling banyak, paling ramai memberikan masalah itu, apakah langkah-langkah khas yang dilakukan terhadap pelajar-pelajar ini? Langkah-langkah khas dalam erti memantau mereka yang sudah ada di sini dan memperketat syarat kemasukan mereka ke sini. Ini kerana kita jangan hendaknya terlalu taksud dengan statistik-statistik yang tidak, dengan izin, *diverified*. Jadi usaha-usaha memastikan atau memverifikasikan statistik itu adalah penting. Terima kasih.

**Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin:** Terima kasih Yang Berhormat Senator atas soalan yang berkaitan dengan pengurusan pengambilan pelajar asing untuk IPTS. Jadi yang berkaitan dengan statistik yang diberi tadi, ia berkaitan dengan kekurangan pelajar yang masuk.

■1020

Jadi ini oleh kerana memang seperti yang saya sudah jawab tadi adalah di mana tindakan atau langkah yang begitu ketat diambil dan memandangkan kita melalui dua proses untuk pastikan bahawa ada pelajar atau pelajar asing layak untuk masuk belajar di IPTS di Malaysia. Ini membawa satu kesan kenapa bilangan itu kurang.

Yang berkaitan dengan pengawalan kualiti pelajar di IPTS, seperti yang saya sudah bagi tahu bahawa ada inspektorat untuk melaksanakan pemantauan pengurusan pelajar antarabangsa, bukan hanya tentang dia punya *behavior* tetapi dari segi keputusan akademik juga diambil kira. Sekiranya katalah pihak ada yang komplain ada aduan melalui satu e-mel atau SMS yang disampaikan kepada pihak IPTS, IPTS akan turun padang untuk mengesan dan melihat masalah itu dan selepas itu ambil tindakan.

Poin yang ketiga, adalah berkaitan dengan tindakan yang diambil oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Dalam jawapan saya, saya pun sudah ada bagi tahu bahawa ini bukan hanya tanggungjawab Kementerian Pendidikan Malaysia untuk mengawal atau memantau pelajar tetapi kita mengadakan kolaborasi antara bahagian penguatkuasaan dan badan kawal selia seperti PDRM dan JIM. Jadi ini menjadi satu tanggungjawab secara kolektif untuk memantau pelajar-pelajar dari negara asing atau antarabangsa. Sekian, terima kasih.

**2. Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit** minta Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air menyatakan, rungutan pengguna mengenai kesan kenaikan Tarif Elektrik sejak Januari 2014 dan adakah Kementerian dan TNB boleh melihat semula semakan Kadar Tarif Domestik bagi penggunaan isi rumah di bawah julat penggunaan 400 kWh sebulan agar rakyat tidak dibebankan dengan kenaikan tarif dan selaras dengan keuntungan TNB dalam tahun perakaunan 2014.

**Timbalan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air [Dato' Seri Mahdzir Khalid]:**  
*Assalamualaikum warrahmatullahi wabarakatuh*, selamat pagi dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua,

terima kasih kepada Yang Berhormat Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit atas soalan kepada Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air mengenai dengan TNB, Tenaga Nasional Berhad.

Kementerian mengambil maklum akan rungutan pengguna mengenai kesan semakan tarif elektrik pada 1 Januari 2014. Kementerian ini dari semasa ke semasa sentiasa mencari jalan untuk membantu bagi meringankan impak semakan semula tarif elektrik ke atas pengguna. Bagi meringankan beban kewangan rakyat terutamanya golongan yang berpendapatan rendah, kerajaan telah mewujudkan *safety net*, dengan izin, di mana 4.56 juta pengguna atau 70.7% daripada pelanggan domestik yang penggunaan elektrik bulanannya kurang dari 300 kWh atau bersamaan dengan RM77 tidak akan mengalami sebarang kenaikan dalam bil elektrik bulanan. Selagi dia mengekalkan penggunaan dalam kurang daripada 300 kilowatt.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberi sedikit perincian berhubung dengan 300 kilowatt ini. Daripada domestik *customer*, pengguna domestik, yang menggunakan bil elektrik daripada RM3.00 hingga RM43 sebulan, 50.37%. Daripada RM43 hingga RM77, sebanyak 20.3%. Jadi, jumlah kedua-dua ini antara RM43 ke RM77 ialah 70.7%. Manakala bagi pengguna yang menggunakan elektrik daripada RM77 ke RM117, 11%. Ini maknanya, pengguna yang menggunakan dari 300 kWh ke 400 kWh itu sebanyak 11%. Pengguna yang menggunakan RM117 ke RM198, sebanyak 10.4%. Pengguna yang menggunakan dari RM199 ke RM285 adalah 4%. RM285 hingga ke RM375, 1.75%. RM376 hingga RM2,191 sebanyak 1.98% dan melebihi daripada RM2,100, 0.03%. Jadi jumlah paling banyak sekali Tuan Yang di-Pertua adalah 70.7% iaitu di bawah daripada RM73 yang sekarang ini *safety net* adalah 300 kWh.

Daripada jumlah tersebut, 3.25 juta pelanggan tergolong dalam kategori saluran penggunaan asas (*lifeline band*) dengan izin, yang menggunakan tenaga elektrik kurang dari 200 kWh sebulan. Kadar tarif untuk kategori ini adalah RM21.80 1 kWh di mana kadar ini tidak pernah dinaikkan sejak tahun 1997.

Kerajaan juga turut memberikan pengecualian dari membayar bil elektrik bulanan kepada pengguna domestik atau kediaman yang menggunakan elektrik RM20 dan ke bawah. Langkah ini melibatkan tanggungan kerajaan sebanyak RM150 juta dan 1.1 juta pengguna di seluruh negara menikmati rebat ini setiap bulan.

Kementerian sedang mengkaji cadangan untuk menggunakan penjimatan daripada rundingan semula Perjanjian Pembelian Tenaga (*Power Purchase Agreement*) dengan izin, PPA bagi penjana tenaga bebas generasi pertama yang melibatkan amaun sebanyak RM1.57 bilion bagi tempoh kutipan Mac 2013 hingga Jun 2017 bagi menampung kenaikan tarif elektrik pada masa yang akan datang. Terima kasih.

**Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah bagaimanakah kerajaan mengawal dan memastikan TNB membuat pembacaan meter pengukuran pengguna domestik agar ia mematuhi kitar 30 hari penggunaan agar faktor pro rata yang diformulasikan tidak memberi impak penjumlahan penggunaan terkumpul bagi sesuatu bil pengguna domestik yang secara langsung menyumbang kepada pengesakan penggunaan *kilowatt hour* terkumpul jatuh pada blok tarif yang lebih tinggi dan membebankan pengguna. Ini kerana formulasi faktor

pro rata dan tempoh kitaran bil memainkan peranan dalam menyumbang pemboleh ubah utama caj bil elektrik mengikut jumlah terkumpul bulanan. Apakah kerajaan sedar bahawa kitaran bil dan faktor pro rata ini menyumbang kepada kenaikan pengguna bulanan terkumpul elektrik isi rumah? Terima kasih.

**Dato' Seri Mahdzir Khalid:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Puan Hajah Mariany atas soalan tambahan yang sangat teknikal berhubung dengan caj bulanan.

Maksud yang kalau saya faham apa Yang Berhormat sebut itu ialah bil elektrik yang terkumpul daripada bukan bulanan. Maksudnya dia jadi dua bulan baru dikumpulkan dan baru dibilkan bekalan elektrik itu. Untuk pengetahuan Yang Berhormat dan juga sidang Dewan yang mulia ini bahawa Tenaga Nasional Berhad (TNB) mengambil kira semua faktor untuk menentukan yang terbaik untuk *customer*.

■1030

Salah satu saya hendak bagi contoh ialah TNB telah memutuskan untuk menukar meter baru kepada rumah-rumah dan percubaan ini telah dibuat. Apabila percubaan ini dibuat dan didapati ada masalah dari segi bacaan bil dan diminta satu jawatankuasa yang terdiri daripada Suruhanjaya Tenaga, kementerian dan juga jawatankuasa bebas untuk mengkaji tentang meter baru, sama ada meter itu sesuai atau tidak untuk dipasang di rumah. Apabila kita dapati bahawa ianya betul-betul memenuhi piawaian yang dikehendaki, maka kita benarkan untuk diteruskan pemasangan meter.

Yang keduanya mengenai dengan caj yang disebut tadi iaitu sekiranya yang terkumpul itu dan akhirnya dia mengambil kira yang tertinggi. Sukalah saya menyebut di sini bahawa seperti yang saya katakan tadi kalau 200 *kilowatt hour* yang pertama itu, 21.8 sen tetapi kalau 200 ke 300 *kilowatt hour*, dia telah bertambah dan bukan lagi 21.8 sen. Dia ada bacaan baru. Jadi apa yang berlaku sekarang ialah yang pastinya TNB telah membuat arahan kepada petugasnya bahawa caj dibuat terhadap tiap-tiap bulan mengikut peraturan. Ada satu masa dulu, ada beberapa kes kejadian yang dibaca dua bulan dan bil itu dihantar dua bulan tetapi kita boleh memberi jaminan bahawa perkara seumpama itu tidak berlaku Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan. Silakan Yang Berhormat Dato' Mohd. Suhaimi.

**Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya memohon sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Baru-baru ini kita telah pun membaca di dalam akhbar-akhbar dan berita-berita berhubung dengan PPA ataupun *Power Purchase Agreement*. Yang Berhormat sebutkan tadi di mana kakitangan Tenaga Nasional telah pun berdemonstrasi dan menyatakan bahawa Tenaga Nasional telah pun membayar kepada sebuah syarikat kerana PPA yang ditandatangani itu melibatkan lebih kurang RM20 bilion dan syarikat ini juga telah pun ditawarkan satu lagi IPP dan baru-baru ini juga kita telah membaca bahawa syarikat ini telah menarik diri.

Penjelasan yang dipohon dari Tuan Yang di-Pertua dengan izin, apakah *stand* kerajaan di dalam urusan IPP yang hendak diadakan ini dan adakah dengan tergendalanya IPP ini maka akan melibatkan lagi kekurangan kuasa ataupun *power* yang akan di *supply*, dengan izin, kepada rakyat yang sedang menunggu? Apakah perkara ini akan melibatkan lagi kenaikan taraf tenaga elektrik. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Mahdzir Khalid:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Mohd. Suhaimi atas soalan tambahan yang telah diberikan itu dan saya juga ucap tahniahlah kepada Yang Berhormat Dato' Mohd. Suhaimi kerana telah dilantik menjadi Senator di Dewan ini.

Yang pertamanya, saya ingin jelaskan bahawa mengenai dengan *Power Purchase Agreement*. Saya ingin memaklumkan di Dewan yang mulia ini bahawa *Power Purchase Agreement* (PPA) ini, dengan izin, adalah merupakan satu perjanjian kerajaan dengan semua penjana-penjana bebas, jana kuasa bebas ataupun *independent power plant*. Dia mempunyai tiga generasi, empat generasi sudah. Yang disebut oleh Yang Berhormat Dato' Mohd. Suhaimi itu adalah generasi yang pertama. Generasi yang pertama telah bermula dalam tahun 80-an, beberapa buah IPP yang telah dijemput oleh kerajaan untuk menambah bekalan elektrik negara pada waktu itu dan mereka membuat PPA pada waktu itu.

Kemudian dia datang kepada generasi yang kedua. Kemudian dia datang generasi yang ketiga dan generasi yang keempat. Bila masuk generasi yang ketiga dan keempat ini, sukalah saya maklumkan bahawa sudah masuk dalam apa yang diistilahkan sebagai *competitive bidding*, dengan izin, iaitu IPP telah menawarkan jumlah harga tarif yang boleh diberi kepada TNB. Proses penambahbaikan ini berlaku dari semasa ke semasa dan sekarang ini, pada waktu ini IPP yang sedang mengeluarkan tenaga, jana kuasa tenaga untuk dibekalkan kepada TNB ini, asasnya adalah berasaskan kepada *competitive bidding*. Berapa jumlah harga dia? Bukan PPA yang menguntungkan sebelah pihak pada waktu ini.

Yang Berhormat Senator Dato' Mohd. Suhaimi sebut tadi mengenai dengan yang terbaru, sebuah IPP yang telah ditawarkan kepada sebuah Syarikat SIPP dan SIPP telah menjemput sebuah syarikat swasta dan juga TNB untuk menjadi rakan kongsinya. Keputusan yang kita telah dengar bahawa, syarikat itu juga telah menolak tawaran itu untuk menjadi rakan kongsi dan begitu jugalah dengan TNB. Jadi, terpulang kepada SIPP untuk menawarkan kepada siapa untuk menjadi rakan kongsinya. Tarikh untuk TNB mengemukakan suratnya pun belum sampai lagi pada waktunya. Jadi, ini sesuatu yang kita hendak pastikan wujud dan memberi lebih margin kepada TNB dari segi bekalan elektrik sebab kita sedar bahawa permintaan terhadap bekalan elektrik daripada tiap-tiap bulan dan tiap-tiap tahun bertambah atas keperluan sama ada di sektor perindustrian ataupun di sektor domestik.

Jadi, sudah tentulah pembinaan IPP yang baru ini dan kita jangka siap pada 2018 dapat membantu untuk meringankan tanggungjawab TNB dari segi bekalan tenaga kepada seluruh negara khususnya di Semenanjung. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan kita seterusnya ialah soalan dari Puan Bathmavathi a/p K. Krishnan. Silakan Yang Berhormat.

**3. Puan Bathmavathi a/p K. Krishnan** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan, jumlah OKU yang telah menerima Skim Bantuan Galakan Perniagaan (SBGP) sejak ia diperkenalkan pada tahun 2007. Adakah kesemua penerima SBGP itu masih menjalankan perniagaan masing-masing dan berapakah jumlah OKU yang digaji oleh mereka secara keseluruhan dalam memenuhi syarat.



**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator Bathmavathi a/p K. Krishnan. Sebelum itu Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mengucapkan selamat datang kepada pelawat kita, guru dan pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Sri Permata dan PRISMA Bomba. Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan syabas, tahniah kepada Yang Berhormat Senator Puan Bathmavathi, yang pertama, tabah menghadapi hidup dan prihatin dalam membela orang kelainan upaya. Saya juga ucap tahniah kerana diberikan pilihan oleh negara, oleh kerajaan, Perdana Menteri, dilantik sebagai Senator dan yang baru Tuan Yang di-Pertua, beliau diberikan kepercayaan sebagai salah seorang Ahli Majlis Kebangsaan Bagi Orang Kurang Upaya Negara. Tahniah.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Tahniah Yang Berhormat.

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Senator, suka saya menggambarkan sedikit, berdasarkan *World Disability Report 2011* oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia dan *World Bank*, dianggarkan sebanyak 15% daripada penduduk sesebuah negara adalah terdiri daripada orang berlainan upaya atau orang kurang upaya (OKU). Berdasarkan jumlah populasi semasa negara ini iaitu Malaysia lebih kurang 29 juta ataupun 30 juta, adalah dianggarkan 4.4 juta orang terdiri daripada orang kelainan upaya. Banyak itu Tuan Yang di-Pertua.

Walau bagaimanapun, bilangan OKU yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat setakat Jun 2013 hingga sekarang ialah sebanyak 477,549 iaitu lebih kurang saya kira 11.2% daripada jumlah OKU. Kita ada lebih kurang 4.4 juta. Terima kasih atas soalan ini Tuan Yang di-Pertua. Berbalik kepada soalan asal yang dikemukakan oleh Senator Bathmavathi, Skim Bantuan Galakan Perniagaan Orang Kurang Upaya ataupun SBGP OKU adalah merupakan projek pembangunan kerajaan. Ia merupakan salah satu usaha membantu golongan OKU untuk berdikari dan sama-sama menyumbang kepada pembangunan ekonomi. Bukan untuk diri mereka saja tetapi untuk ekonomi negara.

#### ■1040

Kerajaan melalui Jabatan Tenaga Kerja, Kementerian Sumber Manusia telah mengorak langkah pertama dengan memperkenalkan skim ini pada tahun 2007 di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan dari tahun 2007 hingga 2010 dan ia diteruskan lagi dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh sehingga tahun 2015. *Insyallah* Tuan Yang di-Pertua, Puan Bathmavathi kita akan terus memperjuangkan nasib OKU dan kita akan teruskan program ini dalam Rancangan Malaysia Kesebelas.

Matlamat ataupun objektif skim ini adalah untuk membantu usahawan OKU mengembangkan perniagaan yang diusahakan dan seterusnya mengambil OKU yang lain bekerja hasil daripada pengembangan perniagaan tersebut. Skim ini bermotokan bantu usahawan OKU membantu OKU yang lain. Maknanya mereka ini 100% OKU. Usahawannya OKU dan pekerjanya OKU. Jadi kalau ini terbukti Tuan Yang di-Pertua kenapa ada mengatakan bahawa orang OKU itu tidak boleh bekerja dan ini harus diberikan galakan dan mereka mengambil alih tempat-tempat yang diisi oleh pekerja asing ini.

Tuan Yang di-Pertua, semenjak SBGP OKU diperkenalkan pada tahun 2007 seramai 850 usahawan OKU telah mendapat manfaat daripada skim ini di mana 512 usahawan OKU menerimanya di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan, 338 OKU menerima skim ini di bawah Rancangan Malaysia

Kesepuluh, dan sepanjang pelaksanaan skim ini semenjak 2007 sehingga kini, seramai 713 orang OKU telah diambil pekerja oleh usahawan SBGP OKU ini. Maknanya 713 *plus* 850, itulah jumlah OKU yang terlibat dalam skim ini.

Untuk makluman Dewan yang mulia terdapat *Standard Operating Procedure* (SOP) yang telah dibangunkan untuk menguruskan skim ini. Pemantauan perniagaan dipantau selama satu tahun tiga bulan selepas usahawan menerima bantuan. Berdasarkan rekod yang ada pada kita 99% daripada penerima bantuan masih menjalankan perniagaan manakala 1% gagal meneruskan perniagaan kerana masalah kesihatan, kematian, premis perniagaan diambil alih oleh pemilik, kos bahan mentah meningkat, persaingan dengan pesaing-pesaing yang lain. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Silakan soalan tambahan Yang Berhormat Senator Puan Bathmavathi..

**Puan Bathmavathi a/p K. Krishnan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah adakah kursus perniagaan asas diberikan kepada OKU yang berjaya memperoleh SBGP ini supaya mereka dapat menangani masalah yang dihadapi semasa menjalankan perniagaan dan untuk menjamin kelestarian perniagaan mereka.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat, silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator Puan Bathmavathi. Saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada beberapa kementerian yang lain. Kita ada 11 kementerian yang terlibat secara khusus antara ini dengan membantu masyarakat apa yang kurang upaya ini termasuklah kementerian saya Kementerian Sumber Manusia dan kementerian-kementerian lain yang boleh saya sebutkan termasuk sudah tentulah yang utamanya Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Kementerian Kesihatan, Kementerian Pendidikan, Kementerian Pengangkutan, Jabatan Pengangkutan Jalan, Kementerian Dalam Negeri, Jabatan Pendaftaran Negara, Kementerian Hal Ehwal Perdagangan Dalam Negeri dan Koperasi dan Kepenggunaan, Kementerian Kewangan, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan sebagainya. Saya ingat banyak Tuan Yang di-Pertua, yang hendak kita sebutkan di samping agensi-agensi lain yang juga memainkan peranan dalam membantu masyarakat OKU ini.

Untuk makluman Yang Berhormat, sebenarnya kursus-kursus yang dianjurkan oleh pelbagai kementerian ini yang pertama Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat ini cukup banyak kepada orang-orang ataupun pekerja OKU ini. Jadi ini mungkin saya tidak hendak ambil banyak sangat tentang peranan yang dimainkan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat ini kerana mereka adalah kementerian yang ulung, yang utama, yang bertanggungjawab dalam membela masyarakat OKU ini.

Bagi skim ini, skim yang kita buat ini bawah Kementerian Sumber Manusia ini kita lebih kepada mengambil ataupun orang-orang OKU telah pun bekerja ataupun yang menjalankan perniagaan. Kita beri bantuan kepada mereka dan selepas itu kita minta galakan mereka dan mereka mengambil pekerja juga

terdiri daripada orang-orang kurang upaya dan dia ada syarat-syarat tertentu, Tuan Yang di-Pertua. Jadi dari segi kursus asas ini memang ada bahkan dalam kementerian kita pun melalui Institut Latihan Perindustrian dan sebagainya skim-skim bantuan-bantuan yang lain kita ada kursus-kursus asas yang boleh diberikan kepada OKU ini tetapi dalam program SBGP ini kita lebih kepada usahawan-usahawan OKU yang telah menjalankan perniagaan dan kita bantu mereka untuk meneruskan perniagaan mereka dan mereka mencari pula pekerja-pekerja yang juga terdiri daripada orang-orang kurang upaya. Terima kasih banyak.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan seterusnya dipersilakan Yang Berhormat Senator Dato' Lim Nget Yoon. Silakan.

**Dato' Lim Nget Yoon:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Memandangkan kerajaan negara kita menghadapi kekurangan sumber manusia dan golongan OKU ini begitu ramai, adakah kerajaan ter'*overlooked*' golongan ini, golongan ini tidak *fully utilize*, soalan pertama.

Soalan kedua saya, saya dapati golongan ini diperalatkan untuk bekerja sebagai jual keropok, jual apa-apalah untuk sindiket. Kalau sindiket yang swasta, selalunya swasta, sindiket ini boleh menggunakan mereka untuk mencari rezeki untuk mereka, kenapa tidak kerajaan kita membuat sesuatu sebab mereka memang bukan tidak berguna. Kalau kita boleh gunakan mereka dengan cara tertentu. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator Dato'. Saya cukup bersetuju dengan apa Yang Berhormat Senator sebutkan dan pada saya kita tidak ada terlepas pandang, *overlooked* maknanya terlepas pandang bahkan bagi kementerian saya, Kementerian Sumber Manusia dan kementerian-kementerian lain terutama Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan sebagainya kita mengambil perhatian yang cukup serius tentang tanggungjawab kita untuk membela OKU ini.

Oleh sebab itulah kadang-kadang saya rasa kecewa Tuan Yang di-Pertua, ada pihak mengatakan bahawa pekerja asing kita perlukan di negara kita ini kerana pekerja negara kita ini tidak minat bekerja, tidak hendak bekerja. Ini satu *statement* pada saya yang cukup saya tidak seronok kerana apa buktinya mereka tidak mahu bekerja. Apa usaha yang kita telah buat? Saya hendak beritahu di Dewan yang mulia ini Tuan Yang di-Pertua. MYDIN sebuah syarikat perniagaan di negara kita ini. Saya pernah menghadiri satu majlis di Seremban, seramai lebih kurang 60 orang yang pekerjaanya adalah terdiri daripada orang kurang upaya dan pekerjaanya cukup bersemangat bekerja. Oleh sebab itulah kalau ada tanggapan majikan-majikan berkata bahawa orang kurang upaya tidak ingin bekerja, orang tempatan tidak mahu bekerja saya memang tidak boleh terima kerana kita belum ada usaha yang cukup kuat untuk ini.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, di negara kita seperti mana yang saya sebutkan kita ada 498,906 OKU daripada 4.4 juta dan kita ada hanya baru 11.2% sahaja. Jadi mereka ini terdiri daripada orang kurang upaya, orang kelainan upaya yang menghadapi masalah pembelajaran, fizikal mereka, pendengaran, penglihatan, pelbagai mental dan juga pertuturan. Mereka ini sudah tentulah pada saya

kerajaan tidak terlepas pandang untuk memberi pembelaan kepada mereka. Ini kita lihat sangat banyak program-program melalui banyak kementerian dan agensi yang telah dilaksanakan. Seinggakan kita naik bas pun di bawah Kementerian Pengangkutan, kita ada *line* khas ataupun kemudahan khas diberikan kepada orang kurang upaya ini.

#### ■1050

Di hotel-hotel, di pejabat-pejabat kita ada *special toilet* dengan izin, tandas khas untuk orang kurang upaya. Jadi pada saya terlepas pandang ini mungkin tidak, mungkin ada sedikit-sedikit itu perlu kita bela Yang Berhormat.

Kemudian tentang penyalahgunaan, ini pun kadang-kadang Tuan Yang di-Pertua kita berjumpa di jalan-jalan, di kedai-kedai dan sebagainya. Oleh sebab itulah saya bersama dengan Yang Berhormat. Saya hendak supaya kita semua bukan sahaja pemimpin dalam Dewan ini bahkan dalam masyarakat keseluruhannya kenalah prihatin. Ini satu gejala yang pada saya cukup tidak baik. Kadang-kadang kalau kekayaan atau hasil dari kutipan itu dikembalikan kepada pekerja ataupun orang kurang upaya ini, okey. Akan tetapi kita takut ada sindiket-sindiket. Saya tidak boleh menafikan. Mungkin ada, tetapi kerajaan, kementerian dan semua kita harus bertindak bersama.

Secara kualiti memastikan supaya orang kurang upaya ini walaupun mereka telah *struggle*, setelah bersungguh-sungguh membela kehidupan dia yang cukup gigih dan sebagainya kenapa harus kita izinkan, eksploitasi ataupun penyalahgunaan terhadap orang kurang upaya ini. Marilah sama-sama dengan kementerian kita dan kementerian-kementerian yang lain dan kerajaan untuk membela masa hadapan orang kurang upaya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**4. Dr. Ariffin bin S.M. Omar** minta Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air menyatakan, apakah tindakan-tindakan yang sedang diambil oleh Kerajaan Pusat untuk menghadapi fenomena El Nino yang akan melanda Malaysia serta membawa krisis air tidak lama lagi.

**Timbalan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air [Dato' Seri Mahdzir Khalid]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Dr. Ariffin bin S.M. Omar atas soalan kepada Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air. Tadi saya menjawab soalan kedua soalan bekalan elektrik. Soalan daripada Yang Berhormat ini adalah menyatakan apakah tindakan-tindakan yang sedang diambil oleh Kerajaan Pusat untuk menghadapi fenomena El Nino yang akan melanda Malaysia serta membawa krisis air tidak lama lagi. Sukalah saya menyebut bahawa perkataan El Nino itu asalnya adalah dari bahasa Sepanyol. El Nino bermaksud "*Little boy*", dengan izin. Ada satu lagi yang berlawanan dengan El Nino dipanggil La Nina juga dalam bahasa Sepanyol yang maksudnya "*Little girl*". Jadi El Nino ini membawa cuaca yang panas, cuaca kering dan menyakitkan. La Nina membawa cuaca yang sejuk, ringan dan menyenangkan. Itulah beza El Nino dengan La Nina.

Jadi El Nino mengikut ramalan kaji cuaca akan melanda negara-negara di Asia Tenggara termasuklah Malaysia. El Nino datang apabila hasil pemanasan Lautan Spesifik. Apabila Lautan Pasifik sudah melebihi daripada suhu biasa 0.5 darjah *celsius*, maka gelombang ataupun fenomena El Nino ini

akan datang dan dia datang dari Timur dari Lautan Pasifik. Kalau untuk negara kita, dia datang dari angin Timur. Jadi negeri-negeri di Sabah, di Pantai Timur akan mendahului dari segi kesan El Nino.

Untuk pengetahuan pada waktu ini kita merasa cuaca kering tetapi cuaca sekarang bukan cuaca El Nino. Ini datang dari Angin Monsun Barat Daya yang datang dari Lautan Hindi. Dijangka El Nino akan datang pada bulan Julai ke negara kita. Ini ikut ramalan Tuan Yang di-Pertua. Kesan dari El Nino ini, ia boleh menjejaskan, pertamanya adalah bekalan air, yang keduanya cuaca menjadi begitu panas, bekalan air untuk pertanian akan menjejaskan pertanian, akan menjejaskan industri dan juga menjejaskan sektor tenaga.

Lebih daripada itu Tuan Yang di-Pertua ia juga akan membawa kepada kemudaran dalam kesihatan masyarakat. Salah satu yang boleh berkembang pada musim El Nino ialah penyakit denggi. Untuk tujuan itu Kerajaan Pusat telah menubuhkan sebuah jawatankuasa di peringkat Jawatankuasa Kabinet, peringkat kebangsaan yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan telah ditubuhkan.

Mesyuarat pertama untuk menghadapi apa juga keputusan kerajaan akan dibuat pada 30 Jun 2014, minggu hadapan. Jawatankuasa ini membolehkan pemantauan dan pelaksanaan langkah-langkah persediaan di peringkat kebangsaan dilakukan secara menyeluruh untuk menghadapi fenomena El Nino. Melalui penubuhan jawatankuasa peringkat kebangsaan ini juga semua langkah penyediaan menghadapi impak fenomena El Nino dapat diselaraskan dengan negeri-negeri. Salah satu perkara yang kita minta ialah di negeri-negeri dapat merekodkan jumlah bekalan air dalam empangan di negeri masing-masing dari Perlis hingga ke Sabah.

Jadi setiap negeri dia ada empangan, dia ada sumber air mentah dan dia laporlah. Kalaulah air mentah yang ada di negeri itu boleh bertahan lama mana. Kalau El Nino ini datang enam bulan misalnya, adakah bekalan air dalam empangan yang ada itu di negeri masing-masing boleh bertahan? Kalau tidak boleh bertahan apakah kaedah-kaedah lain yang boleh diambil untuk memastikan bahawa bekalan air boleh diberi atau disalurkan kepada pengguna domestik dan industri.

Sudah tentulah antara langkah-langkah lain yang kita perlu tengok pada waktu ini ialah pengguna-pengguna industri misalnya perlulah mengambil langkah-langkah alternatif menggunakan air bawah tanah, mengitar semula air, menggunakan kelengkapan cekap air, meningkatkan kapasiti tangki simpanan air masing-masing sebagai persediaan menghadapi fenomena El Nino. Memang agak sukar bagi kementerian bagi menjamin bekalan air tidak terganggu pada waktu El Nino datang. Cuma yang pastinya bahawa kita membuat pelbagai persediaan untuk memastikan bahawa bekalan air boleh sampai kepada pengguna. Saya ingin memberi contoh di Lembah Klang ini di Sungai Selangor, Empangan Sungai Selangor. Air dalam empangan Sungai Selangor pada hari ini ialah 43% sahaja dan sekiranya El Nino datang selama enam bulan di Lembah Klang ini, Tuan Yang di-Pertua boleh bayangkanlah bagaimana kaedah kita hendak hadapi. Selain daripada kita usaha melalui saya sebut tadi dari kolam, tasik, air bawah tanah dan sebagainya.

Saya juga mengambil kesempatan ini menyeru kepada pengguna untuk sentiasa menjimatkan bekalan air. Amalan penggunaan air secara berhemah perlulah kita jadikan budaya. Di Dewan yang

mulia ini saya minta kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat Senator dapat membantu kerajaan bagi menerangkan kepada masyarakat supaya penggunaan air kita ini dapat kita jimatkan, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan dan penerangan yang diberikan tadi. Terima kasih juga kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana telah memberi tahu kita makna El Nino dan La Nina dalam bahasa Sepanyol. Silakan Yang Berhormat Dr. Ariffin, soalan tambahan.

**Dr. Ariffin bin S.M. Omar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana memberi jawapan yang begitu lengkap. Akan tetapi selain daripada bergantung kepada air di bawah tanah, saya hendak tanya adakah kerajaan mempunyai satu tindakan atau rang undang-undang untuk menentukan bahawa kawasan tadahan air di negara ini terjamin, dijaga dan tidak dimusnahkan. Oleh Kerana ini satu perkara yang harus diambil kira. Ini kerana kita mesti ingat kekurangan air tidak sahaja membawa kepada penderitaan kepada orang ramai, tetapi dari segi ekonomi khususnya ekonomi pertanian, ini mempunyai satu kesan yang paling serius khususnya di kawasan sawah. Terima kasih.

■1100

**Dato' Seri Mahdzir Khalid:** Terima kasih Yang Berhormat atas soalan tambahan tadi. Berkaitan dengan jaminan bekalan air selain daripada kita sebut tadi beberapa sumber. Yang pasti nombor satunya di negara kita ini adalah air mentah datang daripada air permukaan sahaja, sama ada empangan ataupun sungai. Salah satu daripada komponen dalam bekalan air mentah di Malaysia ini adalah kita mempunyai empangan. Cumanya empangan di Malaysia ini ada empat kategori. Satu dipanggil empangan untuk bekalan air, satu dipanggil bekalan empangan untuk pertanian, satu dipanggil empangan untuk hidro dan juga satu lagi empangan untuk tebatan banjir di bawah TPS ada empat. Walau bagaimanapun, keempat-empat ini boleh digunakan untuk sumber bekalan air mentah kepada negeri masing-masing. Cumanya dalam struktur pemerintahan negara di antara Persekutuan dan negeri seperti yang kita tahu bahawa hutan, tanah adalah di bawah milik penguasaan negeri.

Jadi apabila salah satu daripada sumber elemen yang penting di sini seperti Yang Berhormat sebut tadi ialah empangan dan empangan ini ialah *water catchment area*, dengan izin, ialah kawasan di mana kawasan tadahan yang tidak boleh sebenarnya diganggu untuk dibuat proses pembalakan. Jadi ini melalui Majlis Perhutanan Negara ada memberi nasihat kepada negeri-negeri untuk mengekalkan kawasan empangan-empangan yang sedia ada. Saya yakin bahawa kerajaan-kerajaan negeri yang mempunyai empangan yang *water catchment area*, dengan izin, ini akan mengekalkan kawasan itu sebagai kawasan tadahan dan tidak membenarkan proses, melainkan ada negeri yang empangannya bukan di kawasan *water catchment area*. Empangan itu semata-mata untuk mengumpul jumlah air untuk kegunaan domestik dan industri.

Saya boleh beri contoh di Pulau Pinang, empangan yang sedang dibina di Pulau Pinang misalnya Empangan Mengkuang adalah empangan bukan di kawasan hutan, di kawasan lapang yang tujuannya semata-mata untuk mengumpul air untuk kegunaan domestik dan industri. Jadi saya amat yakin Tuan

Yang di-Pertua bahawa kerajaan-kerajaan negeri ambil tanggungjawab untuk memelihara kawasan empangan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Beralih ke soalan tambahan seterusnya. Silakan Yang Berhormat.

**Puan Hajah Khairiah binti Mohamed:** Terima kasih. Berhubung dengan bekalan air daripada air bawah tanah, adakah kerajaan mengkaji isi padu air yang kita miliki bagi bekalan air bawah tanah? Dan kebergantungan kita kepada air bawah tanah selama mana? Di negeri-negeri mana bekalan air bawah tanah ini dapat di peroleh. Setakat mana sekarang ini kita *utilizekan* penggunaan air bawah tanah.

**Dato' Seri Mahdzir Khalid:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator mengenai soalan tambahan air bawah tanah. Sebenarnya sumber air bawah tanah yang digunakan secara komersial dalam negara ini berada pada paras yang paling minimum, sangat sedikit. Sebabnya kerana pada keseluruhannya jumlah air yang ada di sungai yang sedia ada, air mentah daripada aliran sungai ini mencukupi untuk masuk kepada *intake* dan untuk pemprosesan air terawat. Jadi tidak banyak usaha dibuat. Walau bagaimanapun, apabila berlakunya krisis bekalan air di Lembah Klang, apabila kita gagal untuk melaksanakan Projek Langat 2 akibat masalah sesama kita dari segi politik dan akhirnya baru ini, kita baru *start* hendak buat Langat 2 dan tiga tahun lagi baru boleh siap Loji Rawatan Air Langat 2.

Jadi baru inilah baru kita mengkaji di beberapa buah negeri kebarangkalian ada air bawah tanah yang boleh digunakan. Jadi ini antara salah satu daripada negeri yang dibuat kajian secara menyeluruh ialah negeri Selangor, Perak dan juga Kedah. Jadi setakat ini saya boleh nyatakan di Dewan yang mulia ini bahawa tidak ada satu lagi penyelarasan penggunaan air bawah tanah secara menyeluruh di bawah agensi. Apa yang ada sekarang hanya di bawah syarikat dan individu. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**5. Dato' Haji Mohd. Salim bin Sharif** minta Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan, bilangan projek perumahan terbengkalai di seluruh negara dan apakah usaha kerajaan membendung kenaikan harga rumah di bandar-bandar besar ketika ini.

**Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Halimah binti Mohd. Sadique]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Salim bin Sharif.

Ada dua persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Yang di-Pertua. Pertama, berkaitan dengan projek terbengkalai dan yang keduanya ialah harga rumah. Bagi projek perumahan terbengkalai, untuk makluman Yang Berhormat Senator, bagi tempoh Januari 2009 sehingga 31 Mei 2014, kementerian telah pun mengisytiharkan sebanyak 212 projek perumahan swasta sebagai projek perumahan terbengkalai yang melibatkan jumlah unit sebanyak 59,011 unit. Jumlah pembeli yang terlibat Tuan Yang di-Pertua ialah sebanyak 39,521 orang.

Daripada jumlah tersebut, sebanyak 151 projek iaitu 71.3% Yang Berhormat, yang melibatkan 37,363 unit rumah telah pun disiapkan ataupun telah diselesaikan. Ini melibatkan pembeli seramai 23,920 orang. Sebanyak 27 projek ataupun 12.7% melibatkan 10,680 unit sedang berada di peringkat pemuliharaan

yang melibatkan sebanyak 7,564 pembeli. Baki sebanyak 34 projek iaitu 16% melibatkan 10,968 unit dengan jumlah pembelinya sebanyak 8,037 rumah masih lagi dalam perancangan awal pemulihan.

Bagi makluman Yang Berhormat, berbalik kepada persoalan kedua yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator iaitu harga rumah. Kerajaan telah pun mengambil pendekatan fizikal berorientasikan *property cooling measures*, dengan izin untuk menstabilkan harga rumah adalah seperti berikut:

- (i) cukai keberuntungan hartanah ataupun RPGT dinaikkan. Bagi makluman Yang Berhormat, bagi mana-mana hartanah yang dilupuskan dalam tempoh pegangan sehingga tiga tahun kadar RPGT yang dikenakan dinaikkan kepada 30%. Manakala pelupusan dalam tempoh empat tahun dan lima tahun, kadar RPGT dinaikkan kepada 20% dan 15%. Bagi warganegara, pelupusan pada tahun keenam dan berikutnya tidak dikenakan RPGT. Manakala bagi syarikat dikenakan RPGT 5% dan bagi bukan warganegara, pelupusan hartanah bagi tempoh pegangan sehingga lima tahun dikenakan RPGT sebanyak 30%. Pelupusan dalam tahun keenam dan berikutnya dikenakan RPGT sebanyak 5%;
- (ii) memansuhkan pemberian *Developer Interest Bearing Scheme* di DIBS, dengan izin, oleh pemaju;
- (iii) meningkatkan harga jualan minimum hartanah yang boleh dibeli oleh warga asing daripada RM500,000 kepada RM1 juta;
- (iv) meningkatkan ketelusan kepada harga-harga jualan hartanah di mana pemaju perlu mempamerkan secara terperinci harga jualan termasuklah semua manfaat dan insentif yang akan diberikan oleh pemaju kepada pembeli; dan
- (v) mulai pada 16 Mei 2014, kementerian telah pun menetapkan syarat baru penjualan secara pukal ataupun *bug buying* ataupun *end block* dalam permit iklan dan jualan pemajuan perumahan bagi mana-mana projek, projek baru yang dilesenkan untuk mengekang aktiviti-aktiviti penjualan secara pukal. Bagi penjualan secara pukal iaitu melebihi empat unit, pemaju perlu mendaftarkan nama pembeli dengan pihak kementerian.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kepada Laporan Indeks Harga Rumah yang dikeluarkan oleh Pusat Maklumat Hartanah Negara (NAPIC), Kementerian Kewangan menunjukkan bahawa perkembangan keseluruhan indeks harga rumah telah pun menunjukkan penurunan pada paras 9.6% pada sukuan keempat bagi tahun 2013. Dalam laporan awal bagi sukuan pertama tahun ini Tuan Yang di-Pertua, ia telah pun menunjukkan penurunan indeks dijangka ke paras 8%. Laporan ini menunjukkan bahawa *property cooling measures* dengan izin, yang telah pun dilaksanakan oleh kerajaan semenjak 2010 telah mula menunjukkan kesan yang positif tetapi secara terkawal terhadap mana-mana pasaran perumahan yang ada di Malaysia.



## ■1110

Keadaan ini Tuan Yang di-Pertua, berkemungkinan juga berpunca daripada sikap berhati-hati pelabur hartanah dalam bertindak balas terhadap jangkaan ekstra kolektif dalam penentuan harga hartanah di pasaran dan juga penjualan hartanah.

Bagi memastikan golongan berpendapatan pertengahan dan rendah tidak ketinggalan Tuan Yang di-Pertua, untuk memiliki rumah, maka kerajaan akan terus melaksanakan program-program bagi meningkatkan bekalan perumahan mampu milik melalui pelbagai agensi kerajaan. Antaranya, Skim Mikro oleh KPKT, Program Perumahan Rakyat (PPR) oleh KPKT, Program Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA) oleh Perbadanan PR1MA Jabatan Perdana Menteri, Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M) dan rumah mampu milik dan rumah mesra rakyat oleh Syarikat Perumahan Negara Berhad.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan akan terus mengawasi kenaikan harga rumah dan jika perlu, dari semasa ke semasa akan mengenakan langkah-langkah fizikal tambahan untuk mencari keseimbangan dalam pasaran bagi memastikan harga hartanah tidak melambung pada kadar yang tidak sihat dan tidak akan membebankan pembeli rumah. Selain daripada itu Yang Berhormat, saya juga ingin memaklumkan bahawa Majlis Perumahan Negara telah pun ditubuhkan dan kerajaan akan terus memantau industri perumahan dan membangunkan strategi serta pelan-pelan tindakan secara holistik bagi memastikan supaya industri ini berkembang secara positif dan memberikan kebaikan kepada keseluruhan rakyat di negara kita. Terima kasih.

**Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, adakah kementerian bercadang untuk menubuhkan lembaga perumahan di setiap negeri seperti mana Kerajaan Negeri Johor telah pun menubuhkan bagi mengawal harga-harga perumahan di kawasan bandar? Kita tahu bahawa kemampuan bumiputera untuk memiliki tanah ataupun perumahan kediaman di bandar ini semakin hari semakin berkurangan kerana ini secara terhormatnya, bandar ini tidak lagi seimbang mengikut kaum-kaum tertentu yang mana pinggir bandar pun, harga rumah sudah terlalu mahal ekoran daripada kenaikan harga rumah di bandar.

Apakah kementerian mengkaji secara lebih telus dari segi harga tanah tersebut sebelum dibangunkan dan juga *profit* ataupun keuntungan pihak pemaju ini supaya ada garis panduan siling yang dia boleh mendapat keuntungan tanpa melipatgandakan keuntungan dari segi penjualan hartanah? Terima kasih.

**Datuk Halimah binti Mohd. Sadique:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya sudah maklumkan tadi Yang Berhormat, kita di peringkat Kerajaan Pusat melalui Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah pun mengambil inisiatif untuk menubuhkan dan telah pun menubuhkan Majlis Perumahan Negara yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Bagi pertanyaan Yang Berhormat sama ada pihak kementerian bercadang untuk menubuhkan lembaga perumahan negeri-negeri, itu terpulang kepada pihak kerajaan negeri. Untuk makluman Yang Berhormat, setakat ini negeri yang telah pun menubuhkan lembaga perumahan negeri ialah negeri Johor, Melaka dan juga Selangor. Jadi mungkin kepada kerajaan-kerajaan negeri yang lain, kalau berhasrat

untuk mengambil peranan yang lebih luas lagi dari segi penyediaan perumahan-perumahan yang dibangunkan oleh pihak swasta dan sebagainya ini, mungkin boleh mengambil tindakan untuk mewujudkan lembaga perumahan negeri di peringkat negeri masing-masing.

Persoalan yang berbangkit kepada perkara yang dinyatakan oleh Yang Berhormat tadi, saya telah nyatakan tentang lima langkah yang akan dilaksanakan dan akan terus dilakukan oleh pihak kementerian untuk pemantauan ke atas mana-mana pemaju perumahan yang mahu membangunkan projek-projek perumahan yang ada. Terima kasih Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, saya hendak dapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan dengan status dasar ataupun konsep bina dan jual yang telah diisytiharkan pada tahun 2012 sebagaimana yang telah dilaporkan pada tahun 2015 akan diwajibkan. Ini kerana kalau kita melihat statistik yang dibentangkan tadi, isu rumah terbengkalai ini sentiasa meningkat dari tahun ke tahun.

Kalau dalam data yang saya ada, tahun 2009-2012, 178 ia meningkat kepada 212 seperti mana yang dilaporkan tadi. Ini melibatkan kepentingan awam dan banyak sekali kes-kes mahkamah juga melibatkan rumah-rumah terbengkalai ini. Oleh sebab itulah dalam Islam pun, Nabi sebut dalam hadis, dengan izin... [*Membaca sepotong hadis*] Maksudnya "*Jangan kamu jual sesuatu yang belum ada lagi.*" Jadi konsep bina dan jual ini amat mustahak sekali.

Soalan berkaitan juga, saya hendak tanya berapa sebenarnya kos kerajaan dalam menggunakan dana-dana rakyat ini untuk menyelesaikan rumah-rumah terbengkalai. Kalau tahun 2012, Bajet 2013 yang diumumkan oleh Menteri pada waktu itu, kerajaan membelanjakan RM117 juta untuk menyelesaikan kes-kes rumah terbengkalai. Jadi, berapa pula yang digunakan ataupun diambil oleh kerajaan untuk menyelesaikan kes-kes rumah terbengkalai seperti mana yang Timbalan Menteri sebutkan tadi. Terima kasih.

**Datuk Halimah binti Mohd. Sadique:** Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan di peringkat kementerian telah pun mengambil beberapa langkah bagi mengelakkan supaya projek-projek perumahan terbengkalai ini tidak akan berlaku dan untuk memastikan supaya pemaju-pemaju perumahan yang ada akan lebih bertanggungjawab dan tidak lepas tangan.

Antara langkah-langkah yang diambil oleh pihak kementerian bagi mengelakkan projek perumahan terbengkalai daripada berlaku pada masa-masa yang akan datang Tuan Yang di-Pertua, pertama ialah pindaan terhadap Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 di bawah Akta 118 yang telah pun dilaksanakan pada tahun 2011 dan telah pun diwartakan pada tahun 2012. Pindaan ini merangkumi beberapa pindaan peruntukan seperti berikut:

- (i) peningkatan dalam deposit pemajuan perumahan daripada RM200,000 kepada 3% daripada jumlah anggaran kos pembangunan fizikal ke dalam akaun pemajuan perumahan;
- (ii) pembeli rumah diberikan hak ataupun pilihan untuk membatalkan perjanjian jual beli sekiranya tiada kemajuan di tapak dalam tempoh masa 6 bulan daripada tarikh SPA ditandatangani;

- (iii) meluaskan skop tribunal tuntutan pembeli rumah bagi membolehkan pembeli rumah membuat tuntutan ganti rugi ke atas mana-mana pemaju pemajuan perumahan yang tanpa lesen dan sebagainya;
- (iv) menaikkan kadar penalti maksimum dari RM20,000 kepada RM50,000 bagi kesalahan yang dibuat oleh pemaju;
- (v) peruntukan baru juga bertujuan agar tindakan boleh dikenakan ke atas mana-mana pemaju perumahan dengan alasan mengabaikan sesuatu pemajuan perumahan selama enam bulan secara berterusan atau menyebabkan suatu pemajuan perumahan terbengkalai; dan
- (vi) definisi pemaju perumahan telah pun diperluaskan Tuan Yang di-Pertua, merangkumi pelikuidasi supaya kewajipan pemaju perumahan dapat dipertanggungjawabkan juga kepada pihak pelikuidasi.

Selain daripada itu Yang Berhormat Senator, pindaan kepada Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 [*Akta 118*] yang saya nyatakan tadi, ia akan berkuat kuasa serentak dengan Akta Pengurusan Strata 2013 [*Akta 757*] dan Akta Hakmilik Strata 2013 [*Akta 318*]. Kita harap mudah-mudahan dengan tindakan-tindakan yang akan dilakukan oleh pihak kerajaan ini Tuan Yang di-Pertua, akan dapat memberikan signal yang tegas kepada mana-mana pemaju perumahan supaya lebih bertanggungjawab untuk menyediakan projek-projek perumahan tanpa meletakkan beban kepada pembeli-pembeli.

Berbangkit kepada soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator juga, tentang berapa banyak peruntukan yang diperuntukkan oleh pihak kerajaan untuk pemulihan projek terbengkalai. Saya ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat, bahawa di bawah siling RMKe-10 dari tahun 2011 sehinggalah 31 Mac 2014 Yang Berhormat. Bagi tahun 2014, peruntukan yang telah disediakan ialah sebanyak RM81,900,000 bagi pemulihan enam projek. Bagi tahun 2015 untuk tahun hadapan Tuan Yang di-Pertua, peruntukan yang disediakan ialah sebanyak RM90 juta bagi lapan projek.

■1120

Daripada tahun 2011 Tuan Yang di-Pertua, sehinggalah kepada pelaksanaan bagi tahun 2015, perbelanjaan yang diperlukan ialah sebanyak RM116,239,974.02 dan peruntukan yang disediakan oleh kerajaan ialah RM171,900,000 bagi kita memulihkan sebanyak 35 lagi projek daripada tahun 2011. Untuk tahun 2014, enam projek dan untuk tahun 2015, lapan projek. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**6. Datuk Chin Su Phin** minta Menteri Kesihatan menyarankan, apakah langkah proaktif kementerian dalam menangani penyakit tibi yang semakin membimbangkan terutamanya di Sabah dan adakah ia ada kaitan dengan warganegara asing.

**Menteri Kesihatan [Datuk Seri Dr. S. Subramaniam]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kerajaan memang maklum bahawa terdapat banyak faktor yang menjadi punca kepada penularan kuman tibi di dalam negara kita. Malaysia sebagai sebuah negara yang sedang membangun banyak memberi peluang pekerjaan kepada individu bukan warganegara.

Faktor ini telah mengundang kepada imigrasi besar-besaran pekerja izin dan tanpa izin dari negara-negara jiran. Fenomena ini turut mengundang kepada permasalahan penyebaran jangkitan penyakit tibi di mana negara asal mereka adalah negara beban tibi yang tinggi. Kementerian Kesihatan melalui rakan kongsi seperti FOMEMA dan Growarisan Sdn. Bhd. di Sabah terus melaksanakan aktiviti saringan penyakit tibi sebelum mereka dibenarkan bekerja di negara kita.

Pada tahun 2010, sejumlah 2,540 kes aktif di kesan di dalam kalangan bukan warganegara. Pada tahun 2013 pula jumlah ini telah meningkat kepada 3,384 iaitu 40% daripada kes keseluruhan yang telah dilaporkan di dalam negara. Untuk tahun ini, sejumlah 1,439 kes atau 40.3% daripada jumlah 8,568 kes yang telah dilaporkan ialah daripada kalangan mereka yang bukan warganegara.

Walau bagaimanapun, di Sabah bebannya menjangkau sehingga 30% setahun kerana jumlah kedatangan warga asing berstatus tanpa izin agak tinggi dan ia merupakan salah satu penyumbang kepada permasalahan kawalan tibi di Sabah. Langkah-langkah pengesanan kes menjadi agak rumit apabila golongan PATI ini sering berpindah tempat untuk mengelakkan diri dari dikesan oleh pihak berkuasa tempatan. Bagi mereka yang telah dimulakan rawatan pula, mereka sering putus dan terhenti rawatan dan ini bakal mendedahkan pesakit kepada kejadian jangkitan *multiple drug resistance*.

Kementerian Kesihatan kini giat bekerjasama dengan pihak Imigresen untuk membantu di dalam mengesan warga asing yang dijangkiti tibi bagi tujuan deputasi seperti FOMEMA di semenanjung dan Growarisan Sdn. Bhd. di Sabah adalah syarikat konsesi yang bertanggungjawab untuk melaksanakan saringan kesihatan termasuk saringan tibi di kalangan pekerja asing sebelum mereka dibenarkan bekerja.

Sekiranya mereka didapati mempunyai tanda jangkitan tibi, permit bekerja tidak diluluskan dan perlu dihantar balik ke negara asal. Keadaan ini secara langsung dapat mengurangkan kejadian penyakit tibi di kalangan warga asing dan membanteras penyebaran kuman tersebut kepada masyarakat di Malaysia khususnya di Sabah. Selain itu, anggota kesihatan giat memperluaskan aktiviti pengesanan kes secara aktif di semua kemudahan kesihatan kerajaan bagi mengesan pesakit di peringkat awal jangkitan dan memberi rawatan yang efektif agar kuman tibi dapat dihapuskan segera.

Sejak lima tahun kebelakangan ini, kita telah menyaksikan peningkatan kes pada kadar 6% sampai 40% setahun. Kejadian ini dirumitkan lagi dengan kewujudan kes-kes tibi yang kebal atau *resistance* kepada ubat-ubatan yang sedia ada. Kementerian Kesihatan adalah bertanggungjawab menyediakan peruntukan yang mencukupi untuk pembelian ubat-ubatan iaitu *second line* tibi *drugs* bagi memastikan pesakit yang kronik ini dirawat sehingga pulih dan mencegah penularan kepada orang ramai. Anggaran perbelanjaan perolehan ubatan seperti ini bagi setiap individu adalah dalam lingkungan enam hingga dua peratus ribu berbanding RM160 bagi kes tibi aktif yang tidak *resistance*.

Pengesanan kes tibi *resistance* sejak tahun 2004 sehingga tahun 2013 ada di dalam lingkungan 0.3% hingga 1.3% berbanding jumlah kes keseluruhan tahunan. Untuk memperkukuhkan lagi pengesanan awal kes tibi *resistance*, kementerian telah melaksanakan perancangan perolehan peralatan dan kapasiti diagnostik yang berteknologi tinggi bagi pengesanan kes tibi *resistance* dengan cepat agar pesakit dirawat segera untuk mengawal penularan kuman tibi jenis *resistance*. Terima kasih.

**Datuk Chin Su Phin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan tadi. Yang Berhormat, saya dimaklumkan bahawa Jabatan Kesihatan Negeri Sabah telah merangka pelan jangka panjang strategi kawalan di tibi yang meletakkan sasaran penurunan 50% pada tahun 2015 berbanding kejadian tibi pada tahun 1990.

Oleh itu, soalan saya, berapa peratuskah sasaran itu telah dicapai setakat ini? Adakah ianya boleh dicapai dan apakah usaha kementerian dalam memastikan sasaran itu tercapai? Terima kasih.

**Datuk Seri Dr. S. Subramaniam:** Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Kerajaan sedang usaha untuk mencapai kedudukan itu pada keseluruhannya dan di keseluruhan negara saya ingat pencapaian negara lebih daripada apa yang telah ditetapkan. Akan tetapi, isu-isu yang menjadi sedikit beza di dalam negara di negeri Sabah ialah daripada jumlah kes yang ada di dalam kalangan mereka yang bukan warganegara. Lebih kurang 60% daripada kes-kes itu ialah daripada mereka iaitu pekerja pendatang asing tanpa izin.

Ini menjadi satu isu yang paling besar kerana mereka yang datang secara izin ada sistem-sistem tertentu yang boleh mengawal kemasukan mereka. Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat maklum, bahawa di dalam sistem membawa masuk pekerja-pekerja asing, mereka melalui dua saringan. Saringan yang pertama di negara mereka dan saringan yang kedua di dalam Malaysia. Di dalam butiran yang kita ada, ada 3% daripada pekerja-pekerja yang datang ke negara kita selepas saringan yang pertama di dalam negara mereka masih mempunyai penyakit apabila mereka dihadapi dengan saringan yang kedua di dalam negara kita.

Mereka ini dikesan melalui pemeriksaan yang dibuat oleh doktor-doktor di Malaysia dan mereka dipastikan mempunyai apa-apa jenis penyakit jangkitan, mereka akan dihantar balik. So, dari segi itu untuk mereka yang datang secara asing, kita mempunyai satu sistem yang baik untuk pastikan mereka tidak membawa masuk penyakit-penyakit. Akan tetapi, mereka yang masuk tanpa izin, ini menjadi satu isu yang paling besar khusus di negeri yang sama di mana kemasukan dan keluar mereka berlangsung secara berterusan. Nombor dua, mereka tidak tetap di satu tempat. Mereka pindah daripada satu tempat ke satu tempat yang lain. Nombor tiga, mereka seboleh-bolehnya akan pastikan mereka tidak dikesan oleh mana-mana agensi kerajaan kerana mereka takut ini akan mempunyai implikasi yang lain.

So, fakta-fakta ini menjadi satu isu yang paling besar dalam usaha kita untuk mengawal penularan penyakit ini dan penyakit-penyakit jangkitan lain termasuk malaria di dalam kalangan mereka yang masuk di dalam negara tanpa izin. Kalau *you* tanya saya, apakah penyelesaian muktamad kepada isu ini ialah ini cuma boleh berlaku pada hari di mana kerajaan kita pada keseluruhannya termasuk Kementerian Dalam Negeri dan agensi-agensi yang lain sudah berjaya untuk membanteras kemasukan mereka tanpa izin ke dalam negara di mana-mana tempat.

#### ■1130

Sampai hari itu isu ini kita- semasa mereka masuk, kita kena bersama dengan masalah-masalah ini. Bukan sahaja untuk tibi, ada penyakit-penyakit yang sudah dihapuskan sebelum ini. Contoh, filariasis yang mendatangkan bengkaknya kaki atau yang besar-besar dan penyakit sudah dihapuskan di dalam negara kita. Akan tetapi dengan masuknya pekerja mereka yang masuk ke dalam negara tanpa izin,

sudah ada kuman filariasis dalam Malaysia. Termasuk yang telah pindah melalui gigitan nyamuk daripada mereka yang pendatang tidak izin kepada warga negara kita. Ini kerana nyamuk tidak tahu siapa yang boleh digigit dan siapa yang boleh digigit balik. Ini ialah isu yang dihadapi. Oleh itu Ahli-ahli Yang Berhormat, salah satu daripada penyelesaian muktamad kepada perkara ini ialah betapa masa kita boleh berjaya di dalam mengawal kemasukan pendatang tidak izin ke dalam negara kita.

Saya maklum bahawa negara kita memerlukan pekerja, tetapi mereka mesti masuk melalui saluran yang ditetapkan. Kalau mereka terus masuk tanpa saluran yang ditetapkan, isu apa-apa kadar yang ditetapkan oleh kita tidak dapat dicapai kalau masih ada perkara-perkara yang luar daripada kawalan kita. Terima kasih.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Ada siapa-siapa soalan tambahan yang kedua? Silakan Yang Berhormat Khalid.

**Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Adakah kementerian bercadang selain daripada warga asing membuat saringan di negara asal, adakah kerajaan menyediakan pusat perkhidmatan kesihatan yang lengkap dengan mesin pengimbas penyakit ataupun *scanner* dan menyediakan pegawai-pegawai ataupun kakitangan yang mahir yang mampu mengesan penyakit-penyakit berbahaya seperti penyakit tibi di lokasi-lokasi berkenaan seperti lapangan terbang, pelabuhan dan pintu-pintu masuk sempadan? Sekian, terima kasih.

**Datuk Seri Dr. S. Subramaniam:** Apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat sedang dilaksanakan. Kita telah meningkat keupayaan untuk mengesan penyakit tibi dan mengesan kuman yang menyebabkannya secara lebih luas. Baru-baru ini satu pendekatan baru dibuat di mana sebelum ini jenis mikroskop yang digunakan untuk kesan *basilus* yang menyebabkan kuman ialah mikroskop biasa, *light microscope* dan ini ditambahkan dengan apa yang dipanggil *fluorescent microscope* yang akan bantu saringan yang lebih cepat dan yang dibuat oleh mereka yang mungkin tidak mendapat satu kemahiran yang begitu tinggi. Ini akan membantu kita meningkatkan lagi jumlah kes yang boleh disaring secara lebih cepat. Jumlah kes yang boleh dikesan secara positif, secara lebih baik.

Selain daripada itu, usaha pun sedang dibuat untuk meningkatkan *mass X-ray* yang dibuat pada masa dahulu. Di mana ada van dengan peralatan *X-ray* yang masuk ke dalam kawasan-kawasan macam kampung, di mana rakyat diminta dan mengambil *X-ray* sebagai satu langkah untuk mengesan penyakit ini secara baik. Ini dibuat tetapi masalah di sebaliknya ialah ada kawasan-kawasan, khususnya di Timur negeri Sabah di mana jumlah kes kalau kita lihat ada tempat-tempat di mana jumlah kes tibi lebih kurang 70% ialah warga asing. Jumlah mereka yang datang ke klinik kita, contoh di Semporna, di Tawau, di kawasan-kawasan yang berhampiran itu, lebih daripada 45% daripada mereka ialah warga asing, bukan mereka daripada negara kita.

Ini menjadi satu beban yang besar kepada sistem kesihatan kita. Ini kerana mengundang perbelanjaan. Kementerian Kesihatan sebagai satu kementerian yang di mana perkhidmatan di asas

kepada sikap dan dasar perikemanusiaan, kita tidak boleh menolak sesiapa pun yang datang untuk menerima rawatan. Mahupun mereka pendatang asing, izin atau tanpa izin. Daripada segi kemanusiaan kita di wajib memberi rawatan kepada mereka, khususnya di dalam kes-kes jangkitan seperti tibi. Ini kerana kalau kita merawat mereka, mereka boleh jadi punca yang akan menular penyakit ini kepada mereka yang lain termasuk warga kita.

So, ini adalah satu isu yang besar. Kalau lihat balik penyelesaian seperti yang saya telah jelaskan tadi, penyelesaian muktamad kita semua kena berikrar bahawa sebagai satu negara kita akan memerangi isu pendatang asing tanpa izin ini dengan kerjasama semua agensi dalam kerajaan, Kementerian Dalam Negeri atau Kementerian Pertahanan, kerajaan negeri, dengan satu pendekatan bahawa kita akan menghapuskan isu pendatang tanpa izin. Kalau kita berjaya dalam perkara ini, maka isu-isu lain seperti penularan penyakit-penyakit dan perkara-perkara ini boleh kita berjaya. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Oleh kerana masa tidak mengizinkan, setakat itu sahajalah soalan lisan kita pada hari ini dan kita terus kepada seterusnya.

***[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat.]***

## **RANG UNDANG-UNDANG**

### **RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (2014) 2014**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas bahawa, "Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2014) 2014 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis." ***[Hari Kedua]***

**Tuan Yang di-Pertua:** Seterusnya Yang Berhormat, sebelum saya mulakan untuk perbahasan seterusnya, saya ingin menarik perhatian semua Yang Berhormat, setakat ini sahaja saya terima kerana kita sudah ada ramai yang hantar dan masa itu saya terpaksa hadkan hanya kepada lebih kurang 10 hingga 15 minit sahaja seorang. Sekarang saya minta Yang Berhormat Datuk Rohani sambung. Lima minit lagi Yang Berhormat.

**11.35 pg.**

**Datuk Hajah Rohani binti Abdullah:** *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Salam sejahtera, salam 1Malaysia.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya sambung balik dalam perbahasan Akta Perbekalan Tambahan yang menyentuh B.21 – Kementerian Pertanian. Di mana saya telah kemukakan semalam dua persoalan berkaitan dengan nelayan, petani dan juga pekebun. Di mana nelayan telah mendapat RM200 sebulan sara hidup mereka dan untuk membantu meringankan beban harian mereka dan juga

kepada nelayan yang perlu kepada pembaikan rumah. Di mana diberi anggaran daripada RM3 ribu hingga RM10 ribu bagi setiap rumah yang perlu dibaiki.

Seterusnya, saya juga mengambil kesempatan merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada kerajaan kita yang sentiasa prihatin kepada golongan nelayan, petani dan pekebun rata-rata yang terdiri daripada golongan yang berpendapatan rendah. Untuk itu, di samping bantuan baja, anak-anak pokok dan juga keperluan-keperluan pagar dan kolam ikan dan sebagainya. Juga ada diberi bantuan anak ikan keli. Saya difahamkan sudah beberapa tahun yang lepas di mana projek ini telah diperkenalkan kepada penternak dan mendapat sambutan yang begitu baik. Ramai penternak mengambil bahagian dan mendapat bantuan-bantuan ini.

Akan tetapi adakah kerajaan sedar bahawa ada di kalangan penternak ikan keli ini walaupun banyak bantuan telah diterima dari kerajaan tetapi projeknya terbengkalai, tidak berhasil. Bantuan yang kerajaan bagi itu kita ibaratkan bahawa bantuan rugi, kerajaan menghadapi kerugian. Penternak pun kita kira gagal dan di mana pembekal sahaja yang dapat mengaut keuntungan, yang membekal anak-anak ikan keli yang tidak berkualiti.

#### ■1140

Di mana didapati di antara pembekal-pembekal itu membekal anak ikan keli yang ditenak tidak besar-besar, tidak subur. Dalam erti kata ia tidak boleh dijual. Jadi kalau macam ini adakah kerajaan memantau? Jadi saya mencadangkan supaya kerajaan menubuhkan satu jawatankuasa pemantau bagi mengatasi masalah ini daripada berterusan berlaku supaya tidaklah petani dan pekebun itu menghadapi kegagalan dalam kehidupan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan setiap kawasan Parlimen ada diberi peruntukan oleh Kementerian Pertanian sebanyak RM50,000 untuk membantu segera bagi petani, peladang dan nelayan dalam urusan-urusan segera. Saya ingin mencadangkan apalah kiranya sekiranya kerajaan dapat melipatkan gandakan bantuan itu iaitu dari RM50,000 kepada RM100,000 dan dengan itu, saya kira kerajaan dapat membantu lebih ramai lagi penternak, petani dan nelayan yang memerlukan kepada bantuan segera.

Seterusnya saya juga ingin menyentuh berkaitan dengan Kementerian Pendidikan, Maksud B.41. Adakah kerajaan bercadang mengadakan taska bagi setiap sekolah untuk memudahkan guru-guru yang mempunyai anak-anak kecil yang masih dalam jagaan supaya apabila taska ini diwujudkan di setiap sekolah, ia memberi kemudahan kepada anak dan ibu itu berada dalam satu bumbung dan ia mengurangkan bebanan kos mengambil pekerja asing sebagai pembantu rumah dan juga kadangkala kadang menghindarkan daripada berlakunya jenayah di mana anak-anak itu teraniaya seperti yang pernah berlaku yang dibentangkan di dada-dada akhbar baru-baru ini...

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey, cukup Yang Berhormat. Cukuplah itu.

**Datuk Hajah Rohani binti Abdullah:** Habis sudah?

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah itu.

**Datuk Hajah Rohani binti Abdullah:** Cepat sangat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukup ya Yang Berhormat.



**Datuk Hajah Rohani binti Abdullah:** Cukup sudah? Saya minta seminit.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak, tidak. Sudah ramai ini, masa kita terhad.

**Datuk Hajah Rohani binti Abdullah:** Okey. Kalau begitu, saya ucapkan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya silakan Yang Berhormat Dato' Adam bin Abdul Hamid.

**11.43 pg.**

**Dato' Adam bin Abdul Hamid:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, saya turut serta menyokong rang undang-undang ini. Saya ingin menyentuh satu perkara saja iaitu mengenai B.13 – Kementerian Luar Negeri.

Pada masa ini, kalau kita perhatikan, peranan Kementerian Luar kita hanyalah untuk mewujudkan hubungan diplomatik. Sedangkan, saya merasakan bahawa negara seperti Malaysia, negara kita yang kita cintai ini boleh memainkan peranan lebih daripada itu terutama sekali untuk jangka masa 10 atau 20 tahun akan datang.

Saya berikan contoh bagaimana Korea misalnya, yang 10 atau 15 tahun dulu apabila orang bertanya Korea kepada kita, kita kata ada Korea Selatan, ada Korea Utara. Korea Utara lebih memihak kepada China dan Rusia, dan Korea Selatan alat Amerika. Itu persepsi kita 15 tahun dahulu. Akan tetapi sekarang kalau kita kata Korea, *Gangnam style*, ikutan belia seluruh dunia. Keretanya, budayanya, makanannya, dan itu menaikkan satu tahap yang tinggi, orang mengenali Korea. Kalau kita buat penilaian kenapa dalam jangka masa yang sekejap begitu Korea jadi terkenal seluruh dunia hinggakan dalam Piala Dunia sekarang dia juga masuk bermain, berbeza dengan kita Malaysia suatu masa dahulu sangat popular di rantau Asia Tenggara ini dan Asia tetapi sekarang ini kita tidak kesampaian. Saya lihat peranannya ialah strategi Korea melalui Kementerian Luar Negerinya.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan juga Ahli-ahli Dewan yang saya hormati, pergi ke Menara Hap Seng di Jalan P. Ramlee, di bawah situ ia ada satu Plaza Korea. Kalau kita pergi, salah satu dia punya servis ataupun perkhidmatan diberikan secara percuma ialah belajar bahasa Korea. Ramai orang pergi. Kalau dulu seminggu sekali, sekarang tiap-tiap dua hari sekali. Yang Berhormat Tuan Haji Ahamad Yusop kata kahwin dengan orang Korea. Itu lambat sangat kita... *[Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Ahamad Yusop berminat itu. Silakan Yang Berhormat.

**Dato' Adam bin Abdul Hamid:** Ada belajar masakan Korea, ada persembahan budaya Korea, pakaian Korea. Rupanya, dia buat tiap-tiap pejabat kedutaannya di luar negara dan bukan sahaja di Malaysia. Berbelas-belas tahun telah dilakukan dan kesannya kita nampak dengan jelas sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, oleh yang demikian, saya hendak mencadangkan supaya sepatutnya peruntukan diberikan melalui kedutaan kita, permulaan RM500 juta satu tahun, dan saya rasa kita akan mencapai ke satu tahap yang cemerlang dalam bukan sahaja memperkenalkan negara kita, akan tetapi kemudian kemasukan pelancong, kemasukan pelaburan asing ke dalam negara kita. Kita ada kelebihan.

Kalau misalnya pertunjukan kebudayaan satu minggu untuk kaum Melayu, minggu depannya untuk masyarakat mewakili kaum Cina dari Malaysia supaya orang kenal. Begitu juga daripada masyarakat India, kalau kita adakan kelas percuma bahasa Melayu dua minggu, kemudian seminggu berikutnya, India, bahasa Tamil tapi dari Malaysia. Bahasa Mandarin dari Malaysia. Kepelbagaian kaum, budaya, agama itu kita manfaatkan untuk kita memperkenalkan negara kita. Malam tadi misalnya Tuan Yang di-Pertua, kita pergi mendengar taklimat daripada PLUS.

#### ■1150

Kita pun tahu sistem infrastruktur dari segi jalan raya kita adalah salah satu yang terbaik bukan sahaja di peringkat Asia tapi kalau ikut *National Geographic*, dia nombor tujuh seluruh dunia. Kalau misalnya melalui cara ini kita boleh pameran sistem kita dan kemudian ada negara yang hendak mengajak syarikat daripada Malaysia buat pelaburan ataupun memberikan kerja-kerja kontrak di negara tersebut alangkah berbahagia kontraktor daripada Malaysia. Dia akhirnya akan menaikkan imej negara kita.

Kita dengar taklimat kemudahan pelaburan daripada MITI semalam pun begitu juga kalau kita boleh terangkan kepada masyarakat dunia melalui kedutaan-kedutaan kita akan lebih banyak orang faham dan pelabur masuk ke Malaysia. Kita tadi membincangkan masalah pelajar antarabangsa yang datang hendak belajar menuntut ilmu di universiti-universiti swasta di Malaysia. Kalau melalui kedutaan-kedutaan kita, kita dapat maklumkan kepada masyarakat luar, masyarakat antarabangsa tentang peluang-peluang itu sudah tentu dia akan juga memberi peluang *win-win situation*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua kepada negara kita.

Jadi saya mencadangkan supaya perkara ini diambil perhatian. Kita memerlukan langkah ini dengan tujuan supaya 10 tahun akan datang, 15 tahun akan datang Malaysia lebih dikenali dan Malaysia akan lebih makmur. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Ini adalah satu cara yang terbaik kerana dia fokus satu isu sahaja tetapi dia memberi penjelasan yang begitu- inilah satu contoh yang agak saya fikir yang tidak perlu agaknya semua benda hendak komen. Buat macam ini lagi keberkesanannya dan lebih baik. Terima kasih Yang Berhormat.

Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Dato' Jaspal Singh. Tidak ada? Nanti dia kemudianlah itu. Sekarang ini saya mempersilakan Puan Hajah Mariany Mohammad Yit. Saya minta semua berada di dalam Dewan ya. Okey, silakan Yang Berhormat.

#### 11.53 pg.

**Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera. terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan ruang kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 2014 untuk kelulusan Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk kepada maksud B.10 di mana sebanyak hampir RM2,009 juta diperuntukkan sebagai bayaran bonus kepada kakitangan Lembaga Hasil Dalam Negeri

pada tahun kewangan 2013. Untuk maklumat semua dalam Bajet 2014, penjawat awam telah diberikan bonus prestasi bagi tahun 2013 sebanyak setengah bulan gaji.

Oleh itu semestinya kakitangan LHDN yang mana lantikannya di bawah Akta Badan Berkanun perlu memberikan bonus kepada kakitangannya bagi memastikan prestasi kutipan cukai pendapatan terus menyumbang kepada kelestarian pendapatan negara. Cuma saya ingin memohon kerjasama dari semua anggota LHDN agar memperkasakan perkhidmatan kutipan cukai dengan penuh iltizam dan meningkat integriti perkhidmatan kutipan tanpa kompromi.

Jumlah peruntukan sebanyak RM2008.9 juta ini adalah angka yang sangat besar. Oleh itu saya memohon perincian daripada kerajaan tentang berapakah nilai bonus tertinggi dan terendah diberikan kepada pegawai dan staf LHDN dan unjuran sebenar kos bagi pemberian insentif bagi tahun 2014 agar pada tahun hadapan LHDN tidak perlu lagi memohon peruntukan tambahan bagi memperuntukkan insentif tahunan kepada pegawai dan kakitangan.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin merujuk kepada peruntukan RM1 bilion bagi tambahan peruntukan untuk menampung subsidi bahan api bagi tahun 2014 di bawah Maksud B.11(2). Melalui pemerhatian saya kenyataan penyelewengan subsidi bahan api diesel dan RON95 masih lagi berlaku terutamanya di negeri-negeri sempadan seperti di Tumpat dan Rantau Panjang di Kelantan, Kedah dan di Perlis. Modus operandi yang menggunakan kenderaan berkapasiti tinggi yang mempunyai tangki minyak besar dan lama seperti Pajero, Hilux dan lori satu hingga tiga tan dan mengisi minyak secara berulang setiap hari semakin rancak dan menjadi satu profesion pekerjaan bagi penduduk di utara Semenanjung.

Lewat ini saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada KPDNKK yang telah membuat usaha untuk menyekat ketirisan ini. Memang tidak dinafikan KPDNKK sukar untuk menggembleng tenaga dan usaha membanteras aktiviti ini secara solo. Oleh itu saya ingin menggesa semua agensi penguat kuasa seperti JPJ, SPAD, PDRM, RELA, APMM, Kastam, Jabatan Peguam Negara, kerajaan tempatan dan seterusnya KPDNKK meningkatkan sekatan jalan raya dan menguatkuasakan pendaftaran log data pengisian minyak bagi semua kenderaan yang berkapasiti tinggi dan tangki minyak besar bagi setiap kali pengisian minyak dibuat agar kita dapat membendung perlakuan penyelewengan ini.

Saya dimaklumkan pada ketika ini modus operandi penyelewengan runcit ini mendapat kerjasama pemilik stesen minyak itu sendiri dan masa selepas subuh iaitu enam pagi hingga tujuh pagi iaitu antara pukul 6.45 petang hingga lapan malam adalah waktu puncak penyeleweng-penyeleweng runcit ini melakukan kerja. Oleh itu saya mohon kerajaan menjalankan pemantauan yang lebih efektif pada masa puncak ini agar kegiatan penyelewengan bahan api diesel ini dapat dibendung sepenuhnya.

Tuan Yang di-Pertua bagi Maksud B.41 saya ingin menyokong pertambahan kos kontrak konsesi bagi perkhidmatan pembersihan bangunan dan kawalan keselamatan di enam buah kampus UiTM. Cuma saya ingin menegaskan bahawa terdapat tohmahan tentang pemberian konsesi ini adalah mengikut amalan kronisme dan telah mensensasikan isu sebenar tambahan bajet ini. Akan tetapi mengikut data dan maklumat yang saya peroleh kos sebenar untuk mengurus kemudahan ini amat tinggi

setelah peraturan gaji minimum di jalankan kerana asas pengiraan gaji dan unjuran kenaikan gaji telah dibuat 10 tahun lepas dan ini tidak lagi relevan dengan kos sara hidup semasa kini.

Tohmahan yang dibuat tentang mempolitikkan konsesi kampus UiTM ini harus dijawab oleh kerajaan dengan berhemah dan penjelasan terperinci. Ini kerana isu yang dibawa benar-benar berniat jahat kerana kos penyelenggaraan seperti alat kelengkapan elektrik seperti lampu bilik dan kipas bilik penginapan pelajar sangat tinggi. Ini kerana penuntut ini menggunakan bukan hanya 24 jam satu hari juga tujuh hari satu minggu sepanjang semester. Akan tetapi bagi kipas mereka terus menggunakan dari mula hingga tamat semester iaitu selama tempoh empat bulan. Oleh itu mana tidak rosak alat elektrik ini kerana keadaan persekitaran pengguna dan beban lampau berfungsi.

Tuan Yang di-Pertua pada tahun 2014 Jabatan Perkhidmatan Awam telah dua kali memohon untuk mendapatkan bajet tambahan. Pada Mei lepas JPA memohon sejumlah peruntukan untuk membiayai kos persaraan dan juga perubatan kakitangan awan dan pesara-pesara kerajaan. Saya menyokong penuh permohonan bajet tambahan ini. Namun saya ingin menggesa semua pengawal pusat di seluruh kementerian dan pusat tanggungjawab supaya lebih berjimat cermat dan memastikan tidak berlaku ketirisan perbelanjaan bagi perkara-perkara yang kurang penting.

Pada Disember 2013 Perdana Menteri telah mengumumkan beberapa langkah penjimatan perbelanjaan dan beberapa pengurangan elaun dilakukan terhadap penjawat-penjawat awam kategori JUSA.

#### ■1200

Kerajaan juga telah mengurangkan beberapa perbelanjaan kerajaan bagi memastikan perbelanjaan kerajaan lebih berhemah. Tuan Yang di-Pertua, sempena menyambut Ramadan yang bakal tiba minggu hadapan dan sambutan hari raya, saya agar kerajaan mengawal perbelanjaan kerajaan bagi menyambut program-program berbuka puasa kementerian atau jabatan di hotel-hotel terkemuka atau di premis mereka agar penglibatan sepenuhnya dapat dilaksanakan. Begitu juga dengan majlis sambutan hari raya saya mohon agar mulai Mei tahun 2014 ini agar kawalan perbelanjaan kerajaan bagi mengadakan majlis sambutan hari raya dikurangkan dan memohon Kementerian Kewangan mengeluarkan pekeliling khusus pada pengawal pusat, ketua pusat yang bertanggungjawab, ketua pegawai eksekutif badan berkanun dan syarikat berkaitan kerajaan agar program sambutan majlis hari raya ini diurus secara berhemah.

Ini kerana melalui pengalaman, saya perhatikan sepanjang dua bulan semasa Ramadan dan Syawal prestasi penyampaian kerajaan sedikit menurun kerana sibuk dengan urusan untuk mengurus majlis berbuka puasa dan sambutan hari raya. Sebagai ganti bagi majlis ini saya mencadangkan agar sambutan Ramadan jika boleh untuk berbuka puasa dan majlis hari raya diadakan secara *potluck*, dengan izin, seperti yang dilakukan oleh guru-guru di luar bandar. Ini kerana ia lebih efektif dan mesra seperti yang diamalkan oleh guru-guru ini. Dengan cara ini ukhuwah persaudaraan sesama Islam dan masyarakat lebih erat tanpa membebankan wang negara.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, bagi memastikan penglibatan dan pengurusan berhemah, jabatan dan agensi kerajaan, saya ingin menekankan suatu keperluan bagi Jabatan Perkhidmatan Awam

dan Perbendaharaan untuk menguatkuasakan secara lebih tegas penggunaan kenderaan rasmi kerajaan dan kos selenggaranya. Untuk tujuan itu saya memohon kementerian untuk memperincikan jumlah kenderaan rasmi kerajaan, bilangan pemandu, kos selenggaraan dan alat ganti serta kos bahan api yang ditanggung Kerajaan Persekutuan dari Januari 2014 hingga Mei 2014.

Apa yang ingin saya tegaskan secara pemerhatian saya dapati banyak kes pembaziran penggunaan kenderaan rasmi ini dan di dalam Laporan Audit Negara, Siri 2 Tahun 2013 ada disentuh. Begitu juga, terdapat pembaziran berlaku dari segi penggunaan bahan api, perjalanan yang bukan tujuan rasmi, ketirisan dan penyelewengan dalam penyelenggaraan serta perolehan alat ganti. Contohnya, banyak kita dapati pemandu kenderaan rasmi terus menghidupkan enjin dan memasang *air conditioner*, apabila menunggu ketua-ketua mereka menghadiri satu majlis dan tidur di dalam kereta. Perbuatan ini membazirkan kos api dan perlu dibendung sepenuhnya.

Oleh itu Kementerian Kewangan di harap dapat mengeluarkan satu surat arahan agar garis panduan penggunaan kenderaan rasmi awam dan mekanisme penjimatan ini dapat diterap dalam perkhidmatan awam apabila menggunakan kenderaan rasmi kerajaan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya ingin menarik perhatian semua Ahli Yang Berhormat, apabila membahaskan itu kalau boleh ada banyak perkara-perkara yang telah disentuh oleh Ahli Yang Berhormat tidak payah diulang. Cuba fokus kepada beberapa perkara yang difikirkan, apa pandangan Yang Berhormat dan komen dan cadangan. Ini yang saya fikir senang kementerian hendak jawab dan akan menjimatkan masa. Sekarang tanpa membuang masa lagi saya mempersilakan kepada Yang Berhormat Puan Norliza.

**12.03 tgh.**

**Puan Norliza binti Abdul Rahim:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana sudi memberikan saya ruang untuk turut berbahas di dalam rang undang-undang ini. Saya hanya akan menyentuh dua kementerian sahaja iaitu yang pertama saya akan menyentuh B.21 iaitu Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Jadi, sebagaimana yang kita Ahli-ahli Dewan yang sedia maklum, menjelang tahun 2050 kita, dunia mungkin menghadapi masalah *food security*. Jadi, saya rasa adalah penting untuk tanah-tanah pertanian ini harus mula diusahakan dengan lebih giat supaya masalah ini dapat kita tangani lebih awal dan kurang masalah di masa hadapan.

Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian sebab saya difahamkan terdapat banyak tanah-tanah pertanian yang diubah syarat ataupun dengan izin, yang *diconvert* kepada pembangunan perumahan dan juga komersial. Jadi, saya mohon pihak kementerian untuk memberikan penjelasan berapakah jumlah tanah yang telah diubah syarat daripada pertanian kepada pembangunan? Ini kerana saya rasa kalau kita ingin menggiatkan sektor pertanian maka kita tidak harus membenarkan tanah-tanah ini *diconvert* kepada pembangunan.

Seterusnya, saya juga ingin menarik perhatian sebagaimana ada yang dibangkitkan oleh salah seorang Senator, saya ingat Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Asyraf Wajdi mengenai tanah wakaf. Akan tetapi saya merasakan ini amat baik cuma di Pulau Pinang saya lihat terdapat banyak tanah-tanah wakaf yang terbiar. Jadi, saya rasa mungkin kita boleh dapatkan maklumat daripada Kementerian, berapakah jumlah tanah wakaf seluruh Malaysia? Sama ada bolehkah tanah-tanah ini kita bangunkan atau kita swasta kan secara *contract farming*? Maknanya pada masa yang sama, tanah ini dibangunkan. Kedua, rakyat dan masyarakat juga dapat mengusahakan dan dapat pendapatan daripada projek-projek *contract farming* ini.

Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani kerana Kementerian Pertanian ada melancarkan lama agro yang saya rasa ini satu langkah yang baik untuk memupuk sifat dan budaya menanam untuk keperluan diri kita sendiri. Jadi, bagi kita kepada *especially* di Kedah, di negeri-negeri yang mempunyai banyak tanah, jadi bolehlah kita menggalakkan orang-orang kampung bertanam untuk keperluan sendiri. Kita juga harus menggalakkan budaya pemakanan yang lebih sihat bagi rakyat Malaysia.

Sebagaimana kalau kita tahu, kita pergi ke negara-negara luar, amat sukar untuk mendapat nasi. Jadi, untuk rakyat Malaysia beras ini sudah jadi satu keperluan yang amat penting, jadi mungkin kita kena fikirkan alternatif lain dengan menggalakkan budaya kurang sedikit makan nasi. Sebagaimana semalam saya bincang dengan Yang Berhormat Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop tetapi dia tidak ada dekat sini. Dia kata, "*Badan sudah besar kena kuruskan.*" Dia ada jumpa kawan dia di luar negara tiga tahun ke lima tahun tak makan nasi sudah kurus. Jadi, dia pun hendak kurangkan nasi tetapi dia kata *lounge* tiap-tiap hari jamu nasi. Jadi mungkin selepas ini kita boleh tukar sedikit kepada *Chicken Chop* atau lain-lain. Kita kurangkan budaya memakan nasi untuk kesihatan juga.

Seterusnya, saya ingin teruskan kepada Maksud B.13 – Kementerian Luar Negeri. Jadi. kita mengalu-alukan niat kerajaan untuk membuka pejabat perwakilan di Azerbaijan dan juga pejabat perwakilan di China. Cuma yang ingin saya bangkitkan sedikit. Ini adalah satu benda yang amat harus dilaksanakan tetapi kita memohon kepada kementerian, apakah status *progress renovation* untuk Parlimen kita sendiri? Oleh sebab kalau kita tengok di luar negara kita hendak buka sana, sini tetapi di tempat kita sendiri saya rasa *renovation* untuk Parlimen Malaysia ini telah memakan masa yang agak panjang dan masih belum siap.

Saya rasa ini amat penting sebab di sinilah tempat segala-galanya bermula. Jadi, ada kalanya kita dapat banyak lawatan daripada duta-duta daripada luar dan saya rasa tempat Parlimen ini harus dipercepatkan *renovation* nya supaya ianya memberi satu *impression* yang lebih baik kepada pelawat-pelawat dari luar. Kalau saya rasa Tuan Yang di-Pertua juga setuju, ada kala kita melawat ke Parlimen-Parlimen luar negara. Sebagai contoh kalau kita pergi ke baru-baru ini ke Morocco, kita tengok setiap, sampai ke bumbung siling dia pun ada menceritakan mengenai kenapa siling Dewan Negara macam ini, kenapa siling Dewan Rakyat macam ini. Kenapa tiang ini macam ini.

Jadi, ia menceritakan segala *history* atau sejarah dan juga sifat-sifat ataupun perjalanan sesuatu negara. Saya rasa apabila kita ingin membuat *renovation* bagi Parlimen, kita harus menitikberatkan

elemen-elemen yang boleh dengan izin, *reflect* mengenai perjalanan negara kita Malaysia. Saya rasa itu sahaja Tuan Yang di-Pertua yang ingin saya bangkitkan. Sekian, saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Shukor.

**12.09 tgh.**

**Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang membenarkan dan mengizinkan saya untuk mengambil bahagian dalam rang undang-undang ini. Saya ingin menyentuh hanya dua atau tiga jabatan.

■1210

Pertama, saya ingin sentuh T.14 berkenaan Pencen, Elaun bersara dan Ganjaran. Apa yang saya hendak sentuh di sini ialah elaun Ahli Dewan Negara. Saya diminta daripada Ahli-ahli Dewan Negara, minta saya sentuh perkara ini supaya pihak kerajaan meneliti memandangkan elaun-elaun Ahli Dewan Negara ini paling rendah di rantau ini. Betul Yang Berhormat ya? Jadi saya ingat perkara ini Yang Berhormat Dato' Sri Shahidan pun sudah beri pengakuan. Saya berharap benda ini menjadi kenyataan Tuan Yang di-Pertua. Yang itu yang saya hendak sentuh bab T.14.

Kedua, saya ingin sentuh berkenaan dengan B.11, berkenaan Perkhidmatan Awam dan Perbendaharaan. Ini benda Yang Berhormat serius Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan agenda bumiputera. Saya dihubungi oleh seorang bumiputera yang membuat perniagaan di luar negara yang mana membawa masuk duit, meniaga di luar negara, bawa masuk duit ke Malaysia. Ini keuntungan kepada negara tetapi apa yang berlaku kepada pegawai-pegawai daripada GLC yang ingin saya sentuh yang menyusahkan syarikat-syarikat bumiputera. Sebenarnya mereka ini membantu. Saya ingin beri satu contoh. Sebuah syarikat bumiputera ataupun daripada Khazanah lah yang sebenarnya, mereka membeli kapal terbang daripada MAS. Apabila sampai satu masa kapal terbang itu, dia tidak pakai lagi sudah, untuk dijual. Diberi kepada sebuah anak syarikat PNB, kalau tidak silap, saya kalau tidak silap nama syarikat itu, untuk dijual.

Akan tetapi apa yang berlaku, syarikat ini sebenarnya dia patut bantu kepada bumiputera ini sebenarnya tapi menjadi sebaliknya. Apa yang berlaku, dia menyusahkan sama. Kalau untuk bumiputera ini kita beri dalam masa dua tahun, dia kata kena bayar dalam masa setahun, setahun kena *settle*. Akan tetapi saya difahamkan bumiputera tersebut mampu membayar. Setelah untuk membeli pula kapal terbang yang kedua Tuan Yang di-Pertua, dia buat kerenah juga. Dari dua tahun kena bayar dalam masa setahun. Jadi saya harap, Menteri yang jaga hal ehwal ini, saya tidak hendak dedahkan benda-benda yang serius, nama syarikat dan sebagainya. Saya takut dia ini akan *diblacklist*. Dia ini syarikat bumiputera yang mengendalikan kapal terbang Tuan Yang di-Pertua. Saya harap pihak Menteri yang berkenaan, kalau boleh berhubung dengan sayalah. Saya akan lebih detil akan perkara ini Tuan Yang di-Pertua.

Ketiga, Maksud B.13 – Kementerian Luar Negeri. Saya menyokong Dato' Adam yang mana mengatakan untuk memberi peruntukan yang lebih kepada Kementerian Luar dan patut diberikan

tambahan kepada pegawai-pegawai kita di luar negara. Baru-baru ini saya dibawa bersama-sama oleh Tuan Yang di-Pertua untuk melawat ke luar negara. Saya ingin sentuh beberapa perkara Tuan Yang di-Pertua. Saya harap Tuan Yang di-Pertua izinkan saya. Kami ini diberi penghormatan oleh sebab Tuan Yang di-Pertua bawa jumpa Perdana Menteri Morocco. Bila kita sampai di sana, kita dapati begitu *warm welcome*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Ini menunjukkan Kementerian Luar memainkan peranan yang cukup hebat. Apabila Tuan Yang di-Pertua berjumpa dengan Perdana Menteri Morocco, satu perkataan yang dia cakap yang betul-betul naik bulu roma saya Tuan Yang di-Pertua, pertama dia kata, kalaulah diberi peluang kepada dia, dia hendak tinggal di Makkah. Dua negara dalam dunia yang dia cuba hendak duduk. Satu di Makkah, satu di Malaysia Tuan Yang di-Pertua. *Allahu Akbar!* Cuba kita fikir, tengok Perdana Menteri Morocco, bukan orang biasa. Akan tetapi kita di sini, apa yang berlaku? Rakyat sendiri mencerca negara ini. Jadi ini satu penghormatan yang amat hebat.

Kedua, Tuan Yang di-Pertua sudah mainkan peranan sebagai 'Menteri Luar' memohon visa memandangkan kalau rakyat Morocco datang ke Malaysia tanpa visa. Akan tetapi kalau kita ke Morocco, dikenakan visa. Akan tetapi Tan Sri sebagai Tuan Yang di-Pertua memainkan peranan sebagai 'Menteri Luar', Menteri Dalam Negeri memohon pengecualian visa dari Morocco, memang hebat. Tahniah Tuan Yang di-Pertua [*Tepuk*] Saya difahamkan Perdana Menteri kata, "*Consider done*". Itulah dia hebat tidak hebatnya Malaysia di luar negara.

Ketiga Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua juga bawa saya ke Westminster. Ini hebat Yang Berhormat. Lawatan dengan Tuan Yang di-Pertua kalau Yang Berhormat dapat pergi, jangan tolak. Saya sudah tolak dahulu tetapi Tuan Yang di-Pertua kata datang, *alhamdulillah*. Saya betul-betul bersyukur Tuan Yang di-Pertua. Bila kita pergi ke *Westminster* kita dapat jumpa *Lord President* yang mana kita tengok penghormatan yang diberi kepada Yang di-Pertua Dewan Negara kita ini, cukup hebat Yang Berhormat.

Apa yang saya hendak tekankan di sini, peranan Menteri Luar cukup hebat, mereka memainkan peranan. Sebab itu apabila Tuan Yang di-Pertua memohon untuk membuat lawatan di Parlimen Britain, disambut dengan begitu hebat dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, kita duduk di Dewan ini hebat. Kita ada nama semua tempat duduk *direserve*. Di sana ada 700 *Members of Parliament*, tempat duduk hanya disediakan untuk 200. Tidak ada ini meja-meja semua tidak ada. *So*, kita kira hebatlah. Bab Yang Berhormat Senator Puan Norliza sebut saya tidak mahu sebutlah berkenaan dengan antik-antik yang menceritakan sejarah. Yang itu saya ingat pihak kementerian ataupun pihak Parlimen untuk memikirkan perkara-perkara itu.

Satu perkara lagi yang saya ingin sentuh Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan aset. Sampai masanya pihak Kementerian Luar membeli aset-aset di luar negara. Harus buat kajian sama ada aset yang ada sekarang ini lebih baik sewa ataupun kita beli. Sebab kalau kita tengok kedudukan sekarang ini, tiap-tiap tahun harga sewa- kalau kita kata di London, setahun sampai hampir RM200,000. Jadi, kita kena fikir- tiap-tiap tahun naik. Saya ingat sampailah masanya untuk kita mempunyai aset-aset.

Saya juga ingin menanyakan kepada pihak kementerian, kenyataan yang dikeluarkan oleh mantan Menteri luar semasa enam tahun yang lalu. Kenyataan beliau yang mengeluarkan yang mana



Kementerian Luar tidak akan menanggungkan projek pembinaan pejabat Kedutaan Malaysia di Islamabad, Pakistan, New Delhi, India, Manila dan Filipina. Ini kenyataan yang dikeluarkan oleh Yang Berhormat mantan Dato' Sri Rais Yatim semasa menjadi Menteri Luar. Jadi, saya hendak tahu, apakah *progressnya* sehingga tahun 2014? Kita tidak hendak bila seorang Menteri, buat satu kenyataan, satu keputusan benda itu tukar Menteri, benda itu diam.

Jadi akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan B.21. Saya ingin menanyakan kepada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani kenaikan bekalan agromakanan bagi menangani kesan kenaikan barang-barang. Ini saya hendak tanya, adakah benda-benda ini, kenaikan harga-harga barang ini atas tekanan daripada orang tengah. Ini kita hendak tahu. Kita hendak penjelasan daripada pihak kementerian. Saya juga hendak kerajaan kembalikan balik istilah bumi hijau ini, dapat membantu rakyat. Sekian Tuan Yang di-Pertua. Saya menyokong rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

#### ■1220

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Datuk Jaspal. Tadi dia ada masuk dalam Dewan. Silakan Yang Berhormat.

#### 12.20 tgh.

**Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh:** Terima kasih saya ucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua memberikan peluang kepada saya berbahas Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 2014. Saya ada tiga topik yang saya hendak sentuh ini dalam perbahasan saya.

Nombor satu ialah peluang bagi *entrepreneurs*. Pada pandangan saya, pengumuman ETP ini *Economic Transformation Plan* yang dibuat oleh kerajaan dua, tiga tahun dahulu memang bagus sekali. Pelan ini memang satu pelan yang besar, mempunyai banyak peluang. Akan tetapi saya rasa seperti peluang-peluang ini adalah semua projek-projek yang besar sekali Tuan Yang di-Pertua untuk satu mimpi yang besar. Projek-projek yang dikendalikan oleh ETP ini semua besar seperti MRT untuk syarikat-syarikat yang besar. Syarikat-syarikat yang telah maju dapat projek baru, lagi maju.

Projek seperti Iskandar, Projek IPP dan baru-baru ini, hari ini saya baca dalam surat khabar kawasan Pudu itu akan dibangunkan oleh EPA, *Eco World* dan juga UDA. Hendak bangunkan, hendak buat satu *mall* yang begitu canggih, yang begitu bagus, kita hendak menarik *investment* untuk *brand-brand* yang besar memasuki *mall* ini. Kalau semua pembangunan seperti itu, orang bumiputerakah, golongan-golongan yang tertinggal itu, apakah peluang mereka untuk masuk berniaga di *mall-mall* seperti ini? Oleh sebab hendak masuk pun, hendak menyewa satu tempat, satu ribu kaki itu, kena bayar lebih kurang RM100, RM200 deposit dahulu.

Adakah kerajaan mempunyai satu struktur atau pun program? Saya hendak tahu ini. Nombor satu saya hendak tahu siapa yang menjaga dan saya hendak tanya kepada Jabatan Perdana Menteri siapakah *responsible* untuk membangunkan *entrepreneur* baru. Kita tidak mahu *opportunity* ini, peluang-peluang ini semua balik kepada mereka yang datang dalam 80-an. Sudah jadi besar sekarang, mereka boleh cari kerja di tempat-tempat lain di luar negara. Akan tetapi budak-budak baru ini yang 30 tahun, 32 tahun yang tidak ada bilion-bilion, hanya mempunyai RM100,000 kah RM200,000 modal, apakah peluang

untuk mereka? Kalau semua projek-projek besar, hendak ambil bahagian ada tidak RM5 juta dalam bank? Ada tidak lesen ini, lesen itu? Ada tidak satu kilang sudah siap? Apakah peluang untuk budak-budak baru? Siapa yang menjaga keperluan mereka ini?

Baru-baru ini saya hendak bagi satu contoh. Saya jumpa ada satu syarikat budak-budaklah, *young people*, orang muda dia mempunyai lori. Dia beli dua, tiga lori dan mempunyai peluang untuk membeli minyak, *schedule waist*. Membeli minyak pada *workshop* dan menjual pada kilang. Tiap-tiap kali dia pergi beli minyak, kalau dia pergi jual pada kilang kena tahan. Kena tahan sebab dia tidak ada lesen. Dia tidak ada lesen, tahulah kalau tahan tidak kena tangkap, kena tahan sahaja. Lepas bincang boleh jalan.

Saya pun membawa mereka pergi ke Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar dan membuat satu mesyuarat hendak dapatkan lesen untuk pengangkutan. Saya difahamkan oleh kementerian lesen ini sudah tidak ada. Kalau mahu lesen ini mesti buka satu kilang dahulu. Buka kilang, lepas itu baru beli lori, boleh pergi membeli minyak dan proses. Kalau hanya hendak ambil minyak dan menjual sudah tidak boleh. Saya dapati polisi seperti ini tidak menggalakkan *entrepreneurship*. Oleh sebab kalau hendak buka kilang, hendak proses perlukan lebih kurang RM5 juta kah, RM3 juta, RM4 juta, saya pun tidak tahu. Jadi, orang muda-muda yang keluar ini, yang belajar di universiti tentang *environmental* kah, dia belajar tentang semula jadi yang dia keluar dia mempunyai sedikit wang boleh dapat beli lori tetapi tidak ada peluang.

Nombor satu tidak ada peluang, nombor dua polisi ini menggalakkan rasuah sebab budak ini, *entrepreneur* ini walaupun dia tidak boleh dapat lesen dia mahu juga sebab dia ada peluang. Dia tahu macam mana hendak beli minyak, dia tahu macam mana hendak jual. Dia kata, "*Tidak apalah, saya beli lori. Tidak ada lesen pun jalan juga*". So, saya minta kerajaan *review* polisi seperti ini. Kita jangan sahaja hendak fikirkan projek-projek yang besar. Kita perlukan projek-projek yang kecil, *opportunity*, peluang dan bagi lesen kepada mereka yang betul-betul hendak buat *business* terutamanya golongan-golongan bumiputera, golongan-golongan orang India yang tertinggal. Kalau tidak ada peluang, hanya projek besar, hanya *benefit* sedikit orang sahaja.

Nombor dua tentang perumahan ini. Pagi tadi saya sekali lagi baca akhbar di kawasan kejiranan saya. Dahulu dipanggil Bukit Kerinchi. Sekarang sudah tukar nama Pantai Sentral tetapi Kerinchi juga. Buat *apartment* oleh IGB di kawasan yang dahulunya banyak hendak kata orang bumiputera, orang Melayu, orang-orang susah duduk sana. Sekarang dia buat *apartment* begitu cantik sekali. Harganya semua tidak kurang daripada RM1 juta. Siapa yang dapat beli *apartment* ini? Bukan orang sana. Selalunya banyak *developer* atau pemaju ini bila mereka membuat *apartment* ini, sebelum buat *apartment* dia telah jual di Singapura, telah jual di Hong Kong, telah jual di negara-negara lain. Adakah polisi ini yang kita hendak simpan?

Apakah kawalan yang akan dibuat oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan supaya kita memberi lebih kepentingan kepada penduduk-penduduk tempatan. Buat apa hendak buat *apartment* cantik-cantik ini, memang bagus landskap dia cantik sekali tetapi orang yang tinggal di sana, pengundi kita yang sokong Kerajaan Barisan Nasional tidak dapat beli rumah itu. Dia

kena pindah tempat lain. Hati dia pun sakit. Kena pergi tempat lain, saya pun tidak tahu mana, mungkin hendak datang Kuala Lumpur lebih kurang satu jam daripada 10 minit.

Di negara Australia, mereka ada satu polisi. *There is simple policy*. Dia bukan tentang harga. Dia kata kalau *foreigner* hendak beli rumah itu atau pun *apartment* di Australia, hanya untuk *new launch*. Akan tetapi bila hendak jual itu *you must sell to a local*. Jadi transaksi nombor dua itu kita tidak boleh jual kepada seorang lagi *foreigner*. Kena jual kepada orang Malaysia. Dengan itu, harga itu dia boleh *control* sedikit. Jadi, apakah mekanisme *control*?

Nombor dua, daripada segi perumahan ini kita telah janji dalam akur janji itu. Sebelum pilihan raya kerajaan hendak buat satu juta rumah dalam lima tahun ini. Saya sedang buat sedikit analisa tentang rumah PPR ini. Senarai itu dibuat oleh kerajaan negeri, siapa akan dapat rumah ini? Golongan yang dapat gaji RM500 kah, RM600, RM800, dia punya peluang memang tinggi mahu dapat rumah ini. Mereka yang gaji RM1,500, RM2,000 peluang dia kurang sedikit di bawah.

Walaupun rumah ini diberikan kepada mereka, apa yang tidak ada *but is not needed* antara satu pinjaman *special* yang boleh didapati oleh golongan ini. Bila mereka tidak boleh dapat pinjaman, walaupun boleh dapat rumah itu dia tidak dapat beli rumah. Walau bagaimanapun mereka masih beli rumah sebab *they act as an agent* untuk orang lain membeli rumah. Dia dapat sedikit wang, dia beli rumah. Okey tidak apa, simpan sepuluh tahun ini saya bagi nama *you* tetapi sebenarnya orang yang perlukan rumah ini tidak dapat peluang ini sebab tidak ada pinjaman yang bagus. Satu pinjaman yang boleh diberikan oleh satu agensi yang bukan bank.

#### ■1230

Oleh sebab bank sekarang di bawah *basel tree* Tuan Yang di-Pertua, dia memang tidak boleh bagi pinjaman seperti ini. *Balance sheet* tidak bagus. Kalau *balance sheet*nya tidak bagus mempunyai pinjaman-pinjaman seperti ini yang risikonya tinggi, *cost of fund* dia naik.

Jadi dia memang tidak suka hendak bagi pinjaman seperti ini. Jadi kita perlukan satu agensi lain ataupun satu struktur lain memberi pinjaman kepada golongan-golongan hendak beli satu juta rumah yang kerajaan cadangkan hendak naik ini. Kalau tidak buat rumah itu saya pun tidak tahu siapa akan beli.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, cuba Yang Berhormat ringkaskan topik itu dan pergi kepada perkara lain. Cepat sedikit.

**Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh:** Ya *last point* Tuan Yang di-Pertua. Akhir sekali pelaksanaan polisi.

Saya lihat memang bagus sekali kita ada banyak insentif untuk menggalakkan *investment* dalam negara kita. Baru-baru ini saya begitu, *I was a bit shock*, terkejut sedikit sebab polisi kereta hibrid. Kita membuat satu polisi dalam tahun 2012 atau 2010 menggalakkan kereta hibrid di Malaysia tidak perlu cukai. Oleh sebab objektifnya ialah satu objektif yang besar. Kerajaan hendak Malaysia jadi satu hab, hab hibrid, *hub electric vehicle* supaya banyak kerja, banyak *opportunity*, banyak peluang untuk vendor-vendor lain.

Akan tetapi dalam bulan Januari kerajaan telah mengumumkan polisi itu ataupun *goal* itu sudah kita tidak dapat *target* itu, sebab banyak yang tidak buat *investment* di Malaysia dan Malaysia tidak boleh jadi *hub electric vehicle* atau pun hibrid. Jadi polisi itu telah pun kita berhentikan.

Baru-baru ini saya terkejut sebab saya dapat laporan bahawa Mercedes Benz telah membuat *investment* pelaburan sebanyak RM15 juta di Pekan. Sekarang *manufacture* atau *assemble* kereta Mercedes Benz S400 hibrid di Malaysia. Sebenarnya harga kereta hibrid telah mengikut cukai dan lebih kurang RM950,000. Negara-negara lain seperti Amerika, India, Singapura, Britain semua ada insentif untuk kereta hibrid. Di Amerika kereta hibrid mendapat insentif sebanyak USD9000, di India lebih kurang Rupees 195,000.

Baru-baru ini kita telah mengumumkan pengecualian cukai penuh untuk kereta hibrid S400. Harga kereta itu sekarang RM550,000 atau RM575,000. Saya hendak minta keterangan daripada Kementerian Kewangan ini kenapa kita memberi diskaun ataupun pengecualian cukai yang begitu banyak sekali iaitu RM380,000. Mereka yang dapat beli Mercedes Benz S400 bukan orang biasa. Orang yang mampu bayar cukai. Dalam masa dua tahun sampai Disember 2015, mungkin 2000 buah atau 3000 buah kereta akan dijual. Itu ertinya hendak kata rugi tidak rugilah tetapi *be lost of the opportunity*. Kita hilang peluang mengutip cukai sebanyak RM600 juta atau RM900 juta.

Mercedes Benz hanya melabur RM15 juta. Adakah mungkin Mercedes Benz telah berjanji akan melabur RM2 bilion atau RM3 bilion saya pun tidak tahu. Mungkin akan bagi peluang pekerjaan untuk 2000 orang atau 3000 orang saya pun tidak tahu. Kenapa kita telah membuat keputusan ini?

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey Yang Berhormat.

**Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh:** Saya minta keterangan daripada Kementerian Kewangan. Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih memberi peluang kepada. Dengan ini saya sokong Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 2014.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Datuk Lihan Jok.

**12.34 tgh.**

**Datuk Lihan Jok:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pada pagi ini saya akan sentuh dalam perbahasan saya ialah Maksud B.11 khususnya perkara yang kedua yang berbunyi, "*Sebanyak RM1 bilion untuk menampung keperluan tambahan peruntukan bagi pembayaran tuntutan subsidi bahan api tahun 2014*".

Tuan Yang di-Pertua, subsidi merupakan konsep yang sangat intim dan baik untuk kita dewasa ini di Malaysia. Contohnya ia akan menyokong ekonomi kita. Itu yang pasti. Konsep subsidi ini juga akan kekalkan harga keperluan asas pada paras yang rendah. Demikian juga subsidi ini akan kekalkan pendapatan pengeluar hasil yang kritikal atau yang strategik seperti pengeluar padi. Demikian juga konsep subsidi ini akan kekal tahap pekerjaan kita dan seterusnya galakan pelaburan untuk mengurangkan pengangguran.

Oleh sebab yang demikian sejak tahun 2002, subsidi telah diperkenalkan di negara kita. Pada tahun 2010, pada bulan Julai Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita Tuan Yang di-Pertua telah memperkenalkan satu perubahan sedikit atau *reform* terhadap konsep subsidi kita.

Oleh sebab itu kita melihat perkara seperti petrol, diesel, gas, gula, tepung gandum, minyak masak dan beras dan mungkin seterusnya barang-barang yang lain telah diambil kira dalam konsep subsidi ini. Bilamana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri membuat satu *reform* pada tahun 2010, jadi ia menentukan subsidi itu supaya kena kepada sasaran. Dalam *reform* itu juga menyentuh untuk mewujudkan satu jenis subsidi iaitu Bantuan Rakyat 1Malaysia kepada rakyat atau BR1M.

Oleh yang demikian, kita melihat subsidi ini menjadi intim kerana ia satu perkara yang penting, di mana satu konsep *subvention*, dengan izin, iaitu menurunkan harga barang akan seterusnya membantu rakyat supaya tidak terbeban. Ini adalah sejajar dengan Gagasan 1Malaysia di mana rakyat didahulukan, kebajikan rakyat itu diutamakan. Justeru, subsidi konsep ini adalah satu amalan yang menunjukkan kepada rakyat dan menunjukkan kepada dunia luar bahawa Kerajaan Malaysia ini kerajaan yang mementingkan rakyat, sayangkan rakyat.

Oleh yang demikian kita lihat impak subsidi ini memang begitu besar. Tuan Yang di-Pertua saya menyentuh dua perkara yang menyokong maksud saya. Kita melihat subsidi ini memberi kesan kepada semua lapisan rakyat. Baik dari segi subsidi minyak kenderaan yang kita pakai dan bahan makanan asas yang kita makan. Semua rakyat telah mendapat nikmat daripada subsidi. Kalau kita lihat kuantumnya lagi begitu besarnya lagi kesan subsidi ini. Baru-baru ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyatakan kerajaan menanggung kos sebanyak RM24 bilion.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, masa sangat mencemburui kita. Apa Yang Berhormat fikir subsidi kita semua faham. Yang Berhormat fikir apa yang tidak kena, apa yang patut dibuat dan sebagainya. Itu saya hendak dengar.

**Datuk Lihan Jok:** Benar kata Tuan Yang di-Pertua kerana pada hujung perdebatan saya ini adalah...

**Tuan Yang di-Pertua:** *Go direct to the point.*

#### ■1240

**Datuk Lihan Jok:** ...Melihat kepentingan itu tadi tetapi kuantumnya tadi, pentingnya tadi tetapi dalam masa yang sama kita sentiasa menghadapi kerugian yang banyak. Rugi demi rugi, tahun demi tahun. Tiga tahun saya sudah di Dewan Negara ini, perkara ini sentiasa timbul. Bermaksud, urusan subsidi ini tidak mampu ditangani oleh kerajaan khususnya saya mengatakan kementerian yang berkenaan iaitu Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan seolah-olah kita gagal menangani isu dan masalah yang besar untuk rakyat ini. Oleh sebab itu kalau kita lihat malangnya saya sebut, contohnya Tuan Yang di-Pertua di dalam kampung saya sendiri, minyak patut dibekalkan 150 tong tetapi yang datang hanya 50 tong, gagal pada sasaran. Hasrat kita nak membantu rakyat tidak kesampaian. Itu satu. Yang kedua, kita gagal subsidi salah guna. Kerajaan kerugian melalui penyeludupan diesel seperti laporan tahun lepas, RM1 bilion hilang dan satu kenyataan tahun lepas juga, RM2.5 *million* sebulan kerajaan rugi di Kelantan sahaja kerana penyeludupan minyak.

Jadi bermaksud di sini kita gagal. Nah, bila kerajaan yang bertanggungjawab menghadapi kegagalan, tentunya kita ingin mencari jalan penyelesaian. Oleh sebab yang demikian saya melihat KPDNKK, kementerian yang bertanggungjawab ini walaupun sudah berusaha dan saya pun dah melihat kalau kita lihat tujuh teras kementerian, Tuan Yang di-Pertua, kita melihat teras kementerian KPDNKK ini tidak menyebutkan berhubung dengan subsidi kerana subsidi ini adalah perkara baru bagi dia dan kita melihat bidang tanggungjawab dia ada 12 di sana. Saya tidak mengesankan unsur-unsur yang menekankan tentang subsidi. Memang oleh sebab yang demikian, tentu kita gagal, tentu tidak ada penyelesaian kerana tidak ada peranan yang khusus untuk melihat perkara yang besar ini tadi.

Oleh sebab yang demikian Tuan Yang di-Pertua, pada pagi ini saya mencadangkan supaya diwujudkan kalau hal subsidi ini akan menjadi satu wahana kerajaan untuk membantu rakyat lebih panjang dalam masa hadapan lagi, wujudlah satu kementerian yang baru. Saya mencadangkan nama kementerian itu kita mudah, Kementerian Kebajikan Masyarakat ataupun ada nama yang lain ataupun sekurang-kurangnya wujudlah satu Menteri yang bertanggungjawab di Jabatan Perdana Menteri untuk melihat hal-hal kebajikan yang subsidi kepada rakyat. Walaupun ada Ops Lautan Biru I dan II melibatkan selama ini 12, 13 agensi, gagal juga.

Jadi saya cadanglah Tuan Yang di-Pertua untuk mewujudkan satu kementerian ini dan mempunyai bahagian-bahagian yang tertentu seperti dalam kementerian ini ada bahagian subsidi bahan api. Ada satu lagi bahagian, bahagian subsidi bahan makanan. Ada lagi bahagian subsidi BR1M dan bahagian subsidi pendidikan dan seterusnya. Ini memang tugas ini besar dan memerlukan wujud satu agensi atau kementerian yang baru. Tuan Yang di-Pertua, dengan harapan yang demikian, saya menyokong rang undang-undang tersebut. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Puan Bathmavathi a/p K.Krishnan.

**12.44 tgh.**

**Puan Bathmavathi a/p K.Krishnan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua sebab memberi saya peluang untuk turut membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2014) 2014. Saya ingin menyentuh perkara B.13. Seperti mana kita ingin tahu, negara Malaysia telah meratifikasikan tiga konvensyen Bangsa-bangsa Bersatu iaitu Konvensyen Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita (CEDAW). Kedua, Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak (CRC) dan juga Konvensyen Mengenai Hak Orang Kurang Upaya (CRPD). Saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini kepada konvensyen CRC dan juga CRPD di mana Malaysia masih meletakkan *resevasi* kepada Artikel 28(1)(a) CRC dan juga Artikel 15 yang kedua-duanya melarang penyeksaan.

Saya menggesa kerajaan supaya menghapuskan *resevasi-resevasi* ini tersebut dengan seberapa segera supaya dapat melindungi kanak-kanak dan juga OKU daripada semua jenis penyeksaan. Dalam konteks ini, saya ingin merujuk kepada kejadian negeri yang berlaku kepada seorang kanak-kanak OKU, Muhammad Firdaus Dullah di Negeri Sembilan baru-baru ini. Walaupun ada laporan media yang menyatakan bahawa kanak-kanak itu tidak didera, akan tetapi perbuatan mengurungnya

seorang diri, menyekat pergerakan bebasnya sehingga ia tidak diberi makanan yang seimbang, dia dibiarkan begitu dalam keadaan kebuluran. Ini semua boleh disifatkan sebagai penyeksaan, Tuan Yang di-Pertua dan penyeksaan seperti ini tidak sepatutnya berlaku kepada kanak-kanak seperti Firdaus.

Kita bertanya mengapa perkara ini boleh berlaku di dalam negara kita ini yang menjelang tahun 2020 akan mencapai status negara maju. Sungguh menghairankan. Apakah sistem sosial kita harus dipersalahkan di mana kita hidup di dalam satu masyarakat di mana kita tidak hiraukan apa terjadi kepada jiran ataupun kita tidak ambil tahu hal mengenai macam perkara ini melalui pergaulan dengan kawan-kawan. Mengapa hanya ibu kepada budak ini sahaja yang tahu apa yang berlaku kepada dia dan cara perkara ini telah didedahkan adalah secara kebetulan iaitu apabila pihak imigresen pergi menyerbu tempat itu untuk mencari pendatang tanpa izin dan mungkin kita boleh anggaplah ada ramai lagi kanak-kanak yang mengalami nasib yang sama seperti Firdaus ini.

Jadi saya mengambil kesempatan ini untuk memuji pihak Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat yang telah mengambil tindakan segera untuk menyelamatkan kanak-kanak itu dan memberi rawatan dan perhatian yang sewajarnya. Akan tetapi kita juga telah dengar bahawa Menteri Pembangunan Wanita telah menyatakan ada pelbagai cara atau program seperti PDK iaitu Pemulihan Dalam Komuniti, eKasih dan *Home Health Services* yang sedia ada yang boleh mengelakkan perkara macam ini berlaku.

Akan tetapi mengapakah program-program seumpama ini tidak disampaikan kepada rakyat. Saya rasa walaupun kita sekarang hidup dalam satu masyarakat yang serba canggih daripada segi komunikasi, kita ada internet, kita ada IT dan media sosial tetapi masih terdapat satu jurang di mana perkhidmatan kerajaan tidak sampai kepada rakyat, kepada akar umbi dan walaupun kita ada agensi sebagai PEMANDU yang harus memantau penyampaian perkhidmatan ini, kita mungkin harus menyemak kembali tujuan objektif dan cara bagaimana ianya dilakukan.

Kita harus menggunakan agensi-agensi ini dan struktur yang sedia ada sehingga peringkat daerah, PBT, persatuan penduduk dan juga jawatankuasa kampung untuk menyampaikan perkhidmatan kepada rakyat.

#### ■1250

Jadi- juga program transformasi kerajaan. Mungkin kita harus mengambil pendekatan baru untuk merakyatkan GTP supaya perkhidmatan-perkhidmatan yang penting ini dapat dinikmati dan maklumat terutamanya mengenai program-program ini sampai kepada rakyat.

Menyentuh kepada satu perkara lain di bawah Butiran 13 juga, saya ingin menyatakan di sini bahawa *Senate Convention of the Conference of State Parties to the Convention on the Rights of Persons with Disabilities*, dengan izin, telah berlangsung di *New York* pada bulan Jun, antara 10 hingga 12 hari bulan. Akan tetapi pihak Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat tidak menghantar perwakilan untuk menyertai *senate session conference* ini walaupun Malaysia menjadi anggota *state party* kepada konvensyen ini.

Jadi, saya ingin menggesa supaya kerajaan mengambil perhatian sebab kita telah pun menandatangani konvensyen ini dan konvensyen ini sangat penting bagi melindungi hak orang kurang

upaya di negara ini. Mengikut Laporan Tahunan SUHAKAM tahun 2013, kita dapat tahu bahawa SUHAKAM berperanan memantau pelaksanaan perjanjian-perjanjian antarabangsa.

Di sini juga laporan mengenai pelaksanaan hak orang kurang upaya di bawah CRPD ini, laporan dari Malaysia belum lagi sampai ke Jawatankuasa CRPD di *New York*. Jadi saya menggesa supaya kerajaan memberi perhatian segera untuk menghantar *state report* ini dengan seberapa segera.

Satu lagi aspek yang saya ingin sentuh ialah Butiran 10 di mana saya ingin menimbulkan suatu cadangan untuk mengadakan peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas bagi beberapa kementerian. Apa yang saya maksudkan di sini ialah Majlis Kebangsaan OKU telah ditubuhkan di bawah Akta Orang Kurang Upaya 2008 dan Majlis Kebangsaan bagi OKU ini dianggotai oleh sepuluh orang wakil OKU dan juga sepuluh orang yang mewakili beberapa kementerian. Ketua Pengarah daripada beberapa kementerian mewakili di Majlis Kebangsaan OKU ini.

Jadi, dalam pengagihan peruntukan, selalunya hanya peruntukan diberi kepada Kementerian Wanita, Keluarga dan Masyarakat sahaja untuk membangunkan orang kurang upaya di Malaysia. Akan tetapi saya menggesa kerajaan supaya peruntukan diberi kepada setiap kementerian yang menganggotai Majlis Kebangsaan OKU ini supaya lebih banyak program dapat dilakukan dan dapat dijalankan di bawah kementerian-kementerian yang berkenaan yang akan memanfaatkan orang kurang upaya di negara kita. So dengan itu, itu sahaja perbincangan saya dan dengan ini saya menyokong Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 2014 ini. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya silakan Yang Berhormat Puan S. Bagiam.

**12.54 tgh.**

**Puan S. Bagiam a/p Ayem Perumal:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya sangat menyokong usaha kerajaan bagi mendapatkan peruntukan tambahan ini. Sokongan saya pada asasnya adalah tambahan 46% adalah cukup munasabah terutamanya untuk membantu golongan sasaran iaitu para petani, para peserta, dan pegawai kerajaan yang perlu mendapatkan gaji mereka.

Adakah wajar kerajaan membuat kajian mengenai impak El Nino terhadap industri pertanian? Saya pernah membangkitkan perkara ini pada tahun-tahun yang lalu. Kita mendapati bahawa El Nino telah memberi banyak impak kepada industri pertanian dan pengeluaran pertanian telah berkurangan. Apakah usaha yang telah dan akan diambil oleh kementerian agar para petani serta warga masyarakat yang terlibat dalam sektor pertanian dan perladangan ini terjamin serta memastikan pengeluaran hasil mereka juga terkawal dan berkualiti.

Adakah kerajaan mempunyai hasil penyelidikan terutama dalam musim panas di negara ini dalam sektor pertanian? Saya juga ingin pohon jumlah keseluruhan warga petani mengikut kaum dan umur setiap negeri.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit tentang perkhidmatan awam. Kita sedar bahawa mereka ini adalah golongan yang penting dalam pentadbiran kerajaan. Adalah wajar untuk kerajaan menjaga dan membelek nasib mereka untuk tugas yang ditanggung itu dapat dilaksanakan



dengan penuh berhemah dan bertanggungjawab. Dalam masa yang sama, kerajaan juga harus tegas dalam merangka kuasa pelaksanaan mereka dan mempunyai satu garisan pembahagi yang jelas supaya mereka yang berpangkat tinggi ini tidak keliru dan melibatkan tugas hakiki dengan politik.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ini sangat menyedihkan kalau ketua penguat kuasa iaitu Ketua Polis Negara sendiri tidak pasti dan tidak tentu apakah undang-undang ataupun keputusan mahkamah yang harus beliau hormati ini menyebabkan negara kita masih ada keraguan ataupun tidak ada kepastian undang-undang yang mana yang kita harus patuhi.

Saya memang terkilan dengan kenyataan Ketua Polis Negara yang menyatakan beliau pun tidak pasti mana undang-undang ataupun perintah mahkamah yang harus dihormati berkaitan dengan kes M. Indira Gandhi baru-baru ini.

Ketua Polis juga harus memainkan peranan sebagai pelaksana kerajaan dan bukan sebagai pembuat dasar kerajaan. Ini amat jelas. Saya sarankan agar semua ketua jabatan menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka sebagai pelaksana dan bukan sebagai pembuat dasar.

Isu yang kita nampak kebelakangan ini tentang berbalasan di antara orang Islam dengan orang bukan Islam sama ada seseorang itu masuk agama Islam atau keluar dari agama Islam menjadi satu isu yang menyebabkan ketegangan. Satu lagi isu yang menyebabkan ketegangan ialah sama ada seorang di bawah umur 18 tahun, kalau ibu atau bapa beliau memeluk agama Islam, adakah status budak itu juga apabila sepasang suami isteri, salah seorang dari mereka memeluk agama Islam, apakah undang-undang yang harus kita pakai berlakunya perceraian? Ini menyebabkan ketegangan dan menyebabkan juga perpaduan rakyat terjejas.

Saya ingin mengusulkan bahawa orang-orang bukan Islam mesti menyedari hakikat ini bahawa undang-undang boleh digubal untuk menyekat mereka dari menyebarkan agama mereka kepada orang Islam. Akan tetapi saya berharap juga orang-orang Islam juga boleh terima Akta 11(1) ini yang memberi hak mutlak untuk...

**Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin:** Pohon mencelah.

**Puan S. Bagiam a/p Ayem Perumal:** ...Mengamalkan..

**Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin:** Boleh mencelah sebentar? Yang Berhormat...

**Puan S. Bagiam a/p Ayem Perumal:** Sudah hendak habis.

**Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin:** Sudah hendak habis?

**Puan S. Bagiam a/p Ayem Perumal:** ...Mengamalkan sesuatu agama itu boleh perseorangan dan kalau seorang itu memang hendak meninggalkan agama itu dan beliau lebih daripada 18 tahun, kita mesti menghormati hak yang telah Tuhan beri kepada seseorang itu dan dijamin...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, sekarang jam menunjukkan tepat jam 1 petang. Kita terpaksa tangguhkan sehingga jam 2.30 petang.

Untuk makluman semua Yang Berhormat bahawa selepas Yang Berhormat mengambil bahagian berucap, Yang Berhormat Menteri akan menjawab pada 2.30 petang nanti dan juga saya harap semua Ahli Yang Berhormat beri kerjasama untuk siapa hendak membahaskan rang undang-undang yang akan datang ini, kemukakan nama secepat mungkin untuk senang saya membuat percaturan masa.

Sekarang kita tangguhkan Mesyuarat sehingga jam 2.30 petang.

***[Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.]***

***[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.]***

***[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat.]***

**14.32 ptg.**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, izinkan saya memberi sedikit penjelasan dan juga kerjasama kepada semua Ahli Yang Berhormat. Dalam sidang ini kita ada mempunyai lima rang undang-undang dan termasuklah Rang Undang-undang Perbekalan yang sedang kita bahaskan ini. Didapati saya hendak memohon kerjasama semua Ahli Yang Berhormat, siapa yang hendak berbahas dalam *bill* atau rang undang-undang yang berkenaan tolong kemukakan nama kerana hendak mengawal masa itu. Saya susah rasanya kalau sekiranya tidak dapat nama-nama berapa orang yang hendak berbahas dan sebagainya. Contohnya, sekarang ini yang ada hanyalah Rang Undang-undang Perbekalan saja, yang ramai hendak bercakap. Akan tetapi kerana kebetulan bila saya tengok, kaji balik didapati yang mengemukakan nama-nama dalam *bill* atau rang undang-undang ini hanyalah terlalu sikit.

Bermakna kita ada berapa hari lagi? Oleh demikian, kerana saya minta tolong rang undang-undang yang ada ini, berapa orang yang hendak berbahas? Tolong bagi kerjasama lepas ini. Di samping itu juga kerana saya nampak sekarang ini, contohnya Rang Undang-undang Yayasan Tun Hussien Onn, dua orang saja dan juga kepada Rang Undang-undang Pencegahan Wang Haram hanya seorang. Itu bermakna saya minta kerjasama kalau boleh kemukakan nama-nama itu, senang saya hendak jadualkan, buat perancang masa.

Kalau sekiranya setakat itu, ramai tidak hendak bercakap dalam Dewan, maka saya hendak buka balik kepada soalan tambahan ini. Oleh kerana memberi peluang kepada semua yang agaknya- Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan ini saya fikir Yang Berhormat semua boleh bercakap apa saja. Sudah itu sekarang ini kerana saya sudah bincang dengan Yang Berhormat Menteri yang berkenaan, maka dia pun ada di sini, saya hendak bagi buka semula kepada Yang Berhormat untuk boleh membuat tambahan ataupun perbahasan tambahan ini sehingga sebelah, lebih kurang dalam pukul 4 ke begitu sebelum digulung. Ini kerana kalau tidak nanti saya rasa kita sudah banyak masa lagi tapi tidak ada siapa hendak berbahas dalam Dewan.

Satu lagi, yang kedua, Ahli-ahli Yang Berhormat yang lama-lama ini. Bekas Timbalan Menteri, mana dia orang pergi ini? Saya minta kalau hendak ikutkan pengalaman, sudah banyak pengalaman sudah. Tolong sama-sama berbahas dalam Dewan ini kerana jangan menghilangkan diri. Saya capak terus terang ini. Masanya Yang Berhormat agaknya untuk kita hanya enam hari saja bersidang. Gunakan masa ini untuk berbahas dan inilah harapan kita supaya dapat kita memperkasakan Dewan yang mulia ini. Tanpa buang masa selepas ini, timbalan saya akan hadir sini dan kepada tadi berapa orang yang hendak bercakap panjang tapi agaknya saya terpaksa buat sekatan kerana kedudukan keadaan itu. Apabila saya tengok begini, saya kena fikir semula dan ini saya kena buat keputusan

kemudian. *So*, saya harap siapa yang hendak bercakap mengenai perbekalan tambahan, sila kemukakan cepat nama-nama itu. Kalau difikirkan agak ramai hendak bercakap, kita boleh tambah masa, tidak ada masalah.

Dengan izin, *this is your House. You have got to play your role* dengan penuh bertanggungjawab and penuh *be smart enough to play your role*, dengan izin. Tanpa buang masa lagi saya mohon kerjasama mana-mana yang difikirkan yang belum berucap, belum berbahas, kemukakan nama cepat. Mengikut rekod kita sekarang Yang Berhormat Puan S. Bagiam yang sedang berucap tadi, boleh sambung. Lepas itu nama sudah tidak ada sudah ini. *So*, saya sudah cukup setakat ini tapi saya hendak buka balik kerana keadaan ini. Saya tengok *bill* yang lain ini had seorang, dua orang.

Saya minta kerjasamalah tolong kemukakan cepat. Banyak *bill* ini, takkan tidak boleh hendak berucap dan bekas-bekas Timbalan Menteri yang masuk balik, saya cakap terus terang ini. *There's no reason for you to say that you don't know*. Sudah itu saya minta kepada yang baru-baru ini pun kalau ada, sila kemukakan nama-nama dan kita akan teruskan. Sekarang saya silakan Yang Berhormat Puan S. Bagiam. Sementara itu semua Ahli Yang Berhormat kemukakan nama cepat supaya saya dapat buat keputusan. Sekian, terima kasih.

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Siapa yang bercakap tadi, Puan S. Bagiam ya. Silakan Yang Berhormat.

**Puan S. Bagiam a/p Ayem Perumal:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya akan menyambung perbahasan saya.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Puan S. Bagiam a/p Ayem Perumal:** Kita mesti menghormati hak yang telah Tuhan berikan kepada seseorang itu dan dijamin oleh Perlembagaan Persekutuan kita ini. Jadi, saya berharap kebebasan agama ini dapat kita galakkan dan saling hormat-menghormati antara satu sama lain.

**Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Oardin:** Pohon mencelah.

**Puan S. Bagiam a/p Ayem Perumal:** Negara kita...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat ada yang hendak mencelah. Yang Berhormat izinkan kah?

**Puan S. Bagiam a/p Ayem Perumal:** Saya kasi habiskan dulu Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Oardin:** Dengan izin, sebelum kita berhenti makan tengah hari tadi Yang Berhormat.

**Puan S. Bagiam a/p Ayem Perumal:** Lagi sikit saja kasi habiskan. Minta maaflah Yang Berhormat.

**Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Oardin:** Habis. Nanti Yang Berhormat sudah berhenti, saya sudah tidak boleh celah.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, dia tidak benarkan. Teruskan Yang Berhormat.

**Puan S. Bagiam a/p Ayem Perumal:** Negara kita pernah menjadi negara contoh dalam memelihara keamanan serta kesejahteraan di persada global dan perkara ini harus diperkenalkan. Pohon kerajaan agar dapat memainkan peranan dengan lebih holistik dan saksama dalam menjamin kesejahteraan rakyat kita. Di mana-mana saja mahupun dalam dan luar negara. Marilah kita sama-sama berusaha untuk meningkatkan rasa cinta negara serta membina perpaduan yang kini dilihat pudar dalam arus pembangunan negara dan politik dan sesama demi kepentingan sekalian manusia.

■1440

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit tentang Maksud B.41 – Kementerian Pendidikan. Saya menerima baik usaha kerajaan dalam membela anak-anak kita dalam menyediakan pendidikan untuk mereka berbanding dengan negara-negara yang masih lemah dalam mengukuhkan sistem pendidikan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya, apakah kedudukan sebenar sekolah-sekolah bantuan modal bagi SRK Tamil di seluruh negara? Nyatakan berapakah jumlah keseluruhan sekolah bantuan modal ini dan jumlah pelajar yang masih bersekolah dan berapakah jumlah bantuan yang disediakan bagi tempoh dua tahun ini? Saya juga ingin bertanya apakah perancangan kerajaan dalam mempertingkatkan kualiti pembelajaran serta infrastruktur sekolah-sekolah bantuan modal ini? Apakah kementerian mempunyai strategi pencapaian pelajar-pelajar daripada sekolah bantuan modal ini berbanding dengan sekolah bantuan penuh?

Satu lagi isu yang ingin saya bangkitkan adalah mengenai tingkah laku pelajar secara keseluruhannya tidak kira bantuan modal, bantuan penuh serta semua sekolah kebangsaan. Sejak kebelakangan ini banyak video-video dilihat di media sosial yang menayangkan perbuatan-perbuatan yang jelas dilihat sebagai jenayah ringan mahupun jenayah berat. Tingkah laku yang buruk dilampirkan oleh pelajar-pelajar ini boleh menjejaskan pembangunan belia yang dilihat sebagai pelapis negara pada masa depan. Kesopanan dan tatasusila mereka jelas tidak bererti dan apakah usaha kementerian dalam membaiki keadaan ini? Apakah kita mempunyai satu mekanisme dalam membahagikan kelompok-kelompok yang sungguh liar ini agar tidak merosakkan golongan-golongan pelajar yang benar-benar dedikasi dalam menambah ilmu di bangku sekolah? Jangan, *“Kerana nila setitik rosak susu sebelanga”*. Mohon penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat. Seterusnya saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Datuk Raja Ropiaah.

**2.43 ptg.**

**Datuk Raja Ropiaah binti Raja Abdullah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Saya juga Tuan Yang di-Pertua, ingin mengambil bahagian dalam membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan khususnya saya hanya ada tiga perkara yang saya hendak bangkitkan.

Pertama ialah tentang isu tanah terbiar yang boleh kita gunakan supaya masalah *food security* yang sering dibangkitkan mungkin boleh dapat kita kurangkan masalah ini. Ini kerana saya dapati daripada apa yang telah dijalankan selama ini, kebanyakan daripada mereka yang telah kita cuba untuk memujuk membuat sesuatu di atas tanah yang mereka ada tetapi kurang sambutan mungkin oleh kerana mereka-mereka memikirkan membuat satu aktiviti yang berasaskan pertanian ini tidak mendapat keuntungan yang cepat. Akan tetapi saya rasa haruslah kementerian dan kerajaan mengambil satu pendekatan dan mengadakan strategi dan pelan tindakan yang khusus untuk menangani masalah ini kerana masalah tanah-tanah yang banyak terbiar, tidak terurus ini saya rasa kalau tidak kita mengambil tindakan yang lebih berfokus akan terus jadi begitu sahaja.

Jadi saya harap bahawa kalau boleh kementerian menentukan bahawa memang ada pelan tindakan dan ada KPI yang harus diadakan kepada jabatan yang berkenaan dan kita bolehlah menggalakkan mereka ini sama ada bersama-sama dengan pihak kementerian dalam program ladang kontrak ataupun dalam industri-industri yang lain iaitu umpamanya mereka boleh juga bercucuk tanam sayur-sayuran, buah-buahan dan sebagainya dan boleh bersama-sama nanti kementerian yang membantu untuk memasarkan produk-produk tanaman mereka.

Saya berasa amat bersyukur dan ingin mengucapkan tahniah kepada Menteri Pertanian kerana program JMOT ataupun Jihad Memerangi Orang Tengah telah banyak dilakukan tetapi masih harus diperhebat lagi supaya petani-petani kita dan nelayan-nelayan kita mendapat peranan yang lebih baik apabila mereka dapat menjual terus kepada pasaran.

Keduanya saya ingin membangkitkan tentang satu fenomena yang baru akhir-akhir ini. Didapati bahawa terlampau berleluasa sangat aktiviti mengemis secara agak tersusun yang berlaku di kawasan pekan-pekan khususnya terutamanya di tempat-tempat di mana orang yang pergi ke restoran-restoran dan tempat-tempat menjamu selera ini adalah terdiri dari kawasan-kawasan yang agak mewah. Saya memberi contoh umpamanya di Bangsar. Kalau kita pergi ke *PappaRich* umpamanya, duduk sahaja sekejap dalam setengah jam kita akan dapat beberapa pengemis yang akan datang. Operasi mereka adalah, ada seorang wanita yang akan membimbing seorang lelaki yang dijangkakan adalah yang kurang penglihatan ataupun cacat penglihatan, wanita memang berpakaian kemas dan saya jangka juga daripada wajah muka dan sebagainya adalah bukan orang Melayu ataupun bukan orang Malaysia tetapi adalah daripada pendedag. Ia sampai ramai orang yang duduk di situ merasa kurang selesa.

Walau bagaimanapun, oleh kerana kita ini orang Malaysia ini memang senantiasa prihatin, jadi walaupun dalam hati kita merasakan perkara ini tidak betul tetapi ada juga di antaranya yang masih bersedekah. Akan tetapi, kita tahu bahawa perkara ini ialah perkara yang ada sindiket mungkin di belakangnya. Kalau dilihat oleh pelancong, kita tidak mahu bahawa negara Malaysia dikatakan sebagai sebuah negara walaupun maju tetapi terlampau ramai ini berlaku. Di Pulau Pinang pun berlaku, di Selangor tetapi kalau di Bangsar itu kerana saya selalu pergi ke sana, memang amat-amat ketara.

Jadi saya cadangkan bahawa mesti ada pemantauan yang ketat di atas perkara ini. Kenalah diambil tindakan dan kita jangan biarkan trend ini berterusan. Mungkin adakan juga undang-undang untuk mengharamkan aktiviti mengemis ini. Kalau dahulu kita lihat orang yang dari luar yang mengemis

di pasar-pasar dan sebagainya, sekarang ini sudah masuk ke kedai-kedai, ke restoran-restoran. Jadi saya harap bahawa perkara ini diambil maklum dan kementerian yang bertanggungjawab juga mestilah mengambil tindakan dan jangan tutup mata tentang perkara yang sebegini.

Ketiganya ialah saya ingin menyentuh sedikit tentang isu Orang Asli iaitu saya telah diberi maklum tentang isu tanah Orang Asli yang telah berkali-kali dibawa di Dewan ini, saya difahamkan, tetapi masih belum mendapat tindakan yang sewajarnya daripada pihak kerajaan. Saya dimaklumkan bahawa banyak daripada tanah Orang Asli ini belum lagi diwartakan dan ini harus diberi perhatian segera kerana kalau tidak diwartakan, ini bermakna bahawa sesiapa sahaja boleh mengambil tanah-tanah ini.

#### ■1450

Apa yang sedang berlaku di satu kawasan yang saya sendiri tahu iaitu kawasan Orang Asli Kampung Gelingseng mereka telah mengatakan bahawa kalau dahulu tanah yang telah diusahakan adalah tanah yang diberi untuk perkampungan Orang Asli makin lama makin kecil kerana sudah ada *developer* yang sudah mula membeli tanah-tanah ini daripada kerajaan. Mereka ini merungut kerana masa zaman dahulu datuk, nenek, moyang mereka telah menanam pokok sawit dan juga pokok getah. Akan tetapi sebahagian daripada pokok getah dan sawit ini mereka tidak dapat usahakan lagi kerana tanahnya telah dibeli.

Jadi makin lama pendapatan ekonomi mereka makin merosot. Jadi saya rasa perkara ini mestilah diberikan perhatian dan oleh kerana mereka juga adalah peribumi negara kita yang telah mempertahankan negara kita daripada dahulu sehingga kini dan penyokong setiap kepada Kerajaan Barisan Nasional, haruslah kita mengambil perkara ini sebagai satu perkara yang serius dan memberi pembelaan yang sewajarnya. Jadi dengan itu saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya saya ingin mempersilakan Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin. Silakan Yang Berhormat.

#### 2.51 ptg.

**Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, salam 1Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang telah membenarkan saya untuk bersama-sama membahar Rancangan Undang-undang Perbelanjaan Tambahan pada petang ini. Saya hanya ada satu perkara yang ingin saya bahaskan berkenaan tajuk B.41 - Kementerian Pendidikan.

Pertamanya saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kementerian Pendidikan yang telah pun berusaha memberikan pendidikan yang terbaik atau berkelas antarabangsa kepada anak-anak kita yang belajar di IPTA dan sebagainya. Saya baru-baru ini bersama kebetulan Tuan Yang di-Pertua bersama dengan Tan Sri Abdul Rahim telah berpeluang untuk ke Australia mengadakan lawatan di Parlimen Australia dan di sini kita berkesempatan untuk berjumpa dengan semua pimpinan tertinggi *University of Sydney* yang mana *University of Sydney* mempunyai jumlah pelajar sebanyak 50,000 *student* dalam sebuah kampus. Ini merupakan antara universiti yang terbesar di Australia.

Dalam perjumpaan siri lawatan itu, kita telah pun mendapat maklum balas yang baik, mereka menghargai usaha Kerajaan Malaysia dan mereka *recognize*, dengan izin, usaha-usaha yang dibuat oleh kerajaan dan taraf pendidikan anak-anak atau adik-adik kita yang belajar.

Akan tetapi semalam saya dapat berpeluang untuk mendengar perbincangan daripada rakan kita dari pihak pembangkang yang telah secara tidak langsung menidakkan kebolehan dan taraf pendidikan, *level of education*, dengan izin adik-adik kita. Kononnya IPTA telah gagal melahirkan graduan-graduan yang boleh bersaing di peringkat antarabangsa. *Our students level* dilihat lebih rendah daripada *student* daripada negara luar. Pada saya ini satu penghinaan yang cukup besar kepada graduan-graduan kita. Kerajaan telah menyediakan *the best facilities*, dengan izin, untuk melahirkan graduan yang terbaik.

Saya hendak beri contoh yang disebut oleh pembangkang semalam soal kononnya dengan perbelanjaan tambahan yang dipohon sebanyak RM634 juta ini kononnya diwujudkan supaya kerja-kerja ini diberi kepada syarikat-syarikat kroni UMNO. Pada saya ini fitnah jahat yang cuba disampaikan oleh pihak pembangkang. Apa bukti hujah yang boleh mereka berikan kononnya perbelanjaan tambahan ini untuk mengayak syarikat-syarikat kroni UMNO. Apa sahaja yang kerajaan buat pendidikan, infrastruktur, hal sosial, politik, semuanya dituduh kononnya kerajaan hendak membantu kroni-kroni UMNO, baik di Dewan Rakyat dan juga di Dewan Negara.

Namun tidak ada satu pun hujah Tuan Yang di-Pertua yang boleh menyokong fakta itu. Hanya bercakap tanpa hujah dan fakta yang sahih. Hanya melepaskan rasa geram sedangkan kita perlu ingat, jumlah yang dipohon ini adalah untuk memberikan pendidikan yang terbaik kepada anak-anak kita walaupun dalam masa yang sama daripada UiTM ada mungkin seorang dua selepas itu diberikan pendidikan berjaya dalam keputusan peperiksaan mereka akhirnya lupa, bertanding baru-baru ini lupa jasa kerajaan. Namun kita tidak sekat, kita berikan kebebasan yang sepenuhnya kepada anak-anak kita.

Akan tetapi tohmahan yang dibuat ini saya fikir tidak benar sama sekali. Lanya mesti dijelaskan dengan fakta jangan hanya bercakap mengikut emosi dan akhirnya merugikan kita. Apa hendak jadi? Yang dipohon ini ialah untuk menampung kos pembayaran konsesi bagi enam buah kampus UiTM, menaikkan harga kontrak susulan daripada pelaksanaan perintah gaji minimum dan sebagainya.

Kalau ditohmah sedemikian, saya dari Selangor. Hari ini Kerajaan Selangor dipimpin oleh Pakatan, kita pun dapat maklumat. Semua kerja di negeri Selangor diberikan kepada syarikat kroni. Kroni Pakatan, syarikat-syarikat yang kononnya dahulu yang telah pun membuat kerja yang baik tidak lagi dibenarkan untuk mendapat sebarang kerja dalam negara Selangor. Hanya kerana mereka penyokong Kerajaan Barisan Nasional.

Kita terima keputusan ini dan kita tidak bawa ke dalam Dewan dan kita tidak bercakap kerana di Dewan yang mulia ini kita sering diingatkan oleh Tuan Yang di-Pertua, Timbalan Yang di-Pertua di Dewan yang mulia ini kita bercakap soal kepentingan rakyat secara umum. Bukan mengambil peluang dalam Dewan ini untuk menghentam sesiapa. Jadi saya fikir sudah sampi masa dan ketika mesti hentikan politik ini. Di Dewan Rakyat baru-baru ini kita terkejut...

**Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tambah sedikit Yang Berhormat senator. Pengalaman kita di Kedah juga sama seperti mana yang terdapat di

Selangor, sebelum kita ambil alih, Barisan Nasional ambil alih negeri Kedah. Caranya sama, bantuannya sama, cara pemberian kontraknya sama seperti mana yang dimaklumkan oleh Yang Berhormat Senator tadi. Jadi tidak ada beza di antara Selangor dan Kedah di dalam pemerintahan pembangkang. Tidak serupa seperti mana yang dibawa oleh Yang Berhormat Senator pada petang semalam. Jadi saya mengucapkan syabas kepada Yang Berhormat Senator kerana telah memberi penerangan yang begitu jelas berhubung dengan mainan yang dimainkan oleh pembangkang dalam mana pemberian-pemberian juga dikatakan hanya kita yang melakukan perkara yang tidak menyenangkan kontraktor-kontraktor yang tidak menyokong mana-mana parti. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Oardin:** Terima kasih Yang Berhormat, syukur *Alhamdulillah* Kerajaan Negeri Kedah sudah balik kepada Barisan Nasional. Tahniah kepada pimpinan Barisan Nasional di negeri Kedah kerana sudah berjaya menyelamatkan. Cuma Selangor *insya-Allah* dengan izin Allah SWT, PRU Ke-14 kita akan ambil balik negeri Selangor ini.

Cuma Tuan Yang di-Pertua sebab itu kita kena menyokong, *regardless* dengan izin, kita datang dari parti mana. Namun apabila bercakap soal kepentingan rakyat secara holistik, kepentingan rakyat secara umum apatah lagi ianya melibatkan pendidikan kerana kita faham golongan muda adalah aset yang paling besar kepada negara. Masa hadapan negara ini akan ditentukan oleh golongan muda. Saya dapat lihat kebetulan di atas barisan penuh anak-anak muda, tahniah. Inilah merupakan pelapis-pelapis masa akan datang. Di tangan mereka terletak nasib kita, di tangan mereka terletak nasib negara ini.

Jadi apabila melibatkan soal pendidikan jangan kita cuba politikkan isu ini. Kerana apabila kita cuba politikkan isu ini hanya kerana kita hendak bercakap soal kepentingan politik, maka yang akan rugi ialah masa hadapan negara itu sendiri. Jadi sebab itu saya ingin mengambil kesempatan pada petang ini menyokong penuh usaha kerajaan kerana saya yakin kerajaan yang ada yang dipimpin oleh Barisan Nasional yang diurus tadbir dengan baik oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak tidak pernah sekalipun terlupa melihat kepentingan ini. Dalam kepentingan Barisan Nasional, masa depan pembelaan untuk anak-anak muda khususnya yang sedang belajar di mana-mana IPTA ataupun IPTS mesti diberikan perhatian yang sewajarnya. Sila Yang Berhormat.

#### ■1500

**Dato' Lim Nget Yoon:** Terima kasih Yang Berhormat dan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Setahu saya, sistem pendidikan kita memang boleh *produce* pelajar-pelajar yang pandai-cerdik...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Cerdik-pandai Yang Berhormat.

**Dato' Lim Nget Yoon:** Okey. Ambil contoh, peperiksaan *A Level* yang diambil oleh seluruh negara, kita ada pelajar-pelajar yang boleh dapat *top in the world*. Jadi apa yang dibangkitkan di Dewan ini oleh pembangkang, saya anggap itu satu tuduhan yang berniat jahat. Terima kasih. Apa pandangan Yang Berhormat.

**Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Oardin:** Terima kasih Yang Berhormat. Oleh sebab itu tadi saya cuba jelaskan kerana saya amat menyokong apa Yang Berhormat cuba sampaikan. Oleh kerana itu saya jelaskan di peringkat awal perbahasan tadi, tidak ada fakta yang boleh menyokong hujah mereka. Hanya bercakap kerana soal ia dicadangkan oleh kerajaan maka menjadi tanggungjawab



pembangkang. Bukan itu kerja pembangkang. Kita dapat juga jumpa Tuan Yang di-Pertua sendiri, rakan-rakan ada yang maklumkan baru-baru ini pergi ke di Rabat, di *Spain* dan juga dapat ke Parlimen Britain. Kita dapat lihat apa peranan pembangkang di sana.

Yang Berhormat Tan Sri Dato' Abdul Rahim, kita dapat ikuti perbahasan di antara Perdana Menteri Australia bersama Ketua Pembangkang. Tidak bercakap soal kepuasan hati kerana mereka pembangkang, bercakap soal kepentingan rakyat secara umum, kepentingan negara secara total tetapi di sini pembangkangnya lain, pembangkangnya hanya serang sahaja. Tidak mungkin! Ini mesti dijelaskan, tidak mungkin semua yang kerajaan buat salah, tidak mungkin tidak ada satu pun kebaikan dalam negara ini. Baru-baru ini saya jumpa kawan seorang, dia kebetulan baru balik dari sebuah negara di Asia Tengah...

**Dato' Adam bin Abdul Hamid:** Boleh saya mencelah?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ada yang hendak mencelah.

**Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin:** Boleh, silakan, biar meriah. Meriah sedikit.

**Dato' Adam bin Abdul Hamid:** Saya ingin bertanya pendapat Yang Berhormat. Apakah dengan maksud perkataan Yang Berhormat itu mengatakan bahawa pembangkang di luar negara adalah bertanggungjawab, pembangkang di negara kita selekeh?

**Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin:** Itulah ayat yang paling tepat Yang Berhormat. Dia tidak faham apa peranan pembangkang sebenarnya. Dewan Rakyat, kita terkejut. Baru-baru ini tengok macam sarkas, di sini nasib baik belum lagi tetapi macam sarkas, macam kartun. Sedangkan yang menyaksikan perbahasan ini anak-anak muda, kononnya bila bercakap di ceramah, bila bercakap di mana-mana tempat lain dengan anak-anak muda, kita berjuang ini untuk kepentingan anak muda tetapi contoh yang ditunjukkan adalah tidak menjurus kepada hendak melahirkan anak muda yang berdisiplin, anak muda yang boleh mempunyai perasaan cintakan negara, *they have got their rights*, saya selalu sebut ini.

Dengan izin, *everybody, all Malaysian citizen have got their rights on every five years to cast their votes*. Semua orang ada hak itu, pilihlah siapa yang mereka rasa mereka hendak pilih. Akan tetapi tidak bermaksud rosakkan negara ini, tidak bermaksud boleh buat apa sahaja dalam tindakan mereka, tidak bermaksud kereta polis boleh diterbalikkan, tidak bermaksud polis boleh dipukul, tidak bermaksud harta awam boleh dirosakkan. Ini bukan budaya cara kita dalam negara ini, budaya kita dalam negara ini melatih anak-anak muda supaya ada semangat cintakan negara.

Lima tahun sekali ada pilihan raya, pilih siapa mereka hendak. Tidak tahu, siapa pun tidak tahu, dekat luar itu sebelum dia masuk kalau BN tanya, "*Tolong ya undi BN*", "*Ya, ya*". Pakatan, kalau "*Undi Pakatan*", "*Ya, ya*". Dia masuk, hanya dia dengan Allah SWT sahaja tahu siapa yang telah dia berikan undi. Jadi oleh sebab itu saya amat bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat. Pembangkang di sini tidak memainkan peranan pembangkang yang membantu.

Kalau tidak ada, macam GST saya pernah sebut sebelum ini. Berbuih, bersungguh-sungguh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan ada di sini, Yang Berhormat Pontian, cuba jelaskan berkali-kali. Berulang kali fahamkan apa itu GST. Kita di Australia berpeluang untuk berjumpa, Tuan

Yang di-Pertua pun ada, *the grand designer, the brain of GST* di Australia, dia yang cipta bagaimana hendak buat GST di Australia, *even he has a problem* untuk cipta GST ini. Akan tetapi pembangkang kita bantai sahaja GST tetapi bila tanya "*Jalan keluarnya apa?*" "*Tidak ada*". *You give way*, bagi cadangan kalau ini tidak baik, ini yang terbaik. Ini bangkang, kerja bangkang tetapi jalan keluar tidak ada. Jadi, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sebab itu pada saya ada perkara yang boleh dipolitikkan, ada perkara yang tidak boleh dipolitikkan.

Oleh sebab itu dalam soal pendidikan, kita kena bersetuju macam kata Yang Berhormat tadi. *We produce the best student. Student* kita boleh bersaing di peringkat antarabangsa sebab itu bila kata semalam *the level of our students* yang dilahirkan ini rendah martabatnya, penghinaan telah berlaku kepada semua tenaga pengajar termasuk anak-anak kita. Akan tetapi bila di luar Dewan, pandai pula hasut anak-anak muda, gunakan anak-anak muda sebagai *shield*, gunakan anak-anak muda sebagai perisai kepada mana-mana demonstrasi.

Jadi saya dengan itu Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, menyokong penuh rang undang-undang ini mesti diluluskan kerana akhirnya yang dibuat ini bukan berkepentingan untuk mana-mana syarikat kroni UMNO atau Barisan Nasional, ia dibuat untuk kepentingan anak-anak, adik kita yang berada di IPTA khususnya UiTM. Supaya bila mereka berjaya, itulah aset yang paling besar untuk negara kerana mereka ini akan menentukan hala tuju, *the survival* untuk negara Malaysia yang tercinta. Dengan itu saya menyokong penuh Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan ini. Sekian terima kasih, *assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya dipersilakan Yang Berhormat Puan Khairiah Mohamed.

### 3.07 ptg.

**Puan Hajah Khairiah binti Mohamed:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Alhamdulillah robbil 'alamin, asholatu wassalamu 'ala asrofil anbiya-u wal mursalin, wa 'ala alihi wasohbihi ajma'in*. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua.

Bagi tujuan perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan pada kali ini, saya cuma akan bercakap berkenaan dengan dua kementerian sahaja iaitu pertamanya B.10 dan yang keduanya di bawah B.21. Berkait dengan B.10 iaitu mengenai Skim Pinjaman Perumahan Perbendaharaan Malaysia, yang mana kemudahan pinjaman ini diberikan oleh pihak kerajaan kepada penjawat-penjawat awam untuk tujuan pinjaman perumahan. Jadi, di bawah skim pinjaman perumahan ini, terdapat dua skim yang dikeluarkan, yang disediakan iaitu yang pertamanya Skim Pinjaman Perumahan Perbendaharaan (SPPP) dan yang keduanya ialah Skim Pembiayaan Perumahan Perbendaharaan Secara Islam (SPPI).

Di sini suka saya mengucapkan jutaan tahniah kepada pihak kerajaan kerana menyediakan alternatif pinjaman Islam kepada penjawat-penjawat awam yang beragama Islam. Namun, di sini suka sekali saya mencadangkan agar kerajaan meletakkan suatu syarat agar penjawat-penjawat awam yang beragama Islam disyaratkan untuk menggunakan Skim Pembiayaan Perumahan Perbendaharaan Secara Islam (SPPI) supaya ia dijadikan syarat kepada semua penjawat awam yang beragama Islam.

Jadi, saya kira sekiranya usaha ini dibuat, suatu ganjaran yang amat besar kepada pemimpin-pemimpin yang sedar tentang muamalah secara Islam bagi orang-orang yang beragama Islam. Itu yang pertama.

Keduanya, saya ingin merujuk kepada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani di bawah B.21 berkenaan dengan suatu berita yang dikatakan, saya petik di sini, pendedahan yang dibuat oleh Bank Dunia berkait...

**Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki:** Minta laluan.

**Puan Hajah Khairiah binti Mohamed:** Ya?

**Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki:** Minta laluan boleh?

**Puan Hajah Khairiah binti Mohamed:** Okey, okey.

#### ■1510

**Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator Puan Khairiah kerana memberi saya laluan. Pertamanya, saya juga hendak menyokong kenyataan Yang Berhormat Senator tadi mengatakan bahawa kerajaan hari ini sudah pun menyediakan dua alternatif ataupun alternatif kepada sistem skim pinjaman ataupun pembiayaan kepada perumahan. Cuma yang mungkin saya hendak bangkitkan ataupun mungkin persoalan yang kita boleh ajukan kepada kerajaan yang saya rasa penting dan mustahak juga dalam kerangka agenda besar kerajaan untuk melonjakkan sistem kewangan Islam sebagaimana dalam kerangka pelan strategik kewangan Islam negara bagi tahun 2010, tahun 2011 sehingga tahun 2020.

Apakah mungkin apa yang dicadangkan oleh Senator tadi menjadikan pembiayaan secara Islam kepada kakitangan kerajaan yang beragama Islam suatu yang sebagai *the first priority*, dengan izin, ataupun keutamaan utama. Ini kerana ini adalah merupakan sebahagian daripada tanggungjawab pemerintah, terutamanya dalam konteks kita sebagai sebuah negara yang mana menjadikan institusi kewangan Islam ini sebagai satu model dunia yang hari ini dirujuk bukan sahaja di Asia Tenggara, tetapi seluruh dunia termasuklah Bank Dunia dan juga IMF sendiri.

Jadi saya kira mungkin saya boleh bangkitkan persoalan ini kepada Yang Berhormat Khairiah juga, apakah Yang Berhormat setuju sekiranya bukan sahaja pinjaman perumahan, tetapi juga semua skim pinjaman yang diberikan kepada kakitangan kerajaan termasuklah skim pinjaman peribadi, skim pinjaman kenderaan terutamanya kepada kakitangan kerajaan yang beragama Islam, semuanya ditukar kepada pembiayaan secara Islam. Sekian, terima kasih.

**Puan Hajah Khairiah binti Mohamed:** Terima kasih Yang Berhormat Dr. Asyraf Wajdi. Saya kira itu adalah suatu sokongan kepada cadangan awal tadi, malah ditambah baik lagi kepada skim-skim pinjaman yang lain. Saya kira Kementerian Kewangan mungkin boleh menyusuli lagi dengan usaha-usaha lain ke arah menyediakan skim pembiayaan pinjaman secara Islam. Mungkin boleh di sini sekiranya kita menyediakan insurans kepada kakitangan. Alternatif kepada insurans konvensional, perlu diadakan juga insurans secara Islam. Ini saya tidak pasti sama ada telah dibuat ataupun belum, tetapi saya harap sekiranya kakitangan kerajaan ataupun di bawah agensi-agensi kerajaan yang masuk kepada mana-mana skim insurans, boleh disediakan alternatif skim insurans Islam. Itu yang pertama di bawah B.10 tadi.

Saya sambung balik kepada B.21 di mana terdapat suatu laporan berkaitan dengan penggunaan dadah dan jangkitan HIV di kalangan nelayan-nelayan di sebelah bahagian Pantai Timur di mana pendedahan ini dibuat oleh Bank Dunia di mana ia menyatakan masalah HIV dan penyalahgunaan dadah di kalangan nelayan begitu membimbangkan. Seorang Dr. Sutayut Osornprasop, Pakar Pembangunan Manusia di *East Asia and the Pacific Region's Human Development Unit*, sebuah unit di bawah Bank Dunia telah membuat kajian yang dinamakan sebagai *Project Waves* yang dijalankan oleh sekumpulan penyelidik dari *Centre of Excellence for Research in AIDS* dari Universiti Malaya pada tahun 2008 dan kajian ini telah siap pada tahun 2012. Dia mendapati lebih seorang daripada setiap tiga orang nelayan menggunakan dadah secara suntikan dan lebih seorang daripada 10 orang nelayan menghidap HIV. Jumlah ini 20 kali lebih tinggi daripada purata penghidap HIV di Malaysia.

Saya mohon untuk mendapatkan penjelasan daripada pihak kementerian. Adakah benar kajian ini dan dapatan yang dibuat oleh kajian ini? Adakah pihak kerajaan tahu dan prihatin tentang masalah ini dan mengambil tindakan sekiranya keadaan ini benar-benar wujud dan berlaku di kalangan nelayan-nelayan kita di Pantai Timur? Saya kira dua poin itu sahaja daripada saya. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Seterusnya dipersilakan Yang Berhormat Senator Datuk Yahaya bin Mat Ghani. Teruskan Yang Berhormat.

**3.15 ptg.**

**Datuk Yahaya bin Mat Ghani:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana telah memberi laluan kepada saya untuk sama-sama turut serta dalam membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2014) 2014. Saya cuma ada satu perkara yang hendak saya bangkitkan dalam Dewan yang mulia ini. Walaupun saya kira ia tidak menyentuh tentang enam kementerian untuk kita luluskan perbekalan tambahan, tetapi ia tersentuh kepada soal-soal masalah rakyat yang melanda hari ini terutamanya menyentuh soal KPKT, Timbalan Menterinya ada di belakang saya.

Apa yang saya hendak bawa di dalam Dewan pada petang ini adalah Kampung Chubadak Tambahan, dalam kawasan saya yang telah dijadikan satu permainan politik yang maha hebat setakat ini dan sudah menjadi isu nasional pun. Soal tanah di situ, ia diambil kesempatan oleh puak-puak yang tidak bertanggungjawab, terutamanya puak-puak PAS, saya hendak beritahu, PKR ada sedikit, yang datang ke kawasan itu, mengadu domba, meracun, memusnahkan harapan rakyat di situ. Malam kelmarin mereka buat perjumpaan, tetapi yang hadir hanya tidak sampai 30 orang dengan pakai serban, pakai macam-macam, orang PAS.

Saya hendak beritahu soal tanah di situ, Datuk Ibrahim Ali pun masuk, Perkasa pun masuk. Sepatutnya Datuk Ibrahim Ali masuk, perlu tanya ketua bahagian dahulu, perlu tanya saya dahulu di situ sebab saya yang lebih tahu, saya yang lebih termaklum di situ apa perkara berlaku di situ, sebab ini sudah menjadi besar Tuan Yang di-Pertua. Soal tanah di situ, tanah itu adalah kepunyaan KPKT, Chubadak Tambahan. Tanah itu akan dimajukan oleh KPKT untuk dinaikkan rumah PPR sebanyak 500 unit di situ.

Saya hendak beritahu, yang masih ada di kawasan itu hari ini hanya tidak sampai enam keluarga, lima keluarga saya kira. Inilah yang degil sangat, yang membantah, yang tidak boleh hendak buat apa. Dicucuk oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab, maka ia makin besar. Tanah di situ, KPKT telah menyerahkan kepada pemaju Sentul Murni. Sebanyak 150 keluarga yang berada di situ sudah dipindahkan ke PPR Batu Muda hari ini sejak tahun 2008 lagi. Tahun 2008 sampai ke hari ini tahun 2014, sudah berapa tahun, yang dibiayai sewa daripada DBKL sebanyak RM124 yang dibiayai oleh Sentul Murni. Sentul Murni telah diamanahkan oleh KPKT untuk menaikkan rumah PPR sebanyak 500 unit.

Apa yang menjadi masalah hari ini, masalahnya orang-orang yang datang mengadu domba ke kawasan itu tidak faham perjalanan ceritanya. RM124 pemaju sudah bayar sejak tahun 2008 untuk transit di PPR Batu Muda hari ini dengan harapan siap rumah PPR sebanyak 500 unit yang 150 keluarga ini menunggu bila masanya hendak balik ke kampung asal mereka di Kampung Chubadak Tambahan. Sampai sekarang tidak selesai masalah.

■ 1520

Saya hendak beritahu juga yang 150 orang yang dah berpindah ke PPR sebagai transit di Batu Muda telah dibayar pampasan sebanyak RM7,000 satu keluarga. Ditambah lagi dengan RM1,500 untuk tambang lori dan apa sebagainya untuk pindah. Maknanya satu keluarga telah mendapat sebanyak RM8,500 satu keluarga. Yang jadi masalahnya Tuan Yang di-Pertua yang ada keluarga yang degil ini, mereka menuntut sampai satu rumah, satu keluarga RM150,000, RM200,000 mana ada macam itu. Yang diduduki adalah tanah setinggan, tanah kerajaan.

Itu pun telah dipersetujui oleh kementerian untuk dipindahkan dan pampasan kita bagi dengan harapan siap rumah itu nanti, balik kembali ke kampung asal mereka. Ini yang menjadi masalahnya sekarang Tuan Yang di-Pertua. Jadi, kalau keadaan macam itu kalau parti-parti politik yang tidak bertanggungjawab datang mengadu domba bila nak selesai masalah? Bila rumah itu nak naik? KPKT duduk menunggu bila lagi nak naik, yang dah berpindah 150 keluarga di rumah PPR sekarang ini hendak balik ke kampung asal bila? Mereka sering berjumpa saya, datang ke pejabat saya, "*Bila Datuk nak selesai? Bila Sentul Murni nak naik rumah ini? Bila KPKT nak naik rumah ini?*" Ini masalah.

Jadi, saya haraplah rakyat di kawasan itu datanglah berjumpa dengan saya, kita berbincang dari hati ke hati. Jangan ikut rasa sangat. Jangan ikut adu domba orang. Memang zaman sekarang ini macam rakan saya beritahu tadi memang mengambil kesempatan.

**Puan Hajah Khairiah binti Mohamed:** *Point of order* 35(1).

**Datuk Yahaya bin Mat Ghani:** Ya.

**Puan Hajah Khairiah binti Mohamed:** Seorang ahli...

**Timbalan Yang di-Pertua:** *Point of order* berapa Yang Berhormat?

**Puan Hajah Khairiah binti Mohamed:** P.M. 35(1). Seseorang Ahli hendaklah menghadkan percakapannya kepada perkara yang dibincangkan dan tidak boleh mengeluarkan apa-apa perkara yang tiada kaitan dengan perkara yang dibincangkan itu. Sekarang kita sedang membincangkan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan. Saya mohon di bawah...

**Datuk Yahaya bin Mat Ghani:** Terima kasih...

**Puan Hajah Khairiah binti Mohamed:** ...Di bawah kementerian mana?

**Datuk Yahaya bin Mat Ghani:** Terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat Khairiah kerana memperingatkan saya. Sebelum saya bangun tadi pun saya telah bercakap. Akan tetapi, saya mengambil kira bahawasanya dalam soal perbincangan perbekalan tambahan, saya menyentuh soal kementerian KPKT. Walaupun ia tidak ada di sini, saya rasa ini adalah untuk kepentingan rakyat, kepentingan umum. Oleh sebab ini telah menjadi isu nasional. Seharusnya kementerian kena diselesaikan. Saya hendak tanya pandangan daripada kementerian bagaimana cara hendak menyelesaikan masalah rakyat ini?

Ini sudah menjadi isu nasional. Kalau Yang Berhormat lihat hari ini di *facebook*, di *paper*, di surat khabar hari ini *Utusan Malaysia* pun ada dan menjadi tajuk utama. Perkara ini saya rasa harus kita selesaikan. Jangan melihat- Ini untuk kepentingan rakyat, kepentingan masyarakat yang harus kita utamakan Tuan Yang di-Pertua. Jadi, itulah serba sedikit hujah saya pada petang ini. Saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri pun ada di belakang dapat menjawab apa sahaja masalah yang saya utarakan tadi. Cuma saya tidak ada niat lain, tidak ada tujuan lain, saya hendak selesaikan masalah rakyat.

Saya hendak tengok kehidupan rakyat menjelang tahun 2020 nanti rakyat hidup dalam keadaan selesa, dalam keadaan baik. Di Kuala Lumpur setinggian kita nak hapuskan setinggian menjelang tahun 2020 dan tidak perlu lagi kita hidup dalam keadaan yang daif, yang serba kekurangan. Kita bagi dengan prasarana yang baik, rumah PPR yang dijanjikan 750 kaki persegi, tiga bilik- ini sudah keadaan tentunya akan mengubah nasib rakyat jelata, nasib masyarakat khususnya orang-orang Melayu di kawasan itu. Sekian. *Wabillahi taufiq walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Baiklah dengan itu tadi selesailah sesi membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 2014. Jadi, tibalah masanya kita mendengar dari pihak Kementerian Kewangan untuk memberi jawapan kepada segala soalan yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah turut serta dalam membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 2014. Silakan Yang Berhormat Menteri.

### 3.25ptg.

**Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakaatuh*, salam sejahtera, salam 1Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan dan menyokong Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 2014 di Dewan yang mulia ini.

Kerajaan sangat menghargai akan cadangan, pandangan dan teguran yang telah diberi terhadap beberapa perkara yang dibentangkan dalam rang undang-undang dan saya akan menjawab, memberi penjelasan terhadap soalan yang dibangkitkan yang menyentuh perbekalan tambahan yang dibentangkan ini. Suka saya maklumkan perhatian, pertimbangan sewajarnya akan diberi bagi maksud-

maksud yang disebutkan termasuklah oleh Yang Berhormat Senator Datuk Yahaya Mat Ghani yang sebentar tadi walaupun dia tidak terlibat dalam butiran, namun ia diambil perhatian mengenai isu Chubadak, rumah PPR dan perkara yang beliau telah sebutkan.

Ramai Ahli Yang Berhormat telah melibatkan diri dalam perdebatan ini. Saya ingat perbekalan tambahan yang lepas 18 orang, pada kali ini 25 orang. Saya bacalah nama satu persatu sebagai menghargai pandangan-pandangan yang diberikan. Pertama, Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahman Bakar, Datuk Seri Mohd Ali bin Mohd Rustam, Dato' Dr. Asyraf Wajdi Dusuki, Dato' Dr. Johari Mat, Dato' Lim Nget Yoon, To' Puan Hajah Zaitun binti Mat Amin, Tan Sri Dato' Abdul Rahim Abdul Rahman, Datuk Dr. Lucas Umbul, Dr. Syed Husin Ali, Datuk Hajah Noriah Mahat, Puan Roslin Abdul Rahman, Tuan Chandra Mohan, Datuk Hajah Rohani Abdullah, Dato' Adam Abdul Hamid, Puan Hajah Mariany Mohammad Yit, Puan Norliza Abdul Rahim, Tuan Haji Abdul Shukor Mohd Sultan, Dato' Jaspal Singh, Datuk Lihan Jok, Puan Bathmavathi a/p K Krishnan, Puan S. Bagiam a/p Ayem Perumal, Datuk Raja Ropiaah binti Raja Abdullah, Datuk Megat Zulkarnain, Puan Hajah Khairiah Mohamed, Datuk Yahaya Mat Ghani dan banyak Ahli-ahli Yang Berhormat juga yang mencelah ketika ahli-ahli yang lain berucap.

Di antara perkara yang saya ingin nyatakan iaitu mengenai isu Lembaga Hasil Dalam Negeri yang dibangkitkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat mengenai dua hari berturut-turut di muka hadapan akhbar sama ada Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia memberi layanan istimewa kepada mana-mana pihak. Sebagai sebuah agensi yang diberikan tanggungjawab oleh pihak kerajaan untuk memungut hasil utama negara, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia sentiasa memberikan penekanan terhadap amalan integriti serta tadbir urus korporat yang terbaik demi memastikan tiada ketirisan dalam kutipan cukai dan hasil kerajaan.

Lembaga Hasil Dalam Negeri juga komited memberikan layanan yang saksama tanpa diskriminasi serta prejudis kepada semua pembayar cukai dan pelanggannya. Lembaga Hasil Dalam Negeri ingin menjelaskan bahawa tindakan penguatkuasaan terhadap setiap pembayar cukai adalah berdasarkan kepada peruntukan undang-undang di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967. Tindakan audit serta siasatan cukai boleh dilakukan selaras dengan prosedur operasi standard (SOP) seperti mana yang terkandung dalam rangka kerja audit dan rangka kerja siasatan cukai yang boleh dilihat oleh orang ramai melalui portal rasmi Lembaga Hasil Dalam Negeri di [www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my).

Akta Cukai Pendapatan 1967 memperuntukkan pembayar cukai mempunyai hak untuk membuat rayuan terhadap sebarang taksiran yang dibangkitkan sama ada melalui aktiviti audit atau siasatan serta aturan bayaran cukai yang hendak mereka lakukan secara ansuran. Prosedur serta kaedah untuk membuat rayuan tersebut juga boleh dilihat melalui portal rasmi Lembaga Hasil Dalam Negeri dan pautan di portal rasmi itu. Harap maklum bahawa keputusan Lembaga Hasil yang mempertimbangkan rayuan setiap pembayar cukai ke atas sesuatu taksiran yang melibatkan amaun cukai, penalti dan ansuran bayaran adalah berdasarkan kepada fakta setiap kes dan bukti melalui dokumen sokongan yang dikemukakan oleh pembayar cukai.

Sebagai contoh, pertimbangan diberikan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri terhadap rayuan setiap pembayar cukai adalah berdasarkan rekod ketidakpatuhan dan kekerapan kesalahan yang pernah dilakukan oleh mereka seperti lewat hantar borang nyata dan tidak atau terkurang melaporkan pendapatan serta rekod bayaran cukai mereka.

■ 1530

Di dalam mempertimbangkan bayaran ansuran, Lembaga Hasil akan meneliti kedudukan kewangan dan aliran tunai pembayar cukai agar mereka mempunyai kemampuan untuk melunaskan tunggakan cukai tersebut. Pertimbangan-pertimbangan ini adalah terpakai pada setiap pembayar cukai yang membuat rayuan kepada Lembaga Hasil. Lembaga Hasil juga tidak boleh mendedahkan sebarang maklumat percukaian dan tindakan yang telah diambil ke atas pembayar cukai. Ketetapan ini adalah selaras dengan peruntukan kerahsiaan maklumat di bawah seksyen 138, Akta Cukai Pendapatan 1967.

Kita juga ingin menyeru sekiranya mana-mana pihak yang mempunyai maklumat berkenaan layanan istimewa sebagaimana yang dinyatakan oleh akhbar mahupun salah tadbir urus Lembaga Hasil agar mengemukakan maklumat serta bukti-bukti melalui e-mel, [aduan@hasil.gov.my](mailto:aduan@hasil.gov.my) untuk diberikan perhatian oleh Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Hasil bagi membolehkan siasatan serta tindakan sewajarnya diambil. Lembaga Hasil sentiasa menekankan amalan integriti korporat yang terbaik selaras dengan ikrar integriti korporat yang ditandatangani dan disaksikan sendiri oleh Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia pada 13 November 2013 yang lalu. Ini adalah kenyataan yang dibuat oleh Lembaga Hasil yang juga ada dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini semalam.

Saya akan membuat ulasan mengikut kementerian. Pertama Kementerian Kewangan, selepas itu Jabatan Perkhidmatan Awam. Selepas itu Kementerian Luar Negeri, kemudian Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan kemudian Kementerian Pendidikan. Itu adalah lima kementerian yang terlibat dalam Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan ini.

Kementerian Kewangan, Yang Berhormat Datuk Rahman Bakar mengenai Lembaga Hasil tadi ya. Akan tetapi ini hal yang lain. Sistem percukaian di Lembaga Hasil mempunyai keupayaan untuk mengenal pasti pembayar cukai yang tidak membayar cukai. Keupayaan seperti *audit trail*, dengan izin, membolehkan pegawai mengenal pasti pembayar cukai yang ingkar. Selain daripada itu tindakan dalam kes-kes yang meragukan juga akan dikenal pasti oleh sistem dan tindakan lanjut akan diambil oleh Lembaga Hasil untuk meneliti semula kes tersebut. Tindakan-tindakan lain yang diambil oleh Lembaga Hasil juga termasuk pengenaan penalti dan tindakan mahkamah pembayar cukai yang ingkar.

Kemudian mengenai isu defisit. Ada beberapa Ahli Yang Berhormat menyatakan apa kesan defisit terhadap pertambahan bajet yang kita bincangkan pada semalam dan hari ini. Adakah terlibat defisit atau tidak? Kerajaan komited dalam memastikan kemapanan fiskal jangka panjang negara dan terus melaksanakan langkah konsolidasi fiskal. Namun konsolidasi fiskal atau kewangan negara ini dilaksanakan dengan beransur-ansur gradualisme bagi terus menyokong pertumbuhan ekonomi serta mengekalkan kesejahteraan rakyat. Bagi tujuan ini kerajaan telah menetapkan sasaran defisit fiskal pada



3.5% pada tahun ini. Pada tahun sudah kita menjangka 4% dan kita mencapai lebih baik daripada 4% iaitu 3.9%.

Manakala sasaran 2015 adalah 3% dan pada tahun 2020 harapan kita supaya bajet berimbang, tidak ada lagi defisit. Peruntukan tambahan berjumlah RM4.6 bilion yang kita bincangkan semalam dan hari ini tidak akan menjejaskan sasaran defisit 3.5% pada tahun ini. Memandangkan pertambahan tersebut diimbangi dengan langkah perbelanjaan berhemat dan dijangka hasil kerajaan akan bertambah melalui peningkatan kutipan hasil dan dividen syarikat milik kerajaan. Oleh itu tidak adalah kebimbangan bahawa kita tambah RM4.6 bilion, maka defisit bertambah, ia tidak berlaku.

Kemudian mengenai pemberian subsidi gas petrol. Ada cadangan Ahli-ahli Yang Berhormat supaya kita kurangkan beri. Kerajaan sedang meneliti kaedah terbaik untuk menyalurkan subsidi bantuan kepada rakyat dengan melaksanakan langkah rasionalisasi subsidi. Ini telah saya terangkan sebelum ini. Kita inginkan subsidi yang kita panggil sebagai subsidi bersasar, bukan subsidi tersasar. Saya juga ingin maklumkan bahawa jumlah subsidi pada tahun ini dan juga insentif hampir RM40 - RM39.396 bilion hampir RM40 bilion yang kita berikan. Ada Ahli Yang Berhormat bertanya bagaimana tentang harga padi dan sebagainya.

Maka saya ingin maklumkan bahawa subsidi harga padi RM480 juta tahun ini sahaja. Subsidi baja padi RM465 juta. Subsidi benih padi RM85 juta. Kemudian insentif pengeluaran padi RM563 juta. Kemudian peningkatan hasil padi RM80 juta dan kita juga tidak lupa kepada nelayan. Hasil insentif, hasil tangkapan nelayan RM240.5 juta. Ini dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dr. Husin Ali, sama ada kita melihat kepada kumpulan-kumpulan ini. Tentunya ya dan ada panjang lagi senarai jumlah subsidi, RM39.396 bilion pelbagai perkara yang diberikan oleh kerajaan dan daripada RM39.396 itu, RM22 bilion lebih kurang adalah subsidi mengenai subsidi gas petrol dan juga diesel.

Begitu banyak sekali yang kita berikan dan pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat itu kita ambil kira. Kita belum lagi buat keputusan. Ada Ahli-ahli Yang Berhormat yang bertanya bagaimana bentuk ataupun kaedah yang kita hendak buat mengenai pengurangan ataupun penyusunan semula subsidi ini. Masih belum diputuskan lagi, kerajaan masih lagi menimbang beberapa kementerian terlibat. Antaranya EPU, Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Kewangan, KPDNKK khasnya.

Bagaimana kita hendak menyusun kembali rasionalisasi subsidi ini. Kenapa kita sebut perkataan rasionalisasi subsidi? Oleh sebab subsidi yang ada sekarang ini kurang rasional. Orang yang berada pun dapat ya. Sepatutnya subsidi ini lebih kepada golongan yang berpendapatan rendah. Akan tetapi sekarang ini subsidi kita ini lebih kepada golongan berpendapatan tinggi, yang berpendapatan rendah naik motosikal. Sekali tuang satu liter, dia bayar RM2.10 dan subsidi untuk RON95, 73 sen satu liter untuk motosikal dia. Akan tetapi untuk orang kaya bawa kereta Hummerkah mungkin sekali tuang 100 liter dia dapat RM73. Orang miskin dapat 73 sen, orang kaya dapat RM73. Oleh sebab sekali dia masukkan minyak dalam keretanya 100 liter agaknya 73 sen x 100 = RM73. Jadi subsidi kita ini tersasar. Golongan kaya juga lebih banyak keretanya lebih besar cc nya. Golongan kurang berada motosikal, kereta kancil. Jadi semua perkara ini kita akan susun dan atur dan belum ada lagi keputusan muktamad bagaimana kaedah penyusunan subsidi itu. Jikalau Ahli-ahli Yang Berhormat ingin membuat sebarang

cadangan bolehlah menghantar surat kepada Kementerian Kewangan. Manalah tahu ada cadangan-cadangan yang tertentu menggunakan MyKadkah, menggunakan kad yang tertentu, menggunakan sistem *rebate*kah semua itu belum lagi diputuskan. Jadi boleh menghantar surat kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pun ya cadangan-cadangan.

Kemudian mengenai unjuran perbelanjaan yang tepat supaya anggaran sebenar perbelanjaan kerajaan dapat diteliti. Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan sentiasa berusaha menyediakan unjuran perbelanjaan yang tepat. Ada parameter-parameter semasa yang tertentu yang kita gunakan. Namun ketidaktentuan persekitaran ekonomi dunia serta perkara-perkara di luar jangka seperti bencana boleh mempengaruhi parameter yang digunakan yang menyebabkan kerajaan terpaksa mengubah unjuran perbelanjaan yang telah dibentangkan adalah menjadi satu amalan biasa bagaimana kerajaan di dunia untuk menyemak semula unjuran yang telah dibentangkan jika terdapat sebarang perubahan pada parameter yang menjadi asas unjuran itu. Sebagai contoh harga minyak yang sentiasa berubah-ubah.

Kemudian Datuk Dr. Lucas bin Umbul ada menyebut tentang subsidi. Adakah terus meningkat jika harga minyak dunia terus meningkat. Tentunya tujuan pemberian subsidi oleh kerajaan sembarangan petrol untuk meringankan beban rakyat terutama semasa harga pasaran sebenar petrol yang berada pada paras yang tinggi. Menyedari bahawa perubahan harga minyak akan memberi kesan kepada rakyat. Kerajaan akan cuba untuk mengekalkan pemberian subsidi petroleum setakat yang boleh. Sungguh pun begitu pada masa yang sama kerajaan juga perlu mengimbangi kedudukan kewangan negara untuk menampung perbelanjaan yang besar. Berapakah perbelanjaan subsidi petroleum ini? Pada tahun sudah RM24.8 bilion. Pada tahun ini RM22.34 bilion.

#### ■1540

Jika kita bahagi sebulan lebih kurang RM2 bilion, RM2,000 juta. Sebanyak RM2,000 juta itu boleh buat 2,000 kilometer jalan kampung. Kita tidak boleh hendak buat. Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar sebut semalam boleh buat empat buah universiti sebulan, tiap-tiap bulan empat buah universiti dengan harga RM200 juta satu universiti kali empat RM2,000 juta iaitu jumlah subsidi petrol RON95 50% daripada RM2,000 juta itu, 40% daripada RM2,000 juta itu adalah untuk diesel, dan 10% untuk LPG. Zaman Yang Berhormat Tun Dr. Mahathir dahulu, RM2,000 juta itu setahun. Zaman Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Datuk Seri Najib ini RM2,000 juta sebulan. Jadi ia menjadikan suatu cabaran yang hebat kepada kita dalam merangka dasar ekonomi negara.

Kita ada 20 buah lebih begitu IPTA. Jika tidak ada subsidi RM2,000 juta sebulan ini, kita boleh buat empat buah universiti sebulan. Empat kali 12 bermakna 48 buah universiti setahun. Itu kira-kiranyalah. Jika RM1 juta satu dewan orang ramai boleh dibuat dengan penghawa dingin, kita boleh buat 2,000 dewan orang ramai di 2,000 kampung tiap-tiap bulan. Akan tetapi segala-galanya itu kita tidak boleh hendak buat. Puncanya tidak lain, tidak bukan di mana kita memberikan subsidi yang begitu besar kepada bahan api ini.

Kemudian Lembaga Hasil Dalam Negeri lagi, Yang Berhormat bertanya mengenai *e-filing* sejak tahun 2004 hingga tahun 2014. Saya ada angka *e-filing* ini. Pada tahun 2004, satu *e-filing*. Tahun 2014, RM2.07 juta *e-filing* pada bulan Mei 2014. Tahun 2005 seramai 28 orang; tahun 2006 RM189,330; tahun

2007 RM712, 283; tahun 2008 melonjak kepada RM1.194 juta; tahun 2009 RM1.613 juta; tahun 2010 RM1.975 juta; tahun 2011 RM2.356 juta; tahun 2012, RM2.859 juta *e-filing*; tahun 2013 RM2.257 juta; dan tahun 2014 RM2.070 juta.

Adakah sejak menggunakan *e-filing* ini kakitangan Lembaga Hasil Dalam Negeri bertambah atau berkurang? Ia tidak bertambah dan tidak berkurang. Peranan berubah dari penaksir kepada peranan audit. Ini adalah kerana sistem taksir sendiri yang dijalankan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri di mana pembayar cukai membuat taksiran cukai sendiri, kita perlu audit. Oleh itu peranan kakitangan Lembaga Hasil Dalam Negeri lebih menjurus kepada tugas-tugas audit.

Yang Berhormat Puan Roslin- bayaran bonus kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri ini. Pada masa Lembaga Hasil Dalam Negeri diperbadankan, 1 Mac 1996, Lembaga Hasil Dalam Negeri mempunyai skim saraan sendiri seperti skim di KWSP, KWAP, Bank Simpanan Nasional, Lembaga Tabung Angkatan Tentera, dan lain-lain. Bayaran bonus adalah berdasarkan prestasi KPI. Jadi ia tidak serupa dengan bonus kepada penjawat awam yang lain kerana ia telah diperbadankan. Ia perlu diluluskan oleh lembaga pengarah dan kutipan cukai mempunyai wajaran 25%. Bonus diluluskan oleh Kementerian Kewangan setelah diperakukan oleh Ahli Lembaga Pengarah. Amalan ini adalah dinikmati oleh badan-badan berkanun kerajaan yang lain yang telah saya sebutkan.

Lembaga Hasil Dalam Negeri diberikan bonus yang lebih kerana pencapaian KPI ini di samping kejayaan-kejayaan transformasi yang lain. Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mariany ada juga bertanya berapa nilai bonus tertinggi. Tahun 2010 RM172 juta; tahun 2011 RM212 juta; tahun 2012 RM389 juta; tahun 2013 RM283 juta dan ini yang kita bincangkan dalam Akta Perbekalan Tambahan ini. Dahulu Lembaga Hasil Dalam Negeri, pegawai-pegawainya lebih kurang 11,000 orang ini tidak ada kerja tambahan. Sekarang ini sudah ada kerja tambahan. Apa kerjanya? Menguruskan BR1M. Dahulu pejabat-pejabat Lembaga Hasil Dalam Negeri di seluruh Malaysia ini kosong, tidak ada orang hendak pergi, tidak ada siapa yang hendak pergi bayar cukai, jarang. Hanya tempoh-tempoh yang tertentu sahaja penuh.

Sekarang ini Pejabat Lembaga Hasil Dalam Negeri penuh, hendak merayu BR1M, hendak memohon BR1M. Ini suatu transformasi dan kita berikan bonus yang lebih kepada mereka. Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Noriah- walaupun kerajaan telah menurunkan subsidi sebanyak 20 sen kepada minyak pada tahun sudah. Terkini purata harga minyak mentah dari Januari hingga April tahun 2014 parasnya USD115 setong. Dahulu sewaktu kita membuat unjuran perbelanjaan ini, antara USD104 ke USD110 satu tong. Itu sebab kita memerlukan perbelanjaan tambahan RM1 bilion ini. Ini kerana harga minyak naik.

Apabila saya menyebut RM2,000 juta zaman Tun Dr. Mahathir setahun dan RM2,000 juta subsidi minyak dan diesel dalam masa sebulan pada ketika Yang Berhormat Datuk Seri Najib antara sebabnya inilah. Kenaikan harga minyak dunia yang di luar kawalan kita. Pada ketika yang sama ialah pertambahan jumlah kenderaan di jalan yang menggunakan subsidi yang diberikan oleh kerajaan dan ada juga sebab ketirisan pelbagai sebab penyeludupan.

Sekiranya harga minyak kita tidak tarik subsidi sebanyak 20 sen seliter pada September 2013, kemungkinan peruntukan tambahan yang diperlukan adalah lebih daripada RM1 bilion. Akan tetapi kita

tarik 20 sen maka kita dapat minta pertambahan ini cuma RM1 bilion. Kerajaan mengambil maklum berhubung cadangan rasionalisasi subsidi ini, saya sudah sebut tadi. Walau bagaimanapun kajian yang teliti dan komprehensif perlu kita adakan supaya ia tidak memberikan kesan yang tidak baik kepada rakyat dan negara.

Kemudian Yang Berhormat Dato' Jaspal Singh ada menyebut tentang kenapa beri banyak pengecualian cukai ke atas kereta *Hybrid S400 Mercedes Benz*. Pengecualian diberikan adalah selaras dengan pengumuman Nasional Automatif Polisi, Dasar Automatif Nasional oleh Menteri MITI pada 20 Januari 2014 untuk melanjutkan tempoh pengecualian duti import ke atas komponen dan duti eksais ke atas kenderaan *Hybrid*, elektrik yang dipasang di Malaysia secara CKD sahaja. Pengecualian kepada kenderaan *Hybrid* adalah sehingga 31 Disember 2014. Dasar ini adalah bagi mendukung hasrat kerajaan untuk memelopori industri pemasangan kenderaan berteknologi hijau dan cekap tenaga dalam rantau ini.

Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) - Yang Berhormat Senator To' Puan Hajah Zaitun cadang kerajaan untuk pertimbangan elaun khas kepada Gred 17 dan ke bawah. Kerajaan pada masa ini telah memberikan elaun tetap berupa Imbuan Tetap Perumahan (ITP) dan Imbuan Tetap Khidmat Awam (ITKA). Di samping gaji bulanan pada semua kumpulan termasuk kakitangan yang berada di Gred 17 dan ke bawah. Di samping itu kerajaan dari semasa ke semasa akan mengkaji kenaikan elaun dan pewujudan elaun-elaun baru yang bersesuaian bagi memastikan semua penjawat awam menerima pendapatan yang lebih baik.

Kemudian, mengenai pembiayaan rawatan perubatan. Ada beberapa Ahli Yang Berhormat menyebut kepada pesara bagaimana kualitinya. Adalah pembiayaan itu meliputi perubatan dan peralatan perubatan yang tidak dibekalkan oleh klinik dan hospital kerajaan. Pembiayaan perubatan ini hanya diberi kepada pesara lantikan tetap yang memiliki skim pencen dan skim KWSP. Ahli keluarga penerima pencen iaitu isteri, suami dan anak-anak di bawah umur 21 tahun juga diberikan kemudahan yang sama. Pada masa ini pembiayaan perubatan ini tidak dipanjangkan kepada pesara lantikan kontrak, sementara, dan sambilan.

Cadangan pemanjangan kemudahan itu kepada golongan pesara tersebut perlu melihat kos yang bakal ditanggung oleh kerajaan. Kemudian memohon kerajaan menyatakan berapa nisbah pegawai perkhidmatan awam berbanding rakyat Malaysia. Nisbah antara penjawat awam dibandingkan dengan jumlah penduduk adalah 1:20 iaitu sejumlah 1.5 juta orang penjawat awam berbanding 30 juta orang penduduk Malaysia. Walau bagaimanapun, perbandingan dengan negara lain tidak dapat dibuat dengan tepat memandangkan kurang perkhidmatan kurang tergolong dalam definisi penjawat awam adalah berbeza mengikut negara. Kita 1:20, ya.

Kemudian Yang Berhormat Senator Datuk Seri Mohd Ali bin Mohd Rustam mencadangkan kepada kerajaan agar gred-gred pegawai SPRM dinaikkan setimpal dengan beban kerja mereka. Kajian perjawatan SPRM sentiasa diberi keutamaan dengan mewujudkan 150 perjawatan pelbagai gred pada setiap tahun mulai tahun 2013 seperti yang dipersetujui oleh kerajaan.

## ■1550

Jabatan Perkhidmatan Awam juga akan mengkaji gred-gred yang bersesuaian supaya sesuai dengan beban tugas SPRM.

Mengenai ubat rawatan yang dibekalkan kepada pesara kerajaan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ubatan dan peralatan perubatan yang dibekalkan kepada pesara Kerajaan Persekutuan dan negeri, badan berkanun, pihak berkuasa tempatan, hakim, Ahli Parlimen, anggota pentadbiran, setiausaha politik dan pesara Angkatan Tentera Malaysia adalah ubat dan peralatan yang berkualiti dan terkini di pasaran berdasarkan preskripsi yang diberikan oleh pakar perubatan kerajaan.

Dato' Dr. Johari, implikasi kenaikan ke umur 60 tahun. Adakah unjuran bertambah atau berkurang? Bagaimanakah kedudukan orang yang hendak mohon pekerjaan sektor awam? Jangka hayat. Jangka hayat ini kita boleh lihat dalam laman web Jabatan Statistik. Kalau Ahli-Ahli Yang Berhormat sekarang pergi *search internet*, Jabatan Statistik dia ada kiraan jangka hayat.

Ahli-Ahli Yang Berhormat boleh cuba sebentar lagi. Dia tidak ada tanya nama. Dia hanya tanya jantina lelaki atau wanita. Lepas itu dia minta tarikh lahir. Berapa hari bulan? Tahun berapa? Kemudian dia tanya kaum. Ikut kaum. Semua kaum ada banyak diletakkan dalam situ. Lepas itu kita masukkan segala data-data itu, dia akan keluarkan satu kenyataan berapa tahun lagi Ahli-ahli Yang Berhormat hidup. Itu satu yang menarik itu.

Saya dah ada semalam saya buat, saya lihat sendiri jangka hayat saya kira-kira 30 tahun lagilah agaknya. Amin. Mudah-mudahan [*Ketawa*] Menarik itu apabila ditanya tentang jangka hayat, saya terus melihat *internet* dan ada aplikasi itu. Mereka telah membuat kiraan mengikut bangsa dan jantina. Wanita biasanya lebih hayatnya berbanding dengan lelaki. Itu sudah menjadi lumrah di dunia ini. Begitu dia punya jangka hayat. Itu tentang jangka hayat. Akan tetapi secara purata sekitar umur 76 tahun umur kita ini, purata jangka hayat penduduk di Malaysia.

Kemudian dari segi bajet bagi pembayaran faedah persaraan sentiasa bertambah walaupun kerajaan telah melanjutkan umur persaraan kepada 60 tahun. Ini adalah kerana bilangan pertambahan persaraan pilihan sendiri sama ada- baru-baru ini saya menghadiri satu persaraan 400 pegawai Kastam. Saya tanya, umur 60 tahun itu paling ramai. Akan tetapi ada juga umur 52 sudah bersara. Saya tanya hendak buat apa? Mereka kata hendak berniaga, misalnya. Itu ialah pilihan mereka. Daripada umur 50 tahun ke 60 tahun itu ada banyak yang bersara pilihan dan mereka tidak memaklumkan kepada kita lebih awal. Itu sebab kadang-kadang kita perlu perbelanjaan tambahan kerana untuk membayar pencen mereka itu.

Mulai tahun 2014, jumlah pesara akan bertambah memandangkan pegawai yang terlibat dengan kenaikan umur persaraan 60 tahun yang dilaksanakan pada tahun 2012 akan mula bersara. Kenaikan kadar faedah pencen tahunan sebanyak 2% setahun mulai tahun 2013 turut menyumbang kepada kenaikan kos bayaran faedah persaraan. Pada puratanya unjuran penjawat awam yang bersara termasuk yang meninggal dalam perkhidmatan pada tahun 2014 adalah dianggarkan seramai 24,000 orang. Jumlah ini akan bertambah sekitar 5% setahun pada tahun-tahun akan datang.

Pengambilan pegawai baru pula adalah berdasarkan kepada kekosongan akibat kepada persaraan, perwujudan jawatan baru dan bagi mengisi kekosongan sedia ada. Kemudian Kementerian Luar Negeri, ada ramai Ahli Yang Berhormat bertanya dan menyokong Senator Dato' Dr. Asyraf Wajdi, Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman bertanya tentang status pencalonan Malaysia sebagai Ahli Tidak Tetap Majlis Keselamatan PBB. Perbelanjaan itu melibatkan terutamanya lawatan ke negara-negara dan program-program di pelbagai negara.

Saya ingin menyatakan di sini hasil usaha setakat ini 54 buah negara rantau Pasifik menyokong, semua negara-negara ASEAN menyokong dan Majlis Kerjasama Teluk (GCC) menyokong Malaysia sebagai Ahli Tidak Tetap Majlis Keselamatan PBB. Itu adalah antara hasil usaha yang kita laksanakan dengan perbelanjaan yang ada RM20 juta itu jika kita tukar kepada USD ia tidak sebanyak mana.

Kemudian Tan Sri Dato' Abdul Rahim memohon kerajaan mencadangkan satu peraturan atau *Maritime Code of Conduct* dengan negara China sekiranya terdapat pertelingkahan perebutan pulau di Laut China Selatan. Berhubung dengan perkara ini Kementerian Luar Negeri ingin memaklumkan perkara berikut. Pertama, negara ASEAN dan China telah menandatangani Deklarasi Tatalaku Pihak-pihak Berkepentingan di Laut China Selatan atau, dengan izin, *Declaration on the Conduct of Parties in the South China Sea* (DOC) pada 4 November 2002.

Melalui DOC, negara-negara ASEAN dan China bersepakat untuk memastikan kestabilan dan keamanan di Laut China Selatan walaupun wujud tuntutan bertindih di antara beberapa negara ASEAN dan negara China di kawasan tersebut. Beberapa insiden yang berlaku di Laut China Selatan terutamanya dalam tempoh tahun 2009 hingga tahun 2012 telah menyebabkan wujud keperluan untuk mengukuhkan kerangka persefahaman antara negara-negara ASEAN dan China.

Berhubung dengan perkara ini negara-negara ASEAN dan China telah memulakan konsultasi bagi mewujudkan Kod Tatalaku di Laut China Selatan atau, dengan izin, *Code of Conduct in The South China Sea* pada tahun 2013. Dalam masa yang sama dimaklumkan bahawa COC bukanlah instrumen untuk menyelesaikan tuntutan bertindih di antara negara. Tuntutan bertindih perlulah diselesaikan secara aman melalui perbincangan dan perundingan dengan negara-negara berkaitan berdasarkan undang-undang antarabangsa, termasuklah peruntukan-peruntukan Konvensyen Undang-undang Laut Antarabangsa 1982 atau, dengan izin, *United Nations Convention on the Law of the Seas* (UNCLOS 1982).

Kemudian Ahli Yang Berhormat mencadangkan penubuhan sebuah jawatankuasa peringkat dunia untuk mendamaikan negara-negara bermasalah. Ada dua ke tiga Ahli Yang Berhormat yang menyebut tentang perkara ini. Pada ketika ini sudah wujud pelbagai mekanisme di peringkat dunia untuk mendamaikan negara ini. Bagi konflik yang melibatkan penyelesaian politik, Penubuhan Bangsa-bangsa Bersatu melalui Majlis Keselamatan PBB merupakan badan yang diiktiraf oleh masyarakat sedunia untuk menyelesaikan isu-isu keselamatan. Termasuk konflik di antara negara-negara mahupun konflik di dalam perang seperti perang saudara untuk mencari penyelesaian secara damai.

Sekiranya Malaysia dipilih sebagai Ahli Tidak Tetap Majlis Keselamatan PBB bagi tahun 2015 dan tahun 2016, Malaysia akan bekerjasama dengan negara-negara Ahli Majlis Keselamatan untuk

mencari jalan terbaik ke arah perdamaian di negara-negara atau wilayah yang bergolak, sebagai contoh di Syria, Iraq, Mesir dan khususnya di Palestin.

Kemudian aset-aset hartanah di luar negara itu, pejabat-pejabat perwakilan luar negara. Kementerian Luar Negeri sememangnya melaksanakan penelitian terhadap kedudukan pejabat-pejabat perwakilan Malaysia di luar negara. Termasuklah cadangan membeli hartanah dan aset tertentu yang lebih *economic* dan menguntungkan kerajaan dalam jangka masa panjang.

Cadangan-cadangan pembelian hartanah dan aset ini akan digubal sebagai sebahagian daripada langkah strategi bagi mengurangkan kos operasi terutama dalam bentuk sewaan dan lain-lain *charge*. Cadangan-cadangan ini juga akan dikemukakan kepada kerajaan untuk pertimbangan dan kelulusan dan selepas kajian terhadap analisis kos faedah, *cost benefit analysis* dilakukan.

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Isu tanah terbiar, dua ke tiga Ahli Yang Berhormat bertanya berapa jumlahnya ini. Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah mengenal pasti seluas 119,273.38 hektar tanah terbiar milik individu dan 52.533 hektar tanah terbiar milik jabatan dan agensi Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

Daripada jumlah keseluruhan tanah terbiar milik individu dan jabatan agensi MOA, seluas 512 hektar telah dibangunkan pada tahun 2014 dengan projek agromakanan selaras dengan pelan pembangunan tanah terbiar oleh kementerian. Rupanya ada pelan pembangunan tanah terbiar. Usaha-usaha akan terus dijalankan bagi mengenal pasti pemilik, jenis tanah dan keperluan infrastruktur untuk dibangunkan dengan projek agromakanan.

#### ■1600

Usaha ini akan mengambil sedikit masa disebabkan masalah tuntutan hak milik tanah daripada waris bersama tanah berkenaan. Kadang-kadang yang menjadi masalah ialah pemilik sesebuah tanah itu ramai pemiliknya jadi untuk mengenal pasti waris sampai kadang-kadang sepuluh orang ia mengambil masa dan ia menyebabkan kelewatan untuk pembangunan di tanah-tanah terbiar itu.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat.**]*

Proses ini akan dibantu dengan kerjasama kerajaan negeri melalui Pejabat Tanah dan Daerah. Pelan Induk Sektor Pertanian, kerajaan melalui Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah menggubal Dasar Agro Makanan Negara (DAN) 2011-2020 bagi mencapai tiga objektif utama iaitu menjamin bekalan makanan yang mencukupi dan selamat dimakan, menjadikan industri agromakanan sebagai industri berdaya saing dan mampan serta meningkatkan tahap pendapatan usahawan tani.

Langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan seterusnya ialah ini ada ditanyakan oleh Ahli Yang Berhormat Datuk Seri Mohd Ali bin Mohd Rustam misalnya, meneruskan pelaksanaan Taman Kekal Pengeluaran Makanan, Kawasan Tumpuan Pembangunan Pertanian (ACDA), Program Ladang Kontrak, Pembangunan Usahawan Asas Tani serta *entry point projects* di bawah NKEA pertanian. Kemudian pemuliharaan kawasan tanaman padi melalui penggubalan Rancangan Fizikal Negara (RFN) kedua. Kemudian kita ada juga lapan kawasan jelapang padi yang strategik, Lembaga Kemajuan Pertanian

Muda (MADA), Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA), enam buah Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) perlu dipulihara.

Empat buah Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu iaitu di Pekan, Rompin, di Batang Lupar, dan juga Kota Belud sebagai jelapang padi negara yang baru. Empat buah pembukaan jelapang padi ini mengeluarkan padi di negara kita ini akan dapat meningkatkan sekali gus dapat mengurangkan kadar import beras dari luar negara. Selain itu, bukan hanya di daratan, kita juga ada melaksanakan apa yang dipanggil sebagai tukun tiruan yang bertujuan mewujudkan ekosistem yang baru untuk melindungi dan menggalakkan pembiakan ikan. Jadi kerajaan ini memikirkan macam-macam untuk negara dan memastikan *food security* yang disebut oleh Ahli-ahli Yang Berhormat boleh kita capai.

Kita juga ada melaksanakan apa yang dipanggil sebagai gedung makanan negara. Ini dilaksanakan oleh FELDA. Apakah yang FELDA hendak buat ialah seperti pengeluaran cili, pengeluaran pisang, lembu daging, dan ikan tilapia. Itu antara perkara-perkara yang dibuat oleh FELDA sebab ada kawasan yang cukup luas di bawah kelapa sawit milik peneroka FELDA itu boleh kita manfaatkan. Kita akan terus melaksanakan R&D untuk memastikan bekalan makanan tambahan kita ini boleh dilaksanakan. Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani juga akan melaksanakan penambahbaikan pusat pengumpulan dan pengedaran bagi memastikan dia mampu berperanan sebagai pusat penerimaan, tambah nilai, pengedaran hasil-hasil keluaran agro makanan, dan *outlet-outlet* pemasaran yang lebih *efficient*.

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, saya ingin mengumumkan FAMA misalnya akan menambah pasar tani daripada 538 buah pasar tani sekarang ini kepada 1,000 buah pasar tani dengan kekerapan operasi turut ditambah dengan sekurang-kurangnya dua kali seminggu. Jadi ini satu lagi kaedah kita untuk membantu menangani kos sara hidup. Saya berada di dalam jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Ini adalah salah satu langkah yang kita hendak laksanakan. Apabila kita laksanakan GST nanti, pasar tani ini tidak termasuk dalam yang dikenakan GST sebab kita ada apa yang dipanggil sebagai nilai ambang atau *threshold* jualan tidak lebih daripada RM500,000 setahun tidak dikenakan GST.

Jadi pasar tani ini tidak kena GST begitu juga pasar-pasar lambak, pasar malam, dan lain-lain itu. Di situ rakyat boleh berbelanja untuk mengurangkan kos hidup dan 1,000 buah pasar tani ini harapan kita, kita boleh laksanakan sebab kita perlu peruntukan tambahan ini. Kemudian MOA melalui NAFAS bercadang untuk membina tiga unit Pasar Raya Agro, pasar raya pertanian. Setakat ini kita kenal pasti tiga tempat dahulu iaitu Damansara, Muar, dan juga Taman Wahyu, Kepong. Pasar Raya Agro ini akan menjadi salah satu saluran dan ruang pemasaran terus kepada semua pengeluar secara tidak langsung isu hasil pengeluaran tidak dapat dijual dan isu persaingan orang tengah sedikit sebanyak kita akan terus cuba untuk mengatasi.

Benih, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani mengambil maklum di atas cadangan untuk mewujudkan pusat pembiakan anak lembu di kawasan Sabah dan pusat penternakan benih anak lembu sama ada di Semenanjung, Sabah atau di luar negara yang mempunyai iklim yang sesuai dalam usaha untuk mengatasi isu kekurangan daging lembu. Kemudian, FAMA telah mewujudkan 173 buah bilik sejuk



ataupun *cold room*, ini Yang Berhormat Datuk Seri Mohd Ali juga ada menyebut untuk menyimpan stok makanan.

Daripada jumlah ini sebanyak 40 buah bilik sejuk akan di naik taraf melibatkan bajet RM2 juta daripada peruntukan yang kita pohon RM72.2 juta ini supaya boleh dibesarkan dan ditambah lagi jumlah *cold room* itu. Kemudian, untuk menarik golongan muda menjadi petani bagi menyelaraskan Program Pembangunan Usahawan Muda, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah menubuhkan Unit *Agropreneur* Muda (UAM) pada September 2013 untuk menarik lebih ramai generasi muda berumur di bawah 40 tahun di dalam sektor pertanian dan menjana pendapatan lebih RM5,000 sebulan.

Sehingga 10 Jun 2014, 2,036 orang belia telah berdaftar untuk mengikuti Program Pembangunan *Agropreneur* Muda. Daripada jumlah ini seramai 1,014 orang belia telah melaksanakan projek dalam sektor pertanian. Jadi usaha-usaha perdagangan dan perniagaan ini perlu diteruskan supaya rakyat menjadi kumpulan peniaga kecil-kecilan, PKS misalnya dan kalau ada sedikit sebanyak kenaikan kos sara hidup ia tidak perlu di jadikan isu atau sebab mereka mempunyai pendapatan yang lebih. Kaedah untuk kerajaan membantu rakyat mendapat pendapatan lebih ini ada beberapa kaedah.

Kaedah pertama ialah melalui pendidikan, dengan pendidikan maka mereka boleh mendapat ijazah yang tertentu, kelulusan tertentu maka gaji mereka bertambah. Kaedah kedua untuk membantu menambah pendapatan rakyat ialah melalui kemahiran. Ada pelbagai usaha kemahiran yang kita berikan. Baru-baru ini dalam peruntukan tahun 2014 ini kita ada apa yang dipanggil sebagai IKBN dua *shift*. Dahulu hanya ada satu *shift*, sekarang ini ada dua *shift* Institut Kemahiran Belia Negara. Semua perkara ini adalah untuk menambah kemahiran anak-anak kita.

Kaedah yang ketiga ialah melalui perniagaan itu sebab kita ada banyak tabung untuk membantu rakyat kita menjadi usahawan. TEKUN sahaja RM700 juta tahun ini, Amanah Ikhtiar Malaysia RM300 juta tahun ini dan kita akan melancarkan lagi Tabung Peniaga Pasar Malam RM100 juta. Tadi yang saya sebut ialah *Agropreneur* Muda, 2,036 orang belia. Sebelum ini tiada 2,000 orang belia itu, sekarang sudah ada. Ini semua adalah usaha kita untuk menambah pendapatan rakyat.

Kemudian mengenai El Nino. Ada dua orang Ahli Yang Berhormat yang menimbulkan tentang El Nino ini antaranya Yang Berhormat Datuk Dr. Lucas bin Umbul. Perolehan pam-pam bergerak untuk membantu para petani menambah bekalan air serta mengitar semula dari parit-parit saliran juga merupakan antara langkah yang dilaksanakan.

Di samping itu, pengenalpastian lokasi untuk membina telaga-telaga air bumi sebagai sumber air alternatif turut giat dijalankan. Bagi sektor tanaman padi, buah-buahan, sayur-sayuran, ternakan, dan perikanan semua agensi yang berkaitan telah diarah untuk membuat persediaan segera termasuk berbincang dengan *stakeholder* untuk menambah keperluan import bekalan makanan beras, buah-buahan, sayur-sayuran, ayam, daging, dan ikan. Aktiviti import perlu dirancang dan dilaksanakan segera bagi memastikan barangan tersebut boleh dibeli pada harga yang berpatutan daripada negara pengimport. Memandangkan negara-negara seperti Indonesia, Brunei, dan Singapura turut dijangka mengalami fenomena El Nino, cuaca panas ini.

Penjadualan semula tanaman padi dilakukan untuk tujuan kemasukan air ke kawasan bertanam bagi meminimumkan kesan El Nino terhadap hasil pengeluaran padi. Satu pelan induk sedang disediakan untuk membina telaga- tiub *well* di kawasan yang belum mempunyai pengairan terutama di kawasan luar jelapang dan di Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu bagi memastikan air dapat disalurkan di kawasan sawah setiap kali tiba musim kering. Jabatan Perkhidmatan Veterinar dan Jabatan Perikanan Malaysia akan meningkatkan penternak ruminan, penternak ikan, dan nelayan untuk mula menyimpan stok bekalan sebagai persediaan menghadapi fenomena El Nino.

#### ■1610

Jabatan Pertanian Malaysia juga mengenal pasti dan mengumpul maklumat mengenai kawasan penanaman buah-buahan dan sayur-sayuran yang akan terjejas disebabkan sumber air yang tidak mencukupi dan mengambil tindakan sewajarnya. Jadi dengan lain perkataan, kita bersiap untuk menghadapi El Nino ini. Kita bukan duduk sahaja tetapi kita memikirkan pelbagai perkara untuk memastikan rakyat tidak terjejas dengan perubahan cuaca.

Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Asyraf, tindakan komprehensif bagi menangani agromakanan. Masalah kenaikan harga barang, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah menyediakan pelan tindakan bagi menangani masalah kenaikan harga barang melalui program Jaminan Bekalan Makanan dan Pengedaran Agromakanan bagi membantu menangani kenaikan harga barang. MOA bersama jabatan dan agensi akan melaksanakan pelan ini, antaranya telah saya nyatakan sebentar tadi.

Yang Berhormat Senator Dato' Lim Nget Yoon, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui jabatan/agensi di bawahnya sedang giat berusaha untuk membetulkan sistem pasaran agromakanan di Malaysia. Antara langkahnya meningkatkan bekalan dalam negara melalui pelaksanaan projek-projek pengeluaran TKPM, ladang kontrak, meluaskan ruang pasaran melalui Pasar Tani, Agrobazar, Kedai Rakyat, gerai buah-buahan segar, meningkatkan promosi pasaran produk tempatan dan juga eksport.

Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan, mengenai orang tengah ini. Banyak faktor yang mempengaruhi kenaikan harga barang. Antaranya permintaan yang melebihi bekalan, banyak lapisan pasaran menyebabkan setiap satu lapisan akan mengambil margin keuntungan masing-masing. Pekilang hantar kepada pemborong, ambil margin, pemborong hantar kepada pekedai ambil margin keuntungan, pekedai beri kepada pengguna juga ada pertambahan margin keuntungan. Kadang-kadang berlapis pemborong. Ini menyebabkan lapisan pasaran. Oleh itu mulai tahun 2014, kerajaan telah melancarkan Jihad Memerangi Orang Tengah.

Wah! Besar perkataan jihad itu. Dalam usaha membanteras dan untuk memanipulasi secara berleluasa oleh orang tengah ini kita hendak banteras, yang tidak beretika juga kita hendak banteras dari segi pengeluar dan juga pengguna - Jihad Memerangi Orang Tengah. Dalam usaha ini, pelbagai inisiatif kesediaan tindakan telah dan akan dilaksanakan. Antaranya tiga subsektor utama yang menjadi kritikal iaitu subsektor padi dan beras, subsektor perikanan, dan subsektor sayuran dan buah-buahan. Ini juga tidak kena GST Ahli Yang Berhormat. Padi, beras tidak kena, segala jenis makanan laut tidak kena, segala jenis sayuran tidak kena, segala jenis buah-buahan tidak kena.

Justeru itu, program Jihad Memerangi Orang Tengah telah dilancarkan secara berperingkat-peringkat berdasarkan subsektor berkenaan. Bagi memastikan isu yang khusus bagi setiap subsektor dapat ditangani, antara projek yang sedang dilaksanakan pertama, penubuhan dan pemerkasaan peranan pusat belian padi. Kedua, penyelarasan harga padi Semenanjung, kadar seragam, 1,200 tan metrik. Sebelum ini tidak seragam. Kemudian, Persatuan Nelayan Kebangsaan (NEKMAT) akan membeli hasil tangkapan nelayan secara terus dan ada juga usaha-usaha Ahli-ahli Yang Berhormat di kawasan-kawasan daripada peruntukan-peruntukan mereka membina pasar-pasar yang tertentu. Apabila naik sahaja ikan oleh nelayan, nelayan atau isterinya boleh menjual terus. Ini semua Ahli-ahli Yang Berhormat Senator juga boleh laksanakan di tempat-tempat yang tertentu.

Kemudahan logistik dan fasiliti penyimpanan ditingkatkan, jaminan pasaran diberikan kepada pengeluar yang menjual kepada FAMA dengan sokongan harga lantai dan penambahan Pasar-pasar Tani seluruh negara sebagaimana yang saya sebutkan tadi. Saya sendiri melakukan perkara itu. Dengan peruntukan Ahli Parlimen, saya membina pasar basah yang agak lakulah setiap pagi. Apabila nelayan menaikkan ikan sahaja, terus dijual di pasar itu dan pusat yang saya laksanakan itu tidak besar mana, RM50,000 sahaja peruntukan dan ia menjadi tumpuan kepada penduduk di satu kawasan tempat saya di tepi sebuah sungai Ayer Baloi, Pontian namanya. Yang Berhormat boleh dapatkan peruntukan daripada kementerian-kementerian untuk membina di mana-mana.

Kemudian, berdasarkan perangkaan Jabatan Pertanian Malaysia, Yang Berhormat Senator Puan S. Bagiam, anggaran bilangan petani di seluruh negara pada tahun 2013 adalah ramai setengah juta orang, 527,240 orang. Daripada jumlah tersebut, serama 172,230 adalah terdiri daripada pesawah padi, 46,040 penanam sayur dan 308,970 penanam buah-buahan. Angka-angkanya ada mengikut negeri-negeri. Jadi, itu hal tentang Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

Kementerian Pendidikan, mengenai kos kokurikulum. Kementerian Pendidikan Malaysia prihatin dengan keperluan untuk menyediakan kemudahan dan pembangunan infrastruktur yang bersesuaian untuk membangunkan modal insan dengan lebih berkesan. Justeru, Kementerian Pendidikan menyediakan pelbagai jenis peruntukan untuk bantuan pendidikan termasuklah menyediakan peruntukan Bantuan Kokurikulum Sekolah (BKK). Untuk makluman, peruntukan bantuan kokurikulum sekolah disediakan pada tahun 2014 adalah sebanyak RM94.3 juta.

Kemudian, 8% daripada perbelanjaan untuk membina dewan sekolah. Kementerian Pendidikan Malaysia memastikan sekolah-sekolah disediakan kemudahan yang sempurna bagi aktiviti kurikulum dan kokurikulum. Di samping itu, setiap sekolah disediakan bilik darjah yang berkonsepkan *collapsible wall*. Ini dinding yang boleh dibuka, boleh dicantumkan dua kelas menjadi dewan dan juga termasuklah untuk kawasan permainan dalaman, catur, aktiviti kebudayaan boleh digunakan daripada cantuman dua buah kelas atau tiga buah kelas itu.

Kemudian Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Rohani, mewujudkan taska di setiap sekolah. Berdasarkan keputusan mesyuarat Jawatankuasa Taska Kementerian Pendidikan Malaysia yang diadakan pada 3 Mac 2014, sebarang penubuhan taska di sekolah hendaklah dikemukakan kepada

Kementerian Pendidikan Malaysia. Oleh itu, penubuhan taska di sekolah bergantung kepada permohonan yang dikemukakan oleh pihak sekolah kepada pihak kementerian.

Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Noriah, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebarang pembangunan kampus-kampus UiTM mengambil faktor-faktor berikut. Antara lain mengikut keperluan sosioekonomi setempat serta infrastruktur sedia ada di kawasan tersebut.

Konsesi kampus UiTM, Yang Berhormat Senator Puan Roslin, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak kerajaan menggalakkan penglibatan pemegang konsesi kampus UiTM dalam aktiviti-aktiviti kemasyarakatan setempat serta Tanggungjawab Sosial Setempat (CSR).

Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar, mengenai jumlah pelajar UiTM ini berapa. Sekarang ini jumlahnya 186,000 orang. Berdasarkan unjuran sehingga tahun 2015, sasaran enrolmen ialah 200,000 orang pelajar dijangka dapat dicapai, tahun 2015. Sekarang 186,00 orang.

Mengenai menambah bilangan pegawai di negara-negara luar untuk menjaga pelajar di luar negara, Kementerian Pendidikan mengambil maklum, mengalu-alukan cadangan tersebut. Kita akan lihat kepada prosedur dan kelulusan agensi pusat.

Yang Berhormat Senator Tuan Chandra Mohan mengenai SJK(T). Kementerian Pendidikan Malaysia sentiasa mengambil langkah berterusan bagi mengatasi masalah yang dihadapi oleh semua sekolah termasuklah SJK(T). Melalui bajet 2012/2013, kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM100 juta masing-masing kepada sekolah bantuan kerajaan (SBK) termasuklah SJK(T) manakala SJK(T) juga diperuntukkan sebanyak RM50 juta dalam pakej Rancangan Khas tahun 2014. Ingin dijelaskan bahawa pemberian bantuan kewangan diberikan keutamaan kepada perkara-perkara seperti ubahsuai, naik taraf bangunan di samping bangunan gantian dan juga bangunan tambahan.

Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Johari mengenai penuluran ajaran yang tidak baik seperti Syiah dalam kalangan pelajar pula termasuklah pelajar dari luar negara, kita sedia bekerjasama dengan JAKIM, Jabatan Agama Islam Negeri, Kurikulum Pendidikan Islam telah dibina bagi memenuhi...

**Tuan Chandra Mohan a/l S. Thambirajah:** Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** ...Keperluan. Ya, sila Yang Berhormat Senator Tuan Chandra Mohan.

**Tuan Chandra Mohan a/l S. Thambirajah:** Terima kasih, terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk jawapan tadi. / tengok satu, / sudah dapat jawapan tetapi ada yang tertinggal ya pada soalan yang saya bangkit, ia ada tertinggal. Kalau tidak ada jawapan sekarang, tidak apa. Saya harap saya boleh dapat kemudian. Isunya soalan mengenai LPS. Pada soalan saya ialah pada awal tahun ini, ada cadangan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya bajet untuk sekolah Tamil itu disalurkan melalui LPS. Soalan saya ialah, pada masa sekarang, pengetahuan saya dari 523 buah sekolah itu, hanya 220 buah sekolah ada LPS.

■1620

Jadi, soalan saya semalam ialah sama ada cadangan itu masih dipakai supaya bajet itu disalurkan melalui LPS kalau masih dipakai dan bagaimana dengan sekolah-sekolah yang tak ada lembaga? Itu soalan saya. Yang lagi satu tertinggal ialah isu yang saya bangkit semalam iaitu sama ada

kelewatan ini disebabkan oleh pertikaian dalam proses pelantikan kontraktor antara sekolah dengan mana-mana pihak? Terima kasih.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Terima kasih. Kita jawab kemudianlah perkara itu. Lembaga Pengelola Sekolah atau LPS ya? Okey, untuk makluman, Kurikulum Pendidikan Islam telah dibina bagi memenuhi keperluan dalam memberi pendidikan Islam yang lengkap, menyeluruh dan bersepadu pada murid-murid di sekolah melalui enam bidang pembelajaran iaitu al-Quran, hadis, akidah, fiqah, sirah dan tamadun Islam serta akhlak. Kefahaman tafsiran meliputi *al-Sunah Waljamaah* telah dimasukkan ke dalam semua bidang tersebut terutamanya bidang akidah. Manakala di bidang fiqah, murid diajar fiqah Mazhab Syafie. Kecintaan kepada Rasulullah dan sahabat-sahabat Baginda telah diterapkan dalam bidang sirah dan tamadun Islam. Ini adalah untuk memastikan pelajar-pelajar kita disekat daripada fahaman yang bertentangan dengan Islam berteraskan *Sunah Waljamaah*.

Kemudian, daripada segi menyaring pelajar-pelajar yang datang belajar ke negara ini, pemantauan terhadap pelajar antarabangsa sememangnya diberi perhatian serius. Kita melalui Kementerian Dalam Negeri, Polis Diraja Malaysia, Jabatan Imigresen Malaysia. Secara amnya, permohonan kemasukan pelajar antarabangsa ke institusi pengajian tinggi awam akan disaring melalui tiga peringkat saringan ke atas pelajar antarabangsa dan IPT yang dipilih dan saringan oleh JIM. Manakala *Education Malaysia Global Services* (EMGS) sebagai pusat sehenti atau *one-stop centre* akan memproses JIM tadi. JIM atau Jabatan Imigresen Malaysia tadi, manakala *Education Malaysia Global Services* itu iaitu pusat sehenti memproses, membuat saringan kesahihan dokumen pelajar antarabangsa ke IPTS sebelum diperakui untuk pengeluaran pas pelajar. Di peringkat IPT masing-masing turut diwujudkan pusat pelajar antarabangsa atau unit hal ehwal pelajar antarabangsa untuk memantau dan menjaga kebajikan.

Kementerian Pendidikan juga telah mewujudkan bahagian penguatkuasaan dan inspektorat untuk memantau pengurusan pelajar antarabangsa di IPTS yang mensyaratkan semua IPTS diberi kelulusan untuk mengambil pelajar antarabangsa oleh KDN. Diwajibkan mengemukakan laporan pengurusan pelajar antarabangsa setiap suku tahun kepada Kementerian Pendidikan. Pengambilan pelajar antarabangsa di IPTS juga perlu mengikut dan mematuhi garis panduan pengurusan pelajar antarabangsa yang dikeluarkan oleh KDN. Segala usaha yang dilaksanakan adalah untuk memastikan pelajar antarabangsa benar-benar mengikuti pengajian di Malaysia, tidak terlibat dalam perkara yang menjejaskan imej Malaysia sebagai hab pengajian tinggi serantau. Usaha ini juga bagi mengelakkan Malaysia dijadikan *dumping ground* bagi pelajar antarabangsa yang tidak berkelayakan atau yang bermasalah.

Senator Puan Hajah Khairiah membangkitkan cadangan skim pinjaman perumahan supaya ditetapkan syarat pembiayaan secara Islam untuk penjawat awam. Pada masa ini, pemilikan skim pinjaman perumahan sama ada secara konvensional atau secara Islam adalah berdasarkan pemilihan pemohon sendiri. Walau bagaimanapun, kebanyakan permohonan diterima memilih skim pembiayaan perumahan secara Islam menggunakan konsep *Bai' Bithaman Ajil* dan juga mengenai insurans Islam itu kita ambil maklum. Senator Datuk Raja Ropiaah, saya dah jawab tadi mengenai tanah terbiar dan Datuk

Hajah Rohani binti Abdullah mengenai pelbagai bantuan insentif untuk membantu nelayan laut dan sungai. Antara bantuan diberikan kepada nelayan laut ialah subsidi diesel dan petrol, elaun sara hidup RM200 sebulan, insentif hasil pendaratan ikan, bantuan baik pulih, bina baru penempatan semula nelayan.

Bantuan baik pulih rumah turut diberikan kepada nelayan sungai. Pagi tadi saya bersama Sultan Johor melawat satu kawasan dalam Kembara Mahkota dan Baginda diberikan satu taklimat mengenai pemindahan kawasan nelayan yang sentiasa banjir apabila air pasang. Air pasang di Sungai Benut maka banjir. Kerajaan negeri dan juga Kerajaan Pusat membantu untuk memindahkan mereka. Itu sebagai contoh bantuan penempatan semula nelayan kerana mereka ini tinggal di tepi-tepi sungai yang banyak masalah banjir terutamanya. Seramai 1,596 nelayan darat telah mendapat faedah bantuan baik pulih rumah yang melibatkan peruntukan sebanyak RM14.673 juta. Bantuan lain pun adalah seperti pendedahan kepada kemahiran dalam pelayaran melalui latihan baik pulih enjin. Sejumlah 1,000 nelayan dilatih setahun bermula tahun 2011 hingga 2013.

Di samping itu, sebanyak lima juta benih ikan seperti ikan Kelah, Krai juga udang galah di 241 batang sungai di seluruh Malaysia telah dilepaskan untuk manfaat nelayan sungai. Setakat ini, Kementerian Pertanian akan meneruskan bantuan insentif kepada nelayan laut dan sungai. Walau bagaimanapun bantuan ini akan dikaji daripada semasa ke semasa sama ada untuk kita perbaiki atau naikkan.

Yang Berhormat Senator Dato' Adam bin Abdul Hamid membangkitkan mengenai supaya diberi peruntukan kepada Kementerian Luar Negeri untuk memperkenalkan negara di luar negara. Aktiviti mempromosi dan memperkenalkan Malaysia di luar negara adalah satu usaha yang berterusan dilakukan oleh pejabat-pejabat perwakilan Malaysia di luar negara. Malah Kementerian Luar Negeri setiap tahun memperuntukkan belanjawan khusus untuk aktiviti seperti program seranta dan diplomasi awam. Peruntukan ini juga bertujuan untuk menjana aktiviti mempromosikan Malaysia. Namun begitu, setiap tahun peruntukan yang diperoleh agak terhad. Ia perlu diagihkan mengikut kepentingan aktiviti berdasarkan cadangan program yang dikemukakan oleh pejabat perwakilan dan kementerian.

Buat masa ini, Malaysia mempunyai 105 pejabat perwakilan yang aktif di seluruh dunia. Bagi mengatasi kekangan peruntukan yang terhad ini, Kementerian Luar Negeri juga bekerjasama dengan kementerian lain seperti MATRADE, MIDA dan *Tourism Malaysia* untuk melaksanakan program-program mempromosi Malaysia di luar negara secara bersepadu. Di United Kingdom misalnya kita ada pejabat MATRADE, MIDA dan *Tourism Malaysia*, begitu juga dalam pusat perwakilan yang besar kita ada tambahan pejabat-pejabat itu. Kementerian Luar Negeri amat mengalu-alukan sebarang cadangan supaya peruntukan untuk mempromosi Malaysia di luar negara dipertingkatkan. Peruntukan yang bersesuaian akan membenarkan pelan promosi dibuat secara lebih luas dan aktiviti-aktiviti berimpak tinggi lebih menyeluruh dapat dilaksanakan.

Program Perumahan Rakyat (PPR) Sentul dibangkitkan oleh Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani. Kos projek RM82 juta, tarikh mula 12 Oktober 2012, tarikh siap 11 April 2015. Jadual 37.55% berbanding sebenar cuma 4.51% sepatutnya 37.55%. Tiga unit rumah setinggan telah dirobohkan dan masih ada

tiga unit rumah yang masih belum dirobohkan. Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan tidak dapat meneruskan pelaksanaan projek berkenaan selagi isu setinggian di tapak berkenaan tidak diselesaikan. Tiga sahaja lagi punya hal menyebabkan kelewatan. Yang sebenar 4.51% sepatutnya 37.55% pembinaan untuk 150 orang yang lain itu. Terdapat injunksi daripada penduduk menyebabkan perobohan tidak dapat dilaksanakan. Berdasarkan semakan, injunksi yang dikenakan adalah tidak sah. JKPTG Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sedang memohon mengetepikan injunksi berkenaan.

Terima kasih kerana Timbalan Menteri dari kawasan Tenggara membantu saya menyediakan jawapan ini. Ahli-ahli Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua, di tangan saya ini ada catatan-catatan segala perkara yang disebut oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Sebahagian besar daripadanya telah saya jawab. Saya mohon maaf kalau mana ada yang tidak dijawab. Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar tentang ubat sudah ada semua sekali, kuota UiTM saya dah jawab. Dato' Dr. Asyraf Wajdi, isu penyelarasan semua kementerian. UiTM untuk masyarakat Siam itu kita ambil perhatian berat apa yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat. Senator Datuk Seri Mohd Ali juga banyak saya telah sebut. Pasar borong besar itu cadangan yang bagus, kemudian Malaysia sebuah negara Islam dan bukan negara sekular disebut oleh Dato' Dr. Asyraf Wajdi dan peranan kita perlu lebih lagi hebat di OIC.

Kemudian, umur tadi, Dato' Dr. Johari bin Mat, kalau saya lihat tadi dalam Jabatan Statistik, Tan Sri, tadi saya ada cerita kita masuk laman web Jabatan Statistik, kita boleh kira umur kita lepas ini ada berapa tahun lagi baki. Umur saya, saya sekarang 48 tahun. Baki umur saya 25.9 tahun rupanya sebab lelaki Melayu yang lahir tahun 1966, purata umurnya 73.9 tahun.

#### ■1630

Wanita Melayu yang lahir tahu 1966, isteri saya 76.8 tahun. Jadi saya mati tiga tahun lebih awal daripada isteri saya. Mengikut perkiraan purata umur mengikut masyarakat dan juga tahun dilahirkan lelaki atau perempuan.

Yang Berhormat Senator Dato' Lim Nget Yoon, tentang harga getah. Kita ambil maklum tentang perkara itu. Harga sayuran jatuh. Kadang-kadang baguslah harga sayur jatuh tetapi pada ketika yang sama ia perlu *win-win* kepada pengeluar sayur juga. Itu perlu kita ambil perhatian juga.

Yang Berhormat Senator To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin tentang persaraan, dasar kesamarataan, pegawai kontrak dan sebagainya. Itu semua kita ada menyebut.

Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman, saya sudah menjawab tentang LHDN perkara-perkara tentang LHDN dan kemahiran bahasa Inggeris ini kita akan terus tingkatkan untuk masa akan datang. *e-Filing* saya sudah jawab. Subsidi rasionalisasi juga penyelewengan diesel kita bersepadu untuk menangani penyelewengan diesel antara pelbagai kementerian PDRM, SPRM, APMM semuanya itu KPDKK bersepadu dan kita boleh lihat kesannya yang amat baik dilaporkan hari-hari dalam surat khabar bagaimana kejayaan-kejayaan kita mengatasi tentang penyelewengan diesel ini kerana harganya lebih murah. Oleh sebab itu ia diseludupkan ke negara-negara jiran.

El Nino, Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Noriah binti Mahat sudah jawab. Yang Berhormat Senator Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman subsidi bahan api semua sekali itu. Bilakah Kastam akan dikorporatkan? Cadangan kita ialah 1 Januari 2015 tetapi itu baru cadangan.

Kemudian Yang Berhormat Senator Datuk Raja Ropiaah binti Raja Abdullah, ladang kontrak. Tadi saya sudah jawab juga pendaatang asing dan wartakan tanah Orang Asli. Ada satu masalah juga tentang pewartaan Orang Asli ini. Kita mengukurnya. Kaedah mengukurnya itu kadang-kadang tidak dipersetujui oleh pihak yang berkaitan.

Yang Berhormat Senator Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin menafikan bahawa standard graduan di Malaysia ini tidak baik. Saya setujuh Yang Berhormat Senator Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah mengenai golongan muda sebagai pelapis dan jangan politikkan isu pendidikan. Semuanya itu kita ambil maklum kerana pendidikan ini amat penting. Oleh sebab itu semua kementerian, Kementerian Pendidikan yang paling banyak dapat peruntukan pada setiap tahun untuk kita meningkatkan pendidikan rakyat.

Itulah Ahli-ahli Yang Berhormat. saya minta maaf kalau tidak dapat menjawab satu persatu. Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Rohani binti Abdullah, Yang Berhormat Senator Dato' Adam bin Abdul Hamid, Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit, Yang Berhormat Senator Puan Norliza binti Abdul Rahim, Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan, Yang Berhormat Senator Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh, Yang Berhormat Senator Datuk Lihan Jok, Yang Berhormat Senator Puan Bathmavathi a/p K.Krishnan dan Yang Berhormat Senator Puan S. Bagiam a/p Ayem Perumal kerana pada ketika Ahli-ahli Yang Berhormat itu saya tidak berada di dalam Dewan tetapi pegawai-pegawai saya ada ramai 20 orang hingga 30 orang mencatat. Saya harap mereka telah mencatat segala-galanya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Itu sahaja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang hendaklah disetujui.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]*

*[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua]*

### **Bacaan Kali Yang Ketiga**

**Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa rang undang-undang bernama suatu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan bagi perkhidmatan untuk tahun 2014 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi bahagian tahun itu disetujui tanpa pindaan.

Saya mohon mencadangkan bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 53(2) rang undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga diluluskan sekarang.



**Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Halimah binti Mohd. Sadique]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Masalahnya ialah rang undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]*

*[Rang undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]*

## **RANG UNDANG-UNDANG**

### **RANG UNDANG-UNDANG YAYASAN GURU TUN HUSSEIN ONN 2014**

#### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang kita masuk rang undang-undang seterusnya Yayasan Guru Tun Hussein Onn 2014 bagi kali yang kedua. Semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menghantar nama dan senarai ada di depan saya ini. Sekarang saya silakan Yang Berhormat Menteri.

**4.36 ptg.**

**Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin]:** Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan rang undang-undang bernama suatu akta untuk menubuhkan Yayasan Guru Tun Hussein Onn untuk mengadakan peruntukan bagi fungsi dan kuasanya dan perkara yang bersampingan dengannya untuk membubarkan Kumpulan Wang Guru untuk membatalkan Kaedah-kaedah Kumpulan Wang Simpanan Guru 1962 dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara yang berbangkit dan bersampingan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Kumpulan Wang Simpanan Guru-guru atau KWSG telah ditubuhkan sebagai sebuah badan berkanun pada tahun 1962 di bawah Kaedah-kaedah Kumpulan Wang Simpanan Guru 1962. Penubuhan KWSG pada ketika itu bertujuan untuk menjaga kepentingan dan memberi faedah kepada guru-guru bukan kerajaan di bawah Skim Perkhidmatan Guru-guru Dipersatukan atau *Unified Teaching Service*, dengan izin, atau UTS melalui sebuah tabung persaraan khusus untuk guru-guru UTS mencarum kepada tabung berkenaan. Pada tahun 1972, sebahagian besar guru UTS telah memilih untuk berkhidmat sebagai guru kerajaan sepenuhnya melalui tawaran Suruhanjaya Diraja Ungku Aziz. Dalam hal ini, guru-guru tersebut tidak lagi wajib untuk terus mencarum kepada KWSG kerana guru-guru berkenaan telah tertakluk kepada Skim Faedah Persaraan Kerajaan.

Sehubungan dengan itu fungsi KWSG adalah terhad kepada menerima caruman daripada guru-guru UTS yang tidak memilih Skim Guru Kerajaan dan menguruskan dana caruman tersebut sehingga semua guru yang mencarum dalam KWSG layak untuk mengeluarkan wang caruman masing-masing apabila telah mencapai umur persaraan. Berdasarkan fungsi KWSG seperti yang dinyatakan, pencarum

terakhir KWSG layak untuk mengeluarkan caruman serta dividen pada tahun 2007. Dalam hal ini, pencarum atau warisnya yang tidak mengeluarkan wang caruman berserta dividen mereka, wang tersebut dipindahkan kepada Pendaftar Wang Tidak Dituntut di bawah Akta Wang Tidak Dituntut 1965 [Akta 370].

■ 1640

Tuan Yang di-Pertua, KWSG telah mencapai matlamat penubuhannya dan melunaskan fungsinya apabila pencarum terakhir KWSG layak untuk mengeluarkan caruman serta dividen pada tahun 2007. Sehubungan dengan itu, adalah wajar KWSG dibubarkan memandangkan tujuan penubuhannya sebagai tabung persaraan tidak lagi relevan. Pembubaran KWSG bertujuan untuk membolehkan aset KWSG dimanfaatkan bagi pembangunan profesionalisme dan kebajikan guru serta pendidikan anak-anak guru melalui sebuah yayasan. Ini adalah wajar kerana dana KWSG asalnya berkaitan dengan kebajikan guru. Oleh itu, yayasan yang dikenali sebagai Yayasan Guru Tun Hussien Onn dicadangkan, ditubuhkan sebagai badan berkanun yang diasingkan pengurusan saraannya daripada sektor awam.

Yayasan Guru Tun Hussien Onn yang akan ditubuhkan ini tidak menerima geran permulaan atau peruntukan tahunan daripada kerajaan. Kewangan yayasan ini akan menggunakan dana sedia ada yang telah dijana oleh KWSG yang akan dipindahkan kepada yayasan. Selain daripada itu, yayasan juga akan menjana pendapatan melalui hasil daripada aktiviti pelaburan serta perniagaan yang akan dijalankan oleh syarikat yang akan ditubuhkan.

Tuan Yang di-Pertua, penubuhan Yayasan Guru Tun Hussien Onn ini akan memberi manfaat kepada semua guru yang dilantik sebagai Pegawai Perkhidmatan Pendidikan atau pun PPP oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran. Selain daripada itu, anak-anak guru juga turut menerima faedah daripada penubuhan yayasan ini. Yayasan yang akan ditubuhkan ini berfungsi untuk membantu Kementerian Pendidikan dalam meningkatkan pembangunan profesionalisme guru seperti menyediakan latihan jangka pendek dan jangka panjang yang berimpak tinggi serta berterusan kepada kumpulan guru terutama dalam kalangan guru bukan pentadbir.

Selain daripada itu, yayasan ini juga bertujuan membantu guru yang berminat untuk melanjutkan pelajaran tetapi tidak layak mendapat biasiswa atau pembiayaan daripada kerajaan kerana faktor umur yang melebihi had yang ditetapkan. Ini sejajar dengan dasar kerajaan untuk menggalakkan pembelajaran sepanjang hayat bersesuaian dengan pelanjutan had umur persaraan kepada 60 tahun.

Selain daripada itu, yayasan juga berfungsi untuk membantu mana-mana pihak menjalankan aktiviti penyelidikan dalam meningkatkan kualiti pendidikan negara. Ini bertujuan untuk menggalakkan penyelidikan yang boleh membantu kementerian meningkatkan kualiti pendidikan dengan kaedah dan inovasi terkini selari dengan perkembangan pendidikan sejagat.

Tuan Yang di-Pertua, kebajikan guru sentiasa menjadi fokus utama Kementerian Pendidikan. Sehubungan dengan itu, antara fungsi Yayasan Guru Tun Hussien Onn yang akan ditubuhkan ini ialah membantu Kementerian Pendidikan menjaga kebajikan guru. Yayasan akan memberi keutamaan kepada guru-guru yang memerlukan bantuan seperti bantuan kecemasan, bencana alam, kematian dan bantuan

peralatan sokongan selepas rawatan seperti kerusi roda. Ini bertujuan untuk meringankan beban guru sebagai tanda penghargaan kepada guru-guru yang banyak berjasa dalam mendidik anak bangsa.

Selain daripada kebajikan kepada guru, pendidikan anak-anak guru juga tidak diabaikan. Sehubungan dengan itu fungsi yayasan juga ialah membantu dalam pendidikan anak guru seperti bantuan yuran pengajian kepada anak guru yang hilang tempat bergantung dan tidak mendapat bantuan serta pembiayaan daripada mana-mana pihak.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini mengandungi lapan bahagian yang merangkumi 49 fasal dan 1 jadual seperti berikut:

Bahagian I, fasal 1 hingga 2 memperuntukkan tentang perkara permulaan.

Bahagian II, fasal 3 rang undang-undang yang dicadangkan mengandungi peruntukan yang berhubungan dengan penubuhan yayasan sebagai sebuah pertubuhan perbadanan.

Fasal 4 bertujuan untuk membenarkan yayasan mempunyai materai perbadanan;

Bahagian III, fasal 5 hingga 8 memperuntukkan tentang fungsi dan kuasa yayasan. Antara fungsi yayasan yang diperuntukkan dalam fasal 5 ialah:

- (i) membantu Kementerian Pendidikan mengadakan aktiviti dalam meningkatkan pembangunan profesionalisme guru;
- (ii) membantu mana-mana pihak menjalankan aktiviti penyelidikan dalam meningkatkan kualiti pendidikan negara;
- (iii) melakukan apa-apa perkara yang wajar atau sesuai, manfaat atau perlu dalam menjaga kebajikan guru; dan
- (iv) membantu pendidikan anak-anak guru.

Fasal 6 memperuntukkan mengenai kuasa yayasan untuk melakukan semua perkara yang perlu atau suai manfaat bagi atau berkaitan dengan pelaksanaan fungsi seperti:

- (i) kuasa untuk membuat pelaburan dalam syarikat yang ditubuhkan;
- (ii) kuasa untuk memberi pinjaman pembiayaan atau biasiswa;
- (iii) kuasa untuk melaksanakan program pembangunan sumber manusia bagi membangun dan memajukan profesion perguruan;
- (iv) kuasa untuk menyediakan geran penyelidikan bagi meningkatkan kualiti pendidikan negara.

Tuan Yang di-Pertua, Bahagian IV fasal 9 hingga fasal 18 mengandungi peruntukan mengenai penubuhan dan kuasa Lembaga Pemegang Amanah. Keanggotaan lembaga, tempoh jawatan anggota lembaga, pembayaran elaun kepada anggota lembaga, pembatalan pelantikan, peletakan jawatan dan pengosongan jawatan lembaga serta memberi kuasa kepada lembaga untuk menubuhkan jawatankuasa bagi membantu melaksanakan fungsinya;

Bahagian V fasal 19 hingga fasal 22 memperuntukkan mengenai pekerja yayasan termasuk peruntukan bagi pelantikan dan kewajipan Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan;

Bahagian VI fasal 23 hingga fasal 33 mengandungi peruntukan berkaitan kewangan. Antara perkara yang diperuntukkan di dalam bahagian ini ialah peruntukan bagi penubuhan Kumpulan Wang

Yayasan Guru Tun Hussien Onn, peruntukan bagi perbelanjaan yang boleh dipertanggungjawabkan kepada kumpulan wang mengehendaki yayasan menyediakan anggaran perbelanjaan, membenarkan yayasan membuka akaun bank, meminjam bank dan melabur wang yayasan serta menentukan tatacara kewangan sendiri;

Bahagian VII fasal 34 hingga fasal 40 mengandungi peruntukan am. Antaranya ialah peruntukan bagi pendakwaan kesalahan dan memberi yayasan kuasa dengan kelulusan menteri untuk membuat peraturan-peraturan di bawah rang undang-undang yang dicadangkan ini;

■ **1650**

Bahagian VIII fasal 41 hingga fasal 49 mengandungi peruntukan berhubung kecualian dan peralihan. Fasal 41 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi perpindahan kuasa, hak keistimewaan, liabiliti, tanggungjawab dan kewajipan KWSG kepada Yayasan sebaik selepas ia dibubarkan pada hari yang ditetapkan menurut peruntukan undang-undang.

Fasal 42 meletakkan harta KWSG yang akan dibubarkan dipindahkan kepada Yayasan.

Fasal 43 mengadakan peruntukan tentang peralihan surat ikatan, bon, perjanjian, surat cara dan perkiraan kerja yang terletak hak pada KWSG yang akan di bubar kepada Yayasan;

Fasal 44 mengadakan peruntukan bagi pemindahan wang KWSG yang akan dibubarkan kepada Yayasan; manakala

Fasal 45 bertujuan untuk mengadakan tawaran kepada pekerja KWSG yang akan dibubarkan untuk terus menjadi pekerja Yayasan;

Fasal 46 pula bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi penerusan apa-apa perkara yang belum selesai di hadapan KWSG yang akan dibubarkan untuk diurus oleh Yayasan;

Fasal 47 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi penerusan prosiding sivil dan jenayah; dan

Fasal 48 menyatakan sebutan dalam undang-undang atau dokumen mengenai KWSG yang akan dibubarkan hendaklah nanti ditafsirkan sebagai sebutan mengenai Yayasan;

Fasal 49 membenarkan penggunaan nama Kumpulan Wang Simpanan Guru oleh Yayasan dan melarang penggunaan nama itu dari mana-mana orang tanpa kebenaran pihak Yayasan.

Jadual memperuntukkan mengenai mesyuarat dan tatacara Lembaga.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan fungsi dan kuasa Yayasan Guru Tun Hussein Onn, seperti yang telah dinyatakan, penubuhan Yayasan ini akan membantu pendidikan dalam meningkatkan kualiti pendidikan secara am dan memberi manfaat dan faedah khususnya kepada guru di bawah Kementerian Pendidikan.

Sehubungan dengan ini, semua guru di bawah Kementerian Pendidikan akan mendapat faedah daripada penubuhan Yayasan. Ini adalah selari dengan hasrat yang digariskan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) yang menitikberatkan pembangunan profesionalisme kekurangan serta menggalakkan aktiviti penyelidikan dan inovasi dalam kalangan guru.

Rang undang-undang ini tidak akan melibatkan kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Ada sesiapa yang menyokong?

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Razali bin Ibrahim]:** Saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk menubuhkan Yayasan Guru Tun Hussein Onn, untuk mengadakan peruntukan bagi fungsi dan kuasanya dan perkara yang bersampingan dengannya untuk membubarkan Kumpulan Wang Simpanan Guru untuk membatalkan kaedah-kaedah Kumpulan Wang Simpanan Guru 1962 dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara yang berbangkit dan bersampingan dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan.

Saya mempersilakan Yang Berhormat Dato' Adam bin Abdul Hamid. Dipersilakan.

#### 4.54 ptg.

**Dato' Adam bin Abdul Hamid:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warrahmatullaahi wabarakaatuh.* Saya telah meneliti rang undang-undang ini secara terperinci. Kalau kita lihat dari segi hasrat penubuhannya, ia adalah sangat murni.

Oleh yang demikian, saya tak banyak hendak membincangkan tentang rang undang-undang ini, cuma saya hendak memberi pandangan iaitu satu cadangan kepada Bahagian IV mengenai Lembaga Pemegang Amanah.

Saya ingin menambah dan saya harap dapat dipersetujui oleh Dewan ini supaya selepas (g), ada (h), *"Tiga orang Ahli Parlimen bagi mewakili rakyat yang hendaklah dilantik oleh Menteri"*.

Tujuan saya mengemukakan pandangan ini dan cadangan ini Tuan Yang di-Pertua, ialah supaya ada keterlibatan Ahli Parlimen. Satu, pendedahan kepada pentadbiran.

Kedua, kami ingin melihat melalui wakil-wakil yang saya cadangkan tadi satu proses keterbukaan dan telus dalam mentadbir lembaga ini. Saya rasa bukanlah sesuatu perkara yang susah hendak dipersetujui oleh Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri boleh melantik sama ada misalnya daripada Dewan Rakyat ataupun daripada Dewan Negara. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong rang undang-undang ini dengan saya akhiri satu pantun,

*Dari Terengganu buah dokong;*

*Sekarang sudah ada dalam tin;*

*Penubuhan Yayasan Guru ini saya sokong;*

*Tanda kerajaan sangat prihatin.*

Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Rupa-rupanya tak panjang, pendek sahaja ya. sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Datuk Seri Mohd Ali bin Mohd Rustam.

**4.58 ptg.**

**Datuk Seri Mohd Ali bin Mohd Rustam:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.*

**Tuan Yang di-Pertua:** *Walaikumsalam.*

**Datuk Seri Mohd Ali bin Mohd Rustam:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Yayasan guru Tun Hussein Onn 2014, 9 Jun 2014.

Saya ingin menyokong Rang Undang-undang Yayasan Guru Tun Hussein Onn 2014 yang telah pun dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sebentar tadi.

Saya telah melihat fungsinya amatlah baik. Pertama, membantu Kementerian Pendidikan mengadakan aktiviti bagi meningkatkan pembangunan profesionalisme guru.

Kedua, membantu aktiviti penyelidikan bagi meningkatkan kualiti pendidikan negara.

Ketiga, melakukan perkara yang wajar sesuai, bermanfaat bagi menjaga kebajikan guru dan membantu pendidikan anak-anak guru serta perkara-perkara yang lain.

Saya ingin membangkitkan beberapa persoalan. Pertama, sejauh manakah penubuhan Yayasan ini mampu menjamin kelangsungan fungsi KWSG dan seterusnya membawa peranan yang lebih berkesan dan lebih membawa impak khususnya dalam menjaga kebajikan keseluruhan 424,741 guru di seluruh negara.

Daripada pembentangan RUU ini, didapati pencarum terakhir KWSG yang layak mengeluarkan caruman dan dividennya adalah pada tahun 2007. Ada caruman yang tidak dikeluarkan akan dipindahkan kepada Pendaftar Wang Tidak Dituntut di bawah Akta 370, Akta Wang Tidak Dituntut 1965.

**■1700**

Saya mohon penjelasan daripada kementerian berapakah jumlah pencarum dan caruman yang tidak mengeluarkan duit mereka yang telah dipindahkan sebagai Wang Tidak Dituntut dari tahun 2007 sehingga sekarang dan apakah tindakan KWSG bagi membantu pencarum atau warisnya dalam menyelesaikan perkara ini? Kita maklum daripada- antara faktor KWSG ingin dibubarkan adalah kerana ia dikatakan tidak lagi relevan sebagai tabung persaraan gugu. Walau bagaimanapun, kita tidak nafikan KWSG pernah mempunyai sebuah pengurusan wang yang cekap sehingga membolehkan KWSG mempunyai pendapatan yang banyak hasil daripada aktiviti pelaburan dan juga sewaan bangunan untuk disalurkan kepada ahli dan jika kita rujuk pada Laporan Tahunan 2011 KWSG, berjaya memberi dividen tahunan sebanyak 15% kepada ahli.

Persoalannya dengan penubuhan yayasan ini, sudah pasti kita mengharapkan sesuatu yang lebih baik akan berlaku sama ada dalam pengurusan kewangan ataupun lain-lain aktiviti yang boleh memberi penambahbaikan kepada keseluruhan guru seluruh negara yang kini melebihi 424,000 orang. Saya ingin mohon penjelasan apakah cadangan penambahbaikan yang telah dirancang atau apakah pelan pembangunan yayasan.

Kedua, apakah aktiviti pelaburan yang telah dirancang dan tiga apakah kerajaan bercadang untuk membuat struktur pencaruman baru oleh guru-guru hari ini. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

merujuk fasal 5 RUU ini iaitu mengenai fungsi yayasan yang akan ditubuhkan iaitu mempunyai empat fungsi utama. Antaranya adalah bagi menegakkan profesionalisme perguruan, menjaga kebajikan guru dan anak-anak guru.

Tidak sangsi lagi niat ini adalah baik. Persoalannya jika kita merujuk kepada asas penubuhan KWSG adalah untuk mewujudkan sebuah tabung persaraan khusus untuk guru-guru dan ia berfungsi seperti amalan yang dilaksanakan KWSP iaitu menerima caruman ahli dan melaburkan wang caruman tersebut bersesuaian dengan undang-undang. Bagi pelaburan Kumpulan Wang Amanah mengikut *Trustee Ordinance 1949* bertujuan menjana pulangan keuntungan untuk diberikan sebagai faedah kepada ahlinya melalui pengisytiharan dividen tahunan.

Jadi kerangka asas penubuhan KWSG amat cantik bagi menjamin kehidupan guru-guru terutama selepas bersara. Pada pandangan saya fungsi ini harus dikekalkan dan diperluaskan kepada guru-guru hari ini. Adalah dicadangkan agar yayasan yang akan ditubuhkan ini meneruskan agenda asal penubuhan KWSG memandangkan mereka berupaya mentadbir KWSG dengan baik dan boleh menambah pendapatan guru secara tidak langsung. Adalah sesuatu yang merugikan jika penubuhan yayasan ini ianya semata-mata bagi mentadbir aset KWSG.

Dalam keadaan ekonomi yang mencabar pada hari ini, diharapkan dengan adanya sumber pendapatan tambahan daripada pencaruman sebegini, diharapkan dapat membantu guru-guru hidup dengan lebih selesa terutama guru-guru yang tinggal di bandar-bandar. Kita tidak nafikan bahawa aktiviti-aktiviti penyelidikan dan Program Pembangunan Profesionalisme Guru amat penting. Namun begitu, negara hari ini juga telah mempunyai banyak institusi yang boleh berperanan menegakkan profesion guru. Contoh UPSI, Institut Aminuddin Baki, universiti-universiti dan juga lain-lain. Dicadangkan juga agar pihak yayasan menetapkan atau memilih apakah bentuk pembangunan profesion guru yang boleh menjadikan guru-guru ini mengundang rasa hormat masyarakat yang kini nampak sebahagiannya terhakis kesan daripada sahsiah atau keperibadian guru yang dikatakan ada yang telah semakin merosot.

Program-program perlu dirangka bagi membantu meninggikan motivasi dan idealisme seorang guru. Tujuan sebenar menjadi guru adalah untuk memanusiaikan manusia. Justeru itu dicadangkan agar pihak yayasan lebih melaksanakan program-program yang lebih mendidik kepada pembentukan sahsiah berbanding dengan program pembangunan teknologi perguruan yang telah banyak pun dilakukan oleh kementerian dan juga agensi-agensinya yang lain. Hari ini, ramai guru telah mengambil inisiatif sendiri bagi meningkatkan ilmu dan profesionalisme mereka seperti menyambung pelajaran ke peringkat *master* dan juga PhD. dengan pembiayaan sendiri.

Namun usaha mereka ini tidak banyak mendapat kelebihan daripada kementerian selepas mereka memiliki ijazah-ijazah mereka. Justeru itu adalah dicadangkan agar yayasan yang bakal ditubuhkan ini dapat memberi satu bentuk insentif sebagai ganjaran kepada guru-guru ini. Juga mengenai fungsi penting pertubuhan yayasan ialah bagi fungsi bagi meningkatkan pembangunan profesionalisme guru-guru. Adalah diharapkan kerajaan boleh merangka satu pelan jangka panjang yang

selari dengan dasar-dasar Transformasi Pendidikan Negara seperti yang digariskan melalui Pelan Pembangunan Penyelidikan 2013- 2020.

*Priority* pembangunan profesionalisme guru haruslah dilakukan bertepatan dengan aspirasi negara untuk menghasilkan 50% tenaga kerja mahir menjelang 2020. Untuk itu adalah dicadangkan supaya yayasan ini memainkan peranan penting dalam usaha meningkatkan kualiti guru-guru teknik dan vokasional negara. Satu lagi peranan penting yang diletakkan di bawah yayasan ialah membantu pendidikan anak-anak guru. Saya ingin memohon penjelasan agar dapat yayasan memperincikan apakah bentuk-bentuk bantuan yang boleh dilaksanakan dan kaedah-kaedah pengurusan bentuk-bentuk bantuan itu. Kalau dalam bentuk pinjaman atau biasiswa, apakah syarat-syarat jumlah biasiswa dan kaedah-kaedahnya perlulah diperjelaskan.

Laporan Tahunan 2011 juga menyatakan KWSG telah mencatat jumlah pendapatan sebanyak RM17.93 juta iaitu sebanyak 66.66% ialah hasil daripada sumber pelaburan. Persoalannya selain daripada pelaburan-pelaburan adalah dicadangkan lebih berkaitan dengan industri pendidikan seperti ICT, peralatan P&P dan lain-lain juga. Juga salah satu aktiviti pelaburan yang mungkin boleh diceburi ialah menyediakan pusat jagaan kepada anak-anak guru di setiap sekolah ataupun secara berpusat memandangkan guru-guru sebahagiannya adalah golongan wanita yang amat memerlukan pusat penjagaan anak-anak yang berkualiti bagi menjamin guru-guru dapat memantau anak-anak mereka, di samping dapat membantu mengurangkan *stress* dan kebimbangan guru-guru terhadap penjagaan anak-anak mereka sendiri.

Saya juga ingin mencadangkan supaya yayasan ini dapat memperuntukkan sebahagian wangnya untuk membayar duit tuisyen kepada guru-guru yang memberi tuisyen kepada anak-anak yang perlukan tuisyen kerana ketika ini banyak guru-guru memberi tuisyen secara percuma sedangkan mereka telah bekerja bertungkus-lumus tapi untuk mendidik anak-anak yang tidak berapa cekap ataupun kepada ibu bapa yang kurang mampu mendapat tuisyen swasta dan mereka terpaksa berkorban. Kerana itu saja berharap yayasan dapat membantu atas usaha-usaha yang telah mereka lakukan ini.

#### ■1710

Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyokong cadangan Dato' Adam supaya ada wakil dari Parlimen atau Senator untuk duduk dalam Yayasan Guru Tun Hussein Onn yang akan ditubuhkan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya silakan Yang Berhormat Puan Hajah Khairiah binti Mohamed.

#### 5.11 ptg.

**Puan Hajah Khairiah binti Mohamed:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh* dan salam sejahtera. Profesion perguruan adalah suatu profesion yang sangat mulia dan perkara ini kita dapat lihat melalui kisah-kisah para nabi, terutamanya saya ingin petik di sini kisah Nabi Adam A.S melalui surah Al-Baqarah, Ayat 31... [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] "Maksudnya: *Dan Dia telah mengajarkan Nabi Adam akan segala nama benda-*



*benda dan kononnya kemudian ditunjukkanNya kepada Malaikat lalu ia berfirman, terangkanlah kepadaKu nama benda-benda ini semuanya jika kamu golongan yang benar.*” Melalui ayat ini, betapa kita melihat setelah penciptaan Adam, dia telah diajar dengan nama-nama. Tugas mengajar ini dibuat oleh Allah SWT sendiri, bukannya orang lain, bukannya para Malaikat tetapi di dalam kupasan kitab-kitab mengatakan bahawasanya tugas-tugas mengajar ini dibuat oleh Dia, Allah sendiri pada Nabi Adam A.S.

Kedua, kita melihat kepada kisah Nabi Muhammad SAW bila mana pertama kali wahyu diturunkan, Nabi Muhammad telah diturunkan wahyu dan diajar kalimah pertama, ayat pertama di dalam Al-Quran iaitu *Iqra'*. *Iqra'* ini diajar oleh Jibrail A.S di mana peranan mengajar ini telah dibuat oleh Malaikat. Justeru, daripada dua kisah tersebut dapat kita katakan peranan seorang guru, peranan orang yang mendidik, peranan tenaga pengajar adalah sangat mulia. Justeru, selayaknya mereka diberi penghormatan, diletakkan, di martabat kehormatan yang sangat tinggi kerana merekalah yang bakal mendidik golongan pada hari ini.

Jika kita lihat senario masyarakat lama, begitu sekali guru-guru diberi martabat yang tinggi sehinggakan ibu bapa sanggup melepaskan dan memberikan mereka kuasa untuk menghukum anak-anak mereka yang tidak dengar kata, tidak dengar nasihat, tidak mengikut pengajaran guru-guru. Begitu sekali guru-guru diberi kepercayaan dan begitu sekali masyarakat dahulukala, guru-guru melaksanakan tugasnya dengan begitu penuh tanggungjawab.

Namun, senario hari ini kita lihat martabat guru, kadang-kadang guru tidak dihormati. Bukan setakat anak-anak, pelajar yang tidak menghormati guru tetapi ibu bapa sendiri tidak menghormati guru. Jadi, macam mana peranan institusi guru ini boleh memainkan peranan yang begitu besar sedangkan ia tidak diberi penghormatan yang begitu tinggi. Hari ini, para guru boleh dikatakan anak-anak diserap, diajar dengan takut kepada guru bukannya hormat kepada guru.

Seterusnya, saya di sini ingin menyarankan kepada pihak kerajaan agar menjalankan tindakan yang sesuai ataupun mendidik ataupun mengadakan satu kempen besar-besaran ke arah menjana semula, memartabatkan semula, hormat kepada guru, hormat kepada pendidik, bukan setakat hormat di kalangan pelajar tetapi penghormatan daripada ibu bapa kepada guru-guru yang mendidik anak-anak mereka.

Kedua, guru adalah pendidik, guru bukan semata mengajar membaca, mengira, mengenal huruf, mengenal abjad tetapi guru juga mengajar, menanam, memupuk moral, akhlak dan nilai kepada para pelajar dan masyarakat. Lebih-lebih lagi hari ini, kita lihat ibu bapa sibuk dengan urusan pekerjaan masing-masing. Banyak masa anak-anak dihabiskan dengan guru-guru sama ada di peringkat taska, sekolah rendah, sekolah menengah ataupun institusi pengajian tinggi.

Jadi, hari ini guru bukan setakat mengajar, mereka perlu menjadi *role model*. Dengan demikian, guru bukan setakat perlu profesional tetapi malah perlu mempunyai tingkah laku moral yang tinggi dan lebih-lebih lagi sekiranya guru itu beragama Islam. Seorang guru yang beragama Islam tidak boleh melepaskan tanggungjawab akhlak kepada guru-guru yang mengajar agama. Malah beliau sendiri seorang guru yang beragama Islam...

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Mohon penjelasan.

**Puan Hajah Khairiah binti Mohamed:** Ya.

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Terima kasih. Saya mengalu-alukanlah pandangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat tadi. Akan tetapi yang ingin saya tahu, sejauh manakah perkara yang, Yang Berhormat timbulkan itu dapat dimanfaatkan untuk memperkasa rang undang-undang ini apabila sudah menjadi akta nanti dan dapat dimanfaatkan untuk mencapai segala nilai-nilai unggul, nilai-nilai murni di dalam profesi perguruan seperti Yang Berhormat timbulkan itu. Oleh sebab yang kita bincangkan sekarang ialah bagaimana supaya Yayasan Guru Tun Hussein Onn ini dapat berfungsi dengan berkesan mencapai matlamat yang kita tuju.

Jadi, kalau dapat Tuan Yang di-Pertua, itu kalau dapat Yang Berhormat timbulkan barangkali akan lebih banyak manfaatnya pada kita. Bagaimana segala nilai-nilai unggul, nilai-nilai murni yang, Yang Berhormat timbulkan itu dapat memperkasakan yayasan yang hendak didirikan berdasarkan kepada rang undang-undang ini. Terima kasih.

**Puan Hajah Khairiah binti Mohamed:** Terima kasih. Jadi, yayasan ini bertujuan untuk menjaga kebajikan para guru. Melalui yayasan ini banyak program yang bakal dilaksanakan bagi memastikan kebajikan para guru terjaga. Melalui kebajikan para guru yang terjaga ini *insya-Allah* boleh mewujudkan, menjaga kebajikan para guru dan guru boleh menunjukkan prestasi yang lebih cemerlang.

Oleh sebab itu, kalau kita lihat pada hari ini masalah guru terutamanya dari sudut tekanan kerja, daripada sudut tingkah laku pelajar, masalah ini merupakan sangat besar dan menjadi beban besar kepada para guru. Kadang-kadang mereka tidak boleh menunjukkan prestasi kerja yang cemerlang. Jadi, melalui pembentukan yayasan ini dengan bekerjasama sekali dengan Kementerian Pendidikan, diharap akan dapat mewujudkan ataupun memantapkan lagi prestasi para guru kita.

#### ■1720

Saya sambung balik. Jika kita melihat kepada rang undang-undang ini, rang undang-undang ini telah memansuhkan Kumpulan Wang Simpanan Guru dan berdasarkan Kumpulan Wang Simpanan Guru yang akan dibubarkan, saya mohon setakat sehingga hari ini, berapakah jumlah caruman yang ada ataupun berapakah jumlah aset yang dimiliki oleh KWSG sama ada dalam bentuk tunai mahupun dalam bentuk aset-aset yang lain?

Kedua, saya mohon untuk mengetahui berkenaan dengan apakah manfaat secara langsung ataupun mungkin dalam bentuk dividen yang telah diberi kepada pencarum-pencarum melalui Kumpulan Wang Simpanan Guru ini?

Seterusnya saya ingin juga mengetahui sebelum ini wang-wang yang berada di bawah KWSG, bagaimanakah bentuk pelaburan yang telah dibuat dan siapakah yang menguruskan Kumpulan Wang Simpanan Guru ini sebelum ini?

Seterusnya jika kita melihat kepada fungsi dan kuasa yang berada dalam fasal 5 dan 6, kita melihat beberapa fungsi berdasarkan fasal 5 sebagaimana yang telah disebut tadi dan berdasarkan fasal 6 – kuasa-kuasa, kita lihat kuasa Yayasan Guru Tun Hussein Onn ini juga meliputi kuasa-kuasa pelaburan, kuasa-kuasa pinjaman dan sebagainya.

Cuma saya ingin membangkitkan di sini, kemungkinan adakah perlu melalui fasal 5 – fungsi, selain daripada fungsi-fungsi yang telah disebutkan tadi, kemungkinan perlu satu fungsi lain iaitu penjana ekonomi ataupun penjana kewangan bagi mengukuhkan kewangan yayasan ini justeru dapat menjalankan aktiviti-aktiviti yang lebih lagi ke arah meningkatkan lagi profesion perguruan?

Saya sambung sedikit apa yang telah disebut oleh Yang Berhormat Senator tadi berkenaan dengan guru-guru yang memberi tuisyen percuma kepada anak-anak yang kurang berkemampuan. Saya mohon yayasan ini mungkin dapat membantu menjadi pemangkin ke arah pewujudan persatuan-persatuan di kalangan pesara-pesara guru di mana pesara-pesara guru ini sebahagian besar masih lagi sihat dan mampu memberi sumbangan kepada masyarakat. Di kalangan mereka merupakan golongan-golongan yang berada bukan di tahap miskin dan mampu memberi sumbangan kepada masyarakat dalam bentuk memberi tuisyen percuma dan sebagainya. Jadi yayasan ini kemungkinan dapat membantu menjadi pemangkin agar mereka terus boleh memberi sumbangan kepada masyarakat dalam bentuk kemahiran yang mereka ada.

Seterusnya kalau merujuk kepada fasal 5(c), antara fungsi yayasan adalah melakukan apa-apa perkara yang wajar atau suai manfaat dan perlu dalam menjaga kebajikan guru. Di sini saya ingin menyarankan jika sebelum ini biasanya dalam menjaga kebajikan guru, mereka diberi sumbangan dalam bentuk khairat kematian, sumbangan untuk anak cemerlang, sumbangan untuk mengerjakan haji, tetapi saya ingin mencadangkan di sini agar pesara-pesara guru ini diberi insentif untuk mengerjakan haji di mana pihak Yayasan menjadi pihak pengantara bagi membantu mereka untuk memastikan mereka mengerjakan haji. Kemungkinan ramai di kalangan mereka yang tidak mampu untuk mengerjakan haji ataupun di usia yang telah panjang tetapi masih lagi belum mengerjakan haji, maka saya kira mereka ini perlu dibantu untuk mengerjakan haji memandangkan ia merupakan salah satu daripada Rukun Islam.

Merujuk kepada seksyen 10, jika kita lihat kepada ahli lembaga, saya di sini ingin mencadangkan agar di samping ahli-ahli yang telah dicadangkan sebagaimana fasal 10(1) daripada (a) hingga (g), saya ingin menyarankan di sini agar dilantik juga salah seorang anggota daripada Lembaga daripada kalangan aktivis daripada persatuan-persatuan guru yang mewakili para guru selain daripada sebagaimana yang telah disenaraikan di (a) hingga (g).

Saya kira setakat itu sahaja. Cuma mungkin saya memohon keizinan daripada Tuan Yang di-Pertua untuk saya baca satu petikan puisi sedikit berkenaan guru. Sepuluh baris ayat sahaja. Boleh?

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Puan Hajah Khairiah binti Mohamed:** Saya petik di sini karya daripada sasterawan negara, Osman Awang 1979 bertajuk, “Guru oh Guru.”...

*Jika hari ini seorang Perdana Menteri berkuasa;*

*Jika hari ini seorang Raja menaiki takhta;*

*Jika hari ini seorang Presiden sebuah negara;*

*Jika hari ini seorang ulama yang mulia;*

*Jika hari ini seorang peguam menang bicara;*

*Jika hari ini seorang penulis terkemuka;*

*Jika hari ini siapa sahaja menjadi dewasa;  
Sejarahnya dimulakan oleh seorang guru biasa;  
Dengan lembut sabarnya mengajar tulis baca.*

Jadi saya kira inti pati kepada ucapan saya sebenarnya adalah kita perlu memartabatkan semula institusi perguruan ini dengan apa cara, kempen dan sebagainya. Sekian, *wabillahi taufiq walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Tuan Yang di-Pertua:** *Waalaikumsalam.* Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Datuk Haji Saat bin Haji Abu. Ada? Silakan.

**5.28 ptg.**

**Datuk Haji Saat bin Haji Abu:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,* salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana saya diberi peluang dan ruang untuk membahaskan Rang Undang-undang Yayasan Guru Tun Hussein Onn bagi tahun 2014.

Pertamanya saya ingin merakamkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih dan syabas kepada kerajaan khususnya Kementerian Pendidikan kerana memperkenalkan Rang Undang-undang Yayasan Tun Hussein Onn bagi tahun 2014. Rang Undang-undang itu yang akan mengambil alih fungsi dan peranan Kumpulan Wang Simpanan Guru adalah langkah terbaik kerajaan untuk melatih guru-guru dan memperbaiki mutu pendidikan negara. Ini kerana kerajaan sejak sekian lama telah melakukan pelbagai usaha bagi memperbaiki sistem dan perkara berkaitan kebajikan guru dengan latihan-latihan yang telah disediakan.

Akan tetapi pastinya soal kebajikan guru adalah satu yang kita ambil kira. Ia termasuklah bebanan guru yang hendak kita tangani dan sudah pun mula kita tunaikan. Namun, dalam melaksanakan tujuan murni kerajaan, saya ingin mengambil peluang dalam perbahasan di Dewan yang mulia ini untuk mengutarakan beberapa pendapat.

Seperti kata pujangga James Allen, perjalanan 1,000 batu bermula dengan satu langkah. Oleh itu, bagi...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, kerana masa telah menunjukkan tepat pukul 5.30 petang, Yang Berhormat boleh sambung esok dan juga kepada semua Ahli Yang Berhormat yang berada dalam Dewan ini, saya ucapkan banyak-banyak terima kasih. Saya hendak menyarankan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang baru kalau boleh cubalah ambil peluang untuk berucap atau berbahas. Kita hendak dengar suara Yang Berhormat juga as *your maiden speech*, dengan izin. *There is nothing difficult about it*, dengan izin, dan ada juga saya nampak keluar langsung tidak balik tetapi tidak dapat izin daripada saya, berhentikan perkara ini kerana saya hendak lihat semua Ahli Yang Berhormat duduk dalam Dewan kecuali kalau hendak pergi solat, hendak buang air dan sebagainya, itu tidak ada masalah. Jangan menghilangkan diri. Enam hari sahaja, enam hari sahaja Yang Berhormat bersidang. *Concentrate on what you have been given a mandate* oleh orang yang memberi kuasa ataupun peluang kepada Yang Berhormat.

Dengan itu saya berhentikan hari ini dan kita sambung semula pada esok hari jam 10 pagi. Sekian, *wabillahi taufiq walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

***[Dewan ditangguhkan pada pukul 5.31 petang.]***